

**POLA PERSONALITI-PERSEKITARAN (P-E FIT)
DAN PERBANDINGAN KONGRUEN PERSONALITI
PERSEKITARAN (EAT) PELAJAR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, SKUDAI**

**HAMDAN BIN HJ. ABD. KADIR (KETUA)
DR. MOHAMED SHARIF BIN MUSTAFA
P.M. SYED SHAFIQ BIN SYED MANSOR AL-HABSHI**

VOTE NO. : 71906

**JABATAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
FAKULTI PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

2004

ABSTRAK

Kajian deskriptif ini telah dijalankan di kalangan pelajar-pelajar Universiti Teknologi Malaysia, Skudai dalam Semester 1, tahun 3 dan 4 Program Sarjana Muda dari 60 jenis kursus bagi tahun pengajian 2003 / 2004. Seramai sekurang-kurangnya 30 orang pelajar telah dipilih secara rawak bagi mewakili setiap kursus pengajian dari 10 buah fakulti. Objektif utama kajian ini ialah untuk mengenalpasti pola-pola personaliti-persekitaran (P-E Fit) berasaskan Kod Tiga-Huruf Tripologi Holland (1973) di kalangan para pelajar UTM, tahap keserasian (kongruen) pola-pola personaliti-persekitaran (EAT) dan perbezaan tahap kongruen dari segi demografi iaitu dari segi jantina. Instrumen kajian yang telah digunakan ialah satu set soal selidik yang terdiri daripada inventori *Self-Directed Search-Form Easy* (SDS-E) versi Amla (1984) berdasarkan inventori SDS-E John L.Holland (1973, 1985). Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS – PC+) yang melibatkan pengiraan frekuensi, peratusan, min, dan sisihan lazim. Ujian-t dua hujung juga telah digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan jantina dalam pola personaliti-persekitaran (EAT) di kalangan pelajar-pelajar lelaki dan perempuan mengikut kursus masing-masing. Keputusan kajian perbandingan Kongruen Personaliti-Persekitaran (EAT-UTM) setiap kursus dari segi jantina berdasarkan analisis ujian-t yang menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan Kongruen Personaliti - Persekitaran (EAT-UTM) di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan yang mengikuti kursus-kursus SMP-SM Kej (Mekanikal-Pembuatan), SMT-SM Kej (Mekanikal-Aerounatik), SRI-SM Sains (Rekabentuk Industri), SKG-SM Kej (Kimia-Gas), SSB-SM Sains (Biologi Industri), SPG-SM Sains serta Pendidikan (Biologi), SPH-SM Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup), SPI-SM Teknologi serta Pendidikan (Kej Mekanikal), SPN-SM Sains serta Pendidikan (Sains), SPP-SM Sains dan Komputer serta Pendidikan (Fizik) dan SPT-SM Sains dan Komputer serta Pendidikan (Matematik). Nilai 'p' yang diperolehi ialah antara 0.003 hingga 0.04 manakala aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.05 (5%). Nilai 'p' ini adalah sangat rendah dan ini menunjukkan kecenderungan ke arah yang signifikan. Bagi lain-lain kursus, analisis ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan Kongruen Personaliti-Persekitaran (EAT-UTM) di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan signifikan pada aras $p \leq 0.05$. Indeks Kesesuaian Iachan dan Wiggins (1981) digunakan untuk menentukan kesesuaian di antara personaliti yang diperolehi dengan kod persekitaran. Keputusan kajian menunjukkan bahawa jenis personaliti sosial telah muncul sebagai jenis yang dominan dan keseluruhan dapatan kajian menunjukkan tahap keserasian (kongruen) personaliti-persekitaran bagi 60 jenis kursus adalah "hampir tidak padan". Kajian ini berjaya meninjau bahawa terdapat elemen-elemen dalam sesetengah bidang pengajian atau pekerjaan itu tidak selaras dengan minat personaliti individu sebagaimana yang telah disarankan oleh Teori Kerjaya Tipologi Holland (1973, 1985) dan *The Educational Opportunities Finder (EOF)* oleh Holland (1973, 1985). Sebagai kesimpulan, hasil kajian ini memberi ruang untuk disusuli dengan kajian lanjutan mencari hubungan pencapaian akademik dan gaya pembelajaran dengan pola-pola personaliti-persekitaran pelajar-pelajar. Dengan itu adalah dicadangkan agar pihak universiti dengan kerjasama Unit Perkembangan Sumber Pelajar, Universiti Teknologi Malaysia membentuk pemetaan 'College Major' ala Malaysia untuk kaunselor-kaunselor bagi rujukan kemasukan pelajar-pelajar baru ke Universiti Teknologi Malaysia khususnya, memandangkan bahawa kesesuaian sesuatu bidang pengajian atau pekerjaan itu penting berorientasikan diri pelajar dengan persekitarannya.

ABSTRACT

This descriptive research was carried out among first semester, third and fourth year students who were doing bachelor programme study in the University of Technology Malaysia, Skudai, Johor Darul Takzim. The study consisted a random sample of at least 30 respondents from each course among 60 courses from 10 faculties. The main aim of this research firstly, to examine the personality-environment (P-E Fit) suitability of the students of the various fields related to Holland's Personality-Environment Typology or Holland's 3-letters personality-environment concordance code in the various fields, secondly, the degree of congruence personality-environment (EAT) relations to various fields and thirdly, the degree of difference of congruence based on demography among different sexes and courses. The instrument used was a set of questionnaires comprising of mainly of Amla's modified version Self-Directed Search-Form Easy based on John L.Holland's SDS-E inventory. All data were obtained and analysed using the Statistical Packages of Social Sciences (SPSS-PC+) and its subsequent analysis are expressed in the form of frequency, percentages, mean and standard deviation. The data obtained were also analysed by the two-tail t-test to determine whether there would be sex difference in the personality-environment pattern of congruence in various courses. The research result indicated that there were significant differences of concordance among personality-environment patterns (EAT-UTM) between female and male students of such courses namely SMP-Bachelor of Engineering (Production & Mechanical), SMT-Bachelor of Engineering (Mechanical & Aeronautics), SRI-Bachelor of Science (Industrial Design), SKG-Bachelor of Engineering (Gas-Chemistry), SSB-Bachelor of Science (Industrial Biology), SPG-Bachelor of Science with Education (Biology), SPH-Bachelor of Technology with Education (Living Skills), SPJ-Bachelor of Technology with Education (Mechanical Engineering), SPN-Bachelor of Science with Education (Science), SPP-Bachelor of Computer Science with Education (Physics) and SPT- Bachelor of Computer Science with Education (Mathematics). Value of 'p' is between 0.003 and 0.04 at the significance level of 0.05 (5%). In addition, Iachan dan Wiggin's Index of Compatibility (1981) between the obtained personality patterns and environment code were also used. The overall result showed that the Social Personality type did emerge as a dominant type which meant to say that the level of concordance of personality-environment patterns (EAT) among these samples of students were "below level of suitability". In general this research surveyed successfully on certain element per se that could not match their interest with personality-environmental pattern in certain fields of study as suggested by Holland's Career Typology Theory and The Educational Opportunities Finder (1973, 1985). The overall result of this research paved the way for further academic research to examine relationship between personality-environment pattern (EAT) with academic performance and style of students' learning in the university. In conclusion, the researcher suggests with the cooperation of Student Resource Development Unit, University of Technology Malaysia to form "college majors" based on Malaysian backgrounds for counselors for their own reference with the new students intake, especially, when looking through the perspective of orienting the students concordance with their personality traits and learning environments.

SENARAI KANDUNGAN

BAB KANDUNGAN	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK (BAHASA MALAYSIA)	ii
ABSTRAK (BAHASA INGGERIS)	iii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI LAMPIRAN	viii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI RAJAH	xv
BAB 1 – PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pendekatan Teori Tipologi Kerjaya Holland	12
1.3 Pernyataan Masalah	14
1.4 Persoalan Kajian	16
1.5 Objektif Kajian	16
1.6 Kepentingan Kajian	17
1.7 Skop Kajian	19
1.8 Batasan Kajian	19
1.9 Tempat Kajian	19
1.10 Definisi Konsep	19
1.10.1 Kesesuaian (Kongruen)	20
1.10.2 Darjah Kongruen (Keserasian)	20
1.10.3 Personaliti	20
1.10.4 Pola Personaliti	24
1.10.5 Persekitaran	24
1.10.6 Hubungan Personaliti-Persekitaran (P-E Fit)	27
1.10.7 Pelajar-Pelajar UTM	27
1.11 Hipotesis Kajian	27

BAB KANDUNGAN**MUKA SURAT****BAB 2 KAJIAN-KAJIAN LEPAS**

2.1	Pendekatan Teori	37
2.2	Kajian Dalam Negara	44
2.3	Kajian Luar Negara	51
2.4	Rumusan Kajian Lepas	55

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	56
3.2	Reka Bentuk Kajian	56
3.3	Tempat Kajian	57
3.4	Alat Kajian	57
3.4.1	Bahagian A: Butir-butir Diri Responden	57
3.4.2	Bahagian B: Alat Ukuran Self-Directed Search-Form Easy Versi Amla	57
3.5	Skor Manual Self-Directed Search – Form Easy (SDS-E)	59
3.6	Indeks Iachan Untuk Darjah Keselarasan	61
3.7	Kebolehpercayaan dan Kesahihan SDS-Form Easy (SDS-E)	63
3.8	Skop dan Had Kajian	64
3.9	Subjek dan Sampel Kajian	64
3.9.1	Subjek Kajian	64
3.9.2	Sampel Kajian	64
3.9.3	Penyata bilangan responden yang memulangkan soal selidik untuk tindakan selanjutnya	69
3.10	Prosedur Kajian	72
3.11	Penganalisan Data	73
3.12	Rumusan	73

BAB KANDUNGAN	MUKA SURAT
BAB 4 KEPUTUSAN KAJIAN	
4.0	Pengenalan 74
4.1	Keputusan Kajian Bahagian A 74
4.1.1	Latar Belakang Responden 75
4.2	Keputusan Kajian Bahagian B 81
4.2.1	Pola Personaliti Setiap Kursus Mengikut Fakulti 81
4.2.2	Pola Persekitaran Setiap Kursus Mengikut Fakulti 87
4.3	Analisis Tahap Kongruen Pola Personaliti - Persekitaran (KEAT) Setiap Kursus Mengikut Fakulti 93
	Analisis Tahap Kongruen Pola Personaliti-Persekitaran (KEOF) Setiap Kursus Mengikut Fakulti 96
4.4	Perbandingan Kongruen Personaliti - Persekitaran (KEAT-UTM) Dari Segi Jantina 98
	Perbandingan Kongruen Personaliti - Persekitaran (KEOF) Dari Segi Jantina 101
BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.0	Pengenalan 105
5.1	Respon Para Pelajar Tentang Kesesuaian Kursus 106
5.2.	Perbincangan tentang pola-pola personaliti-persekitaran pelajar-pelajar dalam setiap jenis kursus Pengajian Sarjana Muda di UTM berasaskan Kod Tiga-Huruf Tripologi Holland. 111
5.2.1	Pola Personaliti (KEAT) Setiap Kursus dan Pola Personaliti Holland (EOF) 111
5.2.2	Pola Persekitaran (KEAT) dan Pola Persekitaran Holland (KEOF) Setiap Kursus Di Fakulti 120
5.2.3	Tahap Kongruen Personaliti - Persekitaran (KEAT) Dan Personaliti - Persekitaran Holland (KEOF) 130
5.3	Perbandingan Kongruen Personaliti - Persekitaran (EAT-UTM) Dan Personaliti - Persekitaran (EOF) Setiap Kursus Dari Segi Jantina 141
5.3.1	Analisis Ujian-t Perbandingan Kongruen Personaliti - Persekitaran (EAT-UTM) Setiap Kursus Dari Segi Jantina Menjawab Hipotesis Kajian 141

BAB KANDUNGAN	MUKA SURAT
5.3.2 Analisis Ujian-t Perbandingan Kongruen Personaliti - Persekitaran (EOF) Setiap Kursus Dari Segi Jantina Menjawab Hipotesis Kajian	158
6.0 Implikasi Kajian	174
7.0 Kelemahan-Kelemahan Kajian	179
8.0 Cadangan-Cadangan	179
9.0 Kesimpulan dan Penutup	181
Bibliografi	182

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Bersyukur saya kehadiran Illahi kerana dengan berkat rahmatNya kajian yang telah dijalankan ini telah dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan (Research Management Centre) Universiti Teknologi Malaysia, di atas kelulusan kertas cadangan projek tempoh bulah sehingga kami kini dapat menyempurnakan projek penyelidikan bertajuk “Pola Personaliti-Persekitaran (P-E Fit) dan Perbandingan Kongruen Personaliti-Persekitaran (EAT) setiap Kursus di kalangan Pelajar-Pelajar Universiti Teknologi Malaysia” dengan jayanya.

Ucapan terima kasih juga kami ucapkan kepada semua Dekan Fakulti Universiti Teknologi Malaysia, khususnya Dekan Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Manusia yang telah memberi kerjasama dan membenarkan kajian ini dijalankan di fakulti-fakulti berkenaan.

Rasa terima kasih juga kami rakamkan kepada para pensyarah, rakan-rakan sejawat yang banyak membantu kami dalam menyiapkan kajian ini.

Usaha menyempurnakan laporan penyelidikan ini tidak akan memberikan hasil yang sempurna sekiranya tidak dapat maklumbalas yang positif daripada para responden dan pembantu-pembantu kajian ini. Oleh itu kami tidak lupa merakamkan ucapan terima kasih sekali lagi di atas kerjasama dan sokongan yang telah diberikan.

Hamdan bin Hj. Abd. Kadir (Ketua Penyelidik)
Dr. Mohamed Sharif bin Mustafa
Prof. Madya Syed Shafeq bin Syed Mansor Al-Habshi

Tarikh : 1 April 2004

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Apabila kita membicarakan tentang kehidupan manusia dari segi kesesuaian personaliti dengan persekitaran hidup, kita juga membicarakan tentang dunia pekerjaan dan pembelajaran manusia dalam sesuatu jangka masa, tempat dan keadaan yang sejagat. Justeru itu ia memberi gambaran kepada kita bahawa hidup ini memerlukan kesedaran awal betapa pentingnya untuk mengetahui profil pola personaliti yang diwarisi oleh sesuatu budaya itu dengan persekitaran pekerjaan atau pembelajaran. Secara langsung kajian ini menyedarkan kita betapa perancangan kerjaya merupakan proses keseluruhan pekerjaan dan pembelajaran yang di alami oleh seseorang individu sepanjang hidupnya. Kesesuaian di antara personaliti diri dengan persekitaran kerjaya di anggap penting kerana ia dapat menentukan tahap pengekalan minat, kecekapan, motivasi dan produktiviti bekerja dan belajar.

Proses melahirkan warga pelajar yang bersedia menjadi tenaga kerja berkualiti dan memenuhi keperluan semasa merupakan agenda penting negara. Sehubungan itu, kerajaan Malaysia melalui Dasar Pendidikan Negara telah menekankan matlamat bahawa menjelang tahun 2020, sejumlah 60% kursus adalah dalam bidang sains dan teknologi dan 40% dalam bidang sastera dan kemanusiaan. Dasar ini selaras dengan wawasan negara menuju ke arah negara industri penuh menjelang 2020. Dasar ini selaras dengan kenyataan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang menyatakan menjelang tahun 2000, sebanyak 80% bidang keperluan tenaga manusia profesional yang mendesak ialah dalam bidang kejuruteraan dan teknikal, perakaunan, seni bina, juru ukur dan perguaman.

Personaliti adalah organisasi dinamik di dalam diri seseorang individu itu di mana sistem psikologi menentukan penyesuaian unik. Kesesuaian personaliti dengan persekitaran kehidupan itu sangat penting dan merupakan asas dalam menentukan keharmonian dan kejayaan hidup seseorang individu dalam dunia pekerjaan, pembelajaran dan tanggungjawabnya terhadap masyarakat sekeliling. Penentuan

persekitaran dalam kampus UTM khususnya, haruslah kongruen dan selaras dengan personaliti para pelajar kerana ia akan memberi satu kepuasan psikologi yang dimanifestasikan melalui motivasi pencapaian yang tinggi dalam bidang pengajian masing-masing. Keberkesanan penyesuaian pelajar di kampus unversiti ialah darjah kesesuaian kerjaya yang dapat dikaitkan secara langsung dengan motivasi pencapaian dan pencapaian akademik (Mohd. Aziz Shah, 1999). Berdasarkan Teori Kerjaya Holland (1973, 1985) menegaskan apabila terdapat keselarasan antara personaliti dan persekitaran dalam pemilihan kerjaya maka ia akan menghasilkan keserasian individu dengan bidang pengajian atau kerjayanya. Seterusnya ia akan memperlihatkan kesungguhan dan keterampilan yang akan menghasilkan motivasi pencapaian yang tinggi dan pencapaian akademik yang memuaskan serta konsisten (Holland, 1997).

Kajian yang dijalankan ini secara langsung menyokong teori Holland tentang pemilihan kerjaya iaitu individu yang mempunyai personaliti yang sama atau seakan-akan sama sudah tentu akan memilih jenis pekerjaan atau bidang pembelajaran yang seakan-akan sama dengan personaliti mereka juga (Holland, 1985).

Proses perkembangan potensi manusia rohani dan jasmani adalah proses seumur hidup khususnya dalam bidang kerjaya adalah secara berterusan. Ia haruslah relevan pada bidang pengkhususan pengajian yang diceburi oleh para pelajar sebagai satu “stepping stones”. Anggapkanlah ia sebagai perancangan dan persediaan yang lebih terperinci dalam proses penerokaan bidang kerjaya. Bagaimanakah hubungkaitnya ciri-ciri personaliti mereka dengan persekitaran dalam bidang kerjaya yang diceburi? Perkara ini merupakan satu proses perkembangan yang memakan masa yang panjang. Proses perkembangan (penyesuaian) seseorang pelajar itu bermula dari proses memilih sesuatu bidang pengajian seterusnya bidang pekerjaan sehinggalah selepas masa persaraannya (Super, 1957).

Proses penyesuaian menyasikan diri menyebabkan timbulnya kesukaan bagi individu pelajar memilih cara gaya hidup yang *compatible* dan jitu dengan aspirasi dirinya yang menyentuh kerjaya, persekitaran dan pekerjaannya akan datang (Holland J.L dan Holland J.E. 1977).

Hall (1976) berpendapat bahawa setiap individu melihat tingkah laku dan gayanya secara turutan serta menggabungkannya dengan pengalaman dan aktiviti pekerjaan dalam keseluruhan hidupnya. Corak dan cara penyesuaiannya seseorang individu itu akan menentukan status sosial atau kedudukannya di dalam sesuatu masyarakat (Caplan 1954).

Mobiliti sosial dikaitkan dengan faktor yang menentukan kedudukan sosial seseorang individu itu di samping faktor persekitaran di dalam dunia kerjayanya. Sebaliknya boleh timbul keadaan dan sikap bekerja yang tidak produktif atau tiada motivasi ketika bekerja (Beck, 1983).

Pengkaji berminat untuk melihat tahap keselarasan (kongruen) hubungan personaliti dan persekitaran dalam kajian ini. Justeru itu pengkaji menyarankan penekanan kepada aspek keserasian. Proses perkembangan kerjaya adalah penting bermula dengan keserasian melihat dan mendalami hubungan persepsi seseorang individu itu terhadap persekitaran bidang pengajian atau pekerjaan yang diceburinya.

Keserasian di antara personaliti diri dengan persekitaran kerjaya amat penting kerana ia merupakan suatu penglahiran psikologikal dan sosiologikal yang mencerminkan pengetahuan individu, gambaran personaliti, kebolehan bekerja dan motivasi diri sewaktu membuat keputusan (Layton 1960). Hubungan antara faktor-faktor personaliti dengan jenis pekerjaan dan persekitaran adalah merupakan salah satu syarat yang menegaskan teori kerjaya Holland (Willermen dan Lee 1983).

Sebagaimana yang termaklum bahawa sekurang-kurangnya manusia hidup menuju ke arah menyempurnakan fitrahnya. Dunia pembelajaran dan pekerjaan merupakan satu kemestian bagi kehidupan manusia. Hidup manusia ialah mencari pekerjaan dan memastikan agar pekerjaan yang diceburi itu akan terus dijawat oleh mereka tanpa sebarang gangguan atau ancaman. Mereka akan cuba mencari kepuasan kerja yang maksima dan mengelak daripada stres dalam pekerjaan. Walau bagaimanapun mereka akan cuba membuat penyesuaian yang termampu dalam pekerjaan itu agar mereka boleh bekerja dengan penuh minat dan semangat.

Persediaan kerjaya bermula dari bangku sekolah lagi. Sejauh mana para pelajar telah diberi pendedahan tentang kerjaya dan dibimbing untuk membuat pemilihan dari aspek ilmu, pengetahuan dan pengalaman ke arah kesesuaian personaliti mereka dengan tempat kerja. Apa yang penting dalam membuat sesuatu pemilihan pekerjaan ialah untuk melihat sejauh mana wujudnya kesesuaian sesuatu pekerjaan dengan individu berkenaan. Kepuasan kerja adalah penting dalam sesuatu pekerjaan itu. Dengan adanya kepuasan kerja itu maka komitmen terhadap kerja akan bertambah dan sudah tentu akan meningkatkan mutu kerja sebagaimana yang diharapkan.

Dalam hal ini Parson dan Criters (1969) menyatakan bahawa pemilihan pekerjaan atau kerjaya adalah keputusan yang paling penting dalam kehidupan seseorang individu apabila ia mula memikirkan untuk memasuki dunia pekerjaan.

Proses membuat keputusan untuk memilih sesuatu bidang pengajian atau jenis pekerjaan bukanlah sesuatu yang mudah. Ia sebenarnya mempunyai wawasan dari segi kedudukan atau status sosial, mental, politik, kesihatan dan keselamatan. Sayugia diingatkan bahawa sewajarnya lah siswazah yang menganggur terutamanya di kalangan siswazah yang sudah mendapat ijazah yang cemerlang mahu mencari pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan dan peribadi mereka. Justeru itu timbullah berbagai-bagai dilema di kalangan siswazah muda yang masih kabur lagi tentang diri mereka bagaimana mereka dapat menyesuaikan diri mereka pada persekitaraan pekerjaan yang bukan sealiran dengan personaliti mereka.

Dalam hal yang tersebut di atas, Sharp dan Merva (dalam Amir Awang, 1983) menyatakan bahawa masalah pemilihan bidang pengajian dan pekerjaan merupakan kategori masalah yang terbesar yang sering dimajukan oleh individu-individu yang berkenaan. Oleh itu jika dihalusi dengan teliti maka terdapat beberapa sebab mengapa berlakunya kerumitan membuat pemilihan bidang pengajian dan pekerjaan di kalangan individu-individu. Menurut Amir Awang (1983) ada tiga sebab utama mengapa perkara ini berlaku iaitu :

- i. Kesukaran membuat keputusan (indecision and indecisiveness) merupakan

suatu masalah dalam pemilihan kerjaya. Masalah ini timbul kerana seseorang individu itu mempunyai minat dalam pelbagai bidang. Kebanyakan daripada individu-individu ini kurang jelas tentang potensi dan minat mereka. Mereka kurang memahami dan jelas tentang ke mana hala potensi dan minat mereka harus disalurkan iaitu sama ada ke bidang pengajian atau pekerjaan yang lebih sesuai. Malah, terdapat pula individu-individu yang bersikap dingin iaitu seolah-olahnya tidak mempunyai minat sepenuhnya terhadap mana-mana bidang pengajian atau pekerjaan yang mereka ceburi.

- ii. Ketiadaan kesempurnaan bimbingan ketika membuat pemilihan kerjaya menyebabkan sistem pemilihan kerjaya kurang mantap. Individu-individu tersebut kurang mendapat panduan dan motivasi dari pihak-pihak yang lain seperti ibu bapa, keluarga, kaunselor, guru dan orang-orang yang signifikan. Individu-individu ini kurang berbincang dengan orang-orang berkenaan untuk membantu mereka membuat keputusan yang jitu. Oleh yang demikian terserahlah kepada individu itu untuk mengagak minat, bakat, kebolehan dan sahsiahnya sama ada sesuai pada pemilihan yang dibuatnya. Malah, terdapat juga pemilihan yang terlalu lebih atau rendah jangkauan dengan kemampuan dan keupayaan semulajadi.
- iii. Kekurangan pengetahuan atau maklumat tentang pekerjaan atau bidang pengajian sama ada di pihak individu atau pembimbing juga menimbulkan masalah identiti individu yang membuat keputusan. Seseorang Individu itu boleh terpengaruh dengan keputusan orang lain sehinggakan boleh menimbulkan kekeliruan dan tekanan untuk membuat keputusan yang tepat. Sayugia ditegaskan bahawa keadaan-keadaan seperti ini bukanlah sesuatu yang luar biasa berlaku di peringkat umur dan proses perkembangan seseorang individu.

Berdasarkan ketiga-tiga aspek yang dijelaskan di atas maka dapatlah dirumuskan bahawa kekurangan pengetahuan, bimbingan dan kefahaman tentang bakat, minat, keupayaan, dan kebolehan diri merupakan faktor utama yang membuat individu-

individu itu menghadapi kesukaran dalam sistem membuat pemilihan kerjaya. Sehubungan dengan itu Williamson (1964) menegaskan bahawa tidak ada makna memberi kebebasan membuat pemilihan sesuatu pekerjaan jika tidak mempunyai pengetahuan yang lengkap tentang kebolehan dan juga potensi diri serta minat yang sesuai dengan ciri-ciri sesuatu pekerjaan itu. Oleh yang demikian apabila tiba waktu mereka menghadapi cabaran bekerja sama ada kerana Tuhan, desakan keluarga ataupun desakan hidup (survival) maka mereka memilih sesuatu bidang pengajian atau pekerjaan itu secara jahil dan terpaksa. Masalah ini timbul apabila individu-individu tersebut terasa tidak adanya kesesuaian di antara personaliti dengan bidang pengajian atau pekerjaan mereka. Dengan itu timbullah rasa putus asa di kalangan mereka. Seterusnya mereka merasa sukar untuk memberikan komitmen yang sepenuhnya terhadap tugas-tugas harian. Hal ini sekiranya menular ke semua peringkat organisasi besar kemungkinan akan rosaklah jentera pengeluaran yang lebih produktif. Mahfum hadis iaitu dari Nabi Muhammad s.a.w. ialah :

... sekiranya pekerjaan itu dilakukan oleh orang yang bukan ahli dalam bidangnya

maka tunggulah masa keruntuhannya.

Sehubungan dengan itu terdapat kajian yang dijalankan untuk melihat keesahan pemilihan sesuatu pekerjaan. Lockwood (dalam Amir Awang, 1983) menyatakan bahawa dalam konteks pemilihan pekerjaan itu soal kesempurnaan dalam pemilihan jarang diambil kira oleh para pelajar. Beliau memberi rumusan tentang perkara ini. Di antaranya ialah :

- i. Kebijaksanaan memilih pekerjaan oleh para pelajar yang berada di tingkatan pelajaran yang tinggi ada batasanya kerana ada risiko bahawa mereka boleh cenderung untuk membuat jangkauan terlalu tinggi sehinggakan memilih sesuatu pekerjaan yang tidak setimpal dengan kelulusan akademik mereka.
- ii. Pilihan-pilihan yang dibuat ialah lebih memberatkan tujuan mencapai kemajuan dari segi status sosio-ekonomi tanpa memikirkan

kesesuaiannya dari aspek kesetimpalannya dengan kebolehan, minat, keupayaan dan tempat kerja.

- iii. Pekerjaan-pekerjaan yang dipilih selalunya pekerjaan yang berada dalam kategori atasan atau menengah iaitu yang boleh membawa ganjaran kewangan yang banyak, dan mempunyai prestij yang tinggi.
- iv. Khususnya di Amerika Syarikat, murid-murid tidak meminati mana-mana pekerjaan dalam kategori rendah walaupun bersesuaian dengan personaliti mereka.

Daripada apa yang dinyatakan di atas bahawa kurang terdapat pertimbangan tentang pemilihan sesuatu jenis pekerjaan itu dengan kemampuan diri baik dari segi akademik mahupun dari segi sahsiah atau personaliti. Sebagai contoh seorang anak terpaksa mengikut kehendak keluarganya apabila menjawat sesuatu jawatan demi untuk menjaga status keluarga tanpa memikirkan tentang persekitaran pekerjaan akur dengan naluri dan kehendak psikologikal anak itu. Akibatnya anak itu akan menjadi mangsa keadaan dalam dunia pekerjaan itu.

Menyedari hakikat ini maka kajian-kajian telah dibuat bagi mencari satu jalan keluar untuk memadankan sesuatu persekitaran pekerjaan dengan kesesuaian personaliti seseorang itu. Usaha ini bertujuan melihat pemilihan yang lebih sistematik yang tidak hanya tertumpu kepada aspek akademik semata-mata malah melibatkan keseluruhan aspek kemanusiaan itu sendiri. Salah satu daripada kajian-kajian yang dimaksudkan ialah kajian yang telah dipeloporkan oleh Holland (1966, 1973, 1978 dan 1985) mengenai keselarasan personaliti dengan persekitaran dan minat. Jenis personaliti yang diutarakan oleh Holland iaitu artistik, enterprising, konvensional, realistik, sosial dan investigatif.

Hasil dari kajian ini maka dapatlah ditegaskan bahawa semua manusia termasuk dalam salah satu daripada ciri-ciri tersebut. Begitu juga dengan alam pengajian dan latihan boleh di samaertikan seseorang pelajar yang mempunyai ciri-ciri realistik akan mencari jenis latihan atau pekerjaan yang berbentuk realistik juga. Dari situlah akan lahir kesesuaian antara ciri personaliti yang ada padanya dengan corak persekitaran,

latihan dan pekerjaan yang dipilihnya. Dalam konteks kebudayaan Malaysia hari ini, kita dapati bahawa pemilihan dalam lapangan pengajian dan pekerjaan kini sedang menjurus ke arah kesesuaian persekitaran dengan berorientasikan diri individu. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas di mana aspek ujian dan soal selidik mula dititikberatkan dalam sistem pemilihan calon-calon untuk menceburi dalam sesuatu lapangan pengajian atau pekerjaan.

Menurut Atan Long (1968) pilihan kerjaya mestilah selaras dengan kehendak individu untuk mengelakkan dari berlakunya pertukaran perkerjaan dalam masa yang singkat. Ungkapan yang begitu besar nilainya membawa maksud betapa kesesuaian persekitaran dan jenis pekerjaan ini meninggalkan impak yang besar dalam kehidupan individu dan masyarakat dalam konteks pembangunan negara dalam jangka masa yang panjang. Keadaan seumpama ini adalah penting untuk mengkategorikan individu-individu yang sesuai untuk sesuatu pekerjaan atau latihan yang tertentu. Justeru itu guna tenaga manusia dapat dijimat dan ditingkatkan kualitinya seberapa maksima yang mungkin.

Apabila terdapat ketidaksesuaian antara personaliti individu dengan persekitaran pekerjaannya akan berlakulah “brain-drain” dalam sesuatu perkhidmatan atau organisasi. Jika pengaliran ini dibiarkan menular akan merugikan pembangunan negara dalam jangka masa yang panjang. Seterusnya pihak-pihak organisasi atau kerajaan terpaksa meningkatkan perbelanjaan membina infrastruktur pekerjaan bertujuan untuk menimbulkan kesedaran melalui program motivasi dan memupuk komitmen kerja terhadap tugas yang diamanatkan kepada mereka, misalnya dengan slogan-slogan “Bersih, Cekap dan Amanah”, “Khidmat Cemerlang”, “Mutu Kawalan Kerja”, “Pengurusan Bermatlamat”, “Menuju ISO 1400” dan sebagainya.

Oleh yang demikian selaras dengan tamadun manusia yang semakin canggih dalam pelbagai bidang pengkhususan keilmuan seperti sains dan teknologi maklumat, teknologi perubatan, teknologi seni bina, sains dan falsafah dan sebagainya maka aspek pendidikan kerjaya dan pemilihan kerjaya turut menjadi begitu kompleks dengan penambahan berbagai bidang kerjaya terkini yang melengkapi kemodenan kehidupan manusia. Justeru itu perancang pendidikan dan pembangunan negara sentiasa meningkatkan komitmen mereka untuk menitikberatkan soal penyusunan

tenaga manusia yang berubah-ubah dengan memaskinkan sistem pendidikan dan latihan bersesuaian pada peraturan-peraturan yang ada sebagai persediaan tenaga manusia berpadanan dengan matlamat kemasyarakatan (Yeow Swee Hock, 1987).

Kepentingan keselarasan kerjaya juga wajar dinilai daripada sudut kepentingan kerjaya itu sendiri dalam kehidupan manusia. Kerjaya sesuatu yang tidak dapat dipisahkan dalam mengimbangi kehendak dunia dan akhirat. Ia adalah asas kehidupan manusia moden untuk menjalankan amanah kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara. Dalam hal ini, agama Islam sentiasa menggalakkan umat manusia untuk berusaha bersungguh-sungguh dan merebut peluang mencari pekerjaan dan rezeki anugerah Allah. Ini selaras dengan firman Allah SWT dalam al-Quran dan hadis rasulullah SAW seperti di bawah;

“Dan carilah dengan apa yang telah dianugerahkan oleh Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat dan janganlah kamu melupakan kebahagiaanmu daripada kenikmatan dunia” (surah al-Qasas:77).

“Bahawa Allah SWT sangat mencintai seseorang yang apabila ia mengerjakan sesuatu pekerjaan ia melaksanakan dengan bersungguh-sungguh” (Hadis riwayat: al-Baihaqi).

Mohd Mansur dan Siti Nordinar (1989), mendefinisikan mustahak dan bermakna sesuatu pekerjaan sebagai individu yang mesti aktif melakukan sesuatu untuk menyara kehidupannya daripada segi fizikal, mental serta psikologikal. Ini telah ditekankan sejak dahulu lagi oleh Maslow (1970), mengatakan bahawa pekerjaan adalah satu unsur asas keperluan manusia yang harus dipenuhi dalam proses untuk mencapai kesempurnaan sendiri.

Menyedari kepentingan membuat pemilihan kerjaya yang selaras, Super (1957) menegaskan kerjaya termasuklah persediaan sebelum seseorang itu menceburkan diri dalam bidang pekerjaan dan juga peranan-peranan lain yang dilakukan selepas bersara. Super (dalam Weinrach, 1979) mengatakan kepuasan bekerja dan kepuasan hidup adalah bergantung kepada sejauh mana seseorang

individu itu memperoleh jalan keluar yang mencukupi untuk menyalurkan kebolehan, minat dan nilai selain daripada pencapaian akademik seseorang pelajar.

Justeru, adalah suatu kerugian bagi masyarakat dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) apabila hanya mementingkan faktor pencapaian akademik dalam menentukan bidang kerjaya seseorang pelajar. Ini kerana, tanpa menekankan aspek keselarasan kerjaya dengan minat personaliti pelajar, maka matlamat jangka panjang negara untuk melahirkan pekerja yang berkualiti mungkin hanya sia-sia. Dalam hal ini, Lockwood (dalam Amir Awang (1983) yang mengakui dalam konteks pemilihan kerjaya, pemilihan dibuat lebih memberatkan kepada tujuan mencapai kemajuan ekonomi dan pengeluaran tanpa memikirkan aspek kemanusiaan seperti keselarasan, kesetimpalan, kebolehan dan minat.

Holland (1973, 1985), menghuraikan dalam teorinya bahawa seseorang tertarik kepada sesuatu pekerjaan disebabkan personaliti dan pembolehubah lain yang terkandung dalam latar belakang pekerjaan itu. Kajian ini memperlihatkan bagaimana personaliti seseorang berkait rapat dalam menarik minat seseorang untuk memilih bidang pekerjaan yang disukainya. Justeru, jelaslah tidak semua individu sesuai untuk semua jenis pekerjaan. Sidek Mohd Noah (1991) mengatakan, setiap individu berbeza daripada segi minat, nilai, personaliti, dan kebolehan. Oleh sebab itu, seseorang berkecukupan untuk menjawat dan melakukan beberapa jenis pekerjaan berdasarkan personalitinya. Atan Long (1968) menegaskan, pemilihan kerjaya mesti selaras dengan kehendak individu untuk mengelak daripada berlakunya pertukaran bidang pekerjaan dalam masa yang singkat. Ini bermaksud, seseorang mungkin mengambil jalan singkat dengan berhenti atau bertukar kerja sebagai jalan melarikan diri daripada ketidakselesaan bidang kerjaya apabila ketidakserasian personaliti berlaku.

Dari segi motivasi pencapaian dan pencapaian akademik pula, diakui bahawa pilihan kerjaya yang selaras dengan personaliti akan menyebabkan seseorang itu mendapat kepuasan psikologikal. Justeru, ia akan berjaya mengekspresikan perlakuan dan pemikiran terhadap situasi bidang kerjayanya. Ini seterusnya akan meningkatkan motivasi pencapaian dan mempengaruhi pencapaian akademik yang tinggi. Menurut McClelland (1961), motivasi pencapaian melibatkan tenaga dalaman yang terpendam yang mempunyai kemampuan untuk menggerakkan tindakan seseorang ke arah

kejayaan. Tambahan, menurut Perry, Hechter, Menec dan Weinberg (dalam Tamilvalavan 1996) pencapaian akademik dipengaruhi oleh atribut pelajar dan persekitaran pembelajaran pelajar untuk mewujudkan motivasi pencapaian yang tinggi atau rendah.

Sehubungan itu, adalah wajar kajian tentang keselarasan kerjaya dan hubungannya dengan motivasi pencapaian dan pencapaian akademik dibuat secara bersungguh-sungguh. Ini merupakan sokongan kepada kepentingan perkembangan teori pendidikan kerjaya di Malaysia dan akan menyumbang ke arah pembentukan proses pemilihan kerjaya yang sistematik dan saintifik. Dengan ini, pendekatan Teori Tipologi Kerjaya Holland (1973, 1978, 1985) yang digunakan dalam kajian merupakan antara teori kerjaya paling popular terbukti kesahihan oleh ramai penyelidik daripada luar negeri dan tempatan.

1.11 Pendekatan Teori Tipologi Kerjaya Holland

Asas teori kepada kajian ini ialah Teori Tipologi Kerjaya Holland (1966, 1973, 1978, 1985) yang diasaskan oleh John L. Holland pada tahun 1959. Kemudiannya, ia telah dikemaskini pada tahun 1966, 1973, 1978 dan 1985. Teori ini adalah antara teori perkembangan kerjaya paling popular. Latar belakang teori ini terbentuk berasaskan andaian bahawa minat vokasional adalah satu aspek personaliti. Oleh yang demikian, deskripsi mengenai minat individu adalah menggambarkan personaliti seseorang (Holland (1973, 1985). Trait-trait personaliti biasanya dikenal pasti melalui kecenderungan seperti minat terhadap pelajaran di sekolah, aktiviti rekreasi, hobi dan kerjaya sementara minat vokasional digambarkan sebagai ekspresi personaliti (Brown dan Brooks, 1984).

Personaliti merupakan fokus utama dalam kajian ini. Holland (1973, 1985), telah mengutarakan enam jenis personaliti dan model persekitaran iaitu Realistik (R), Investigatif (I), Artistik (A), Sosial (S), Enterprising (E), dan Conventional (C). Menurut Holland (1973, 1985), individu tertarik kepada pekerjaan hasil dorongan oleh personaliti dan persekitaran tertentu. Pemilihan kerjaya adalah suatu perluasan pengaruh atau kemasukan personaliti ke dalam dunia pekerjaan yang akan diikuti oleh

pengenalan pekerjaan yang stereotaip. Justeru, Holland (1973, 1978, 1985) telah mengatakan beberapa prinsip penting sebagai asas teorinya iaitu;

1. Pemilihan kerjaya sebenarnya akan menggambarkan personaliti seseorang.
2. Minat seseorang itu akan lahir daripada personaliti yang terdapat dalam dirinya.
3. Kita dapat menilai seseorang itu melalui kawannya, cara berpakaian, tindakan dan juga cara pekerjaannya.
4. Individu daripada sesuatu jenis pekerjaan yang sama mempunyai persamaan daripada segi personaliti dan juga latar belakangnya.
5. Persamaan antara personaliti dan persekitaran akan meningkatkan prestasi kerja, pencapaian, stabiliti dan juga kepuasan pekerjaan.

Berdasarkan perbandingan, dirumuskan ketidakselarasan berlaku apabila sesuatu jenis personaliti berada dalam persekitaran yang tidak sesuai. Sebagai contoh, apabila personaliti Konvensional dalam persekitaran Artistik. Menurut Holland (1985a), keselarasan adalah ditentukan apabila personaliti seseorang selaras dengan persekitaran pekerjaan atau pengajiannya (Swanson dan Hansen, 1986, 1967). Secara keseluruhan, perbandingan ini dapat dirumuskan sendiri melalui penegasan Holland (1973, 1985). Holland dalam Mansur (1986: 255) mengatakan;

“Within a person or an environment, some pair of type of more closely related than others. For example Realistic-Investigatif have more common than Conventional-Artistic. Degree of consistency of relatedness are assumed to effect vocational preference...”

Kesimpulannya, Holland (1973, 1985) sentiasa menegaskan bahawa secara semula jadi terdapat hubungan psikologikal yang rapat antara seseorang individu dengan jenis personaliti tertentu. Selanjutnya, mempertahankan hujah bahawa personaliti dan alam pekerjaan sangat berkait rapat. Apabila personaliti seorang bersesuaian dengan persekitaran pekerjaan, ia akan merasa stabil dan puas dengan pekerjaannya. Justeru, Holland (1973, 1985) turut mengandaikan bahawa keselarasan kerjaya yang tinggi akan mempunyai

hubungan yang rapat dengan motivasi pencapaian yang tinggi dan pencapaian akademik yang cemerlang.

1.3 Pernyataan masalah

Pengambilan pelajar-pelajar bagi mengikuti sesuatu kursus banyak berasaskan kepada pencapaian akademik dan minat mereka. Pengambilan pelajar-pelajar ke bidang-bidang yang ditawarkan ini ada kalanya bukan pilihan utama mereka. Pelajar-pelajar ini tiada pilihan lain seterusnya terpaksa menceburi dalam bidang yang mereka tidak minat atau berbeza dari personaliti mereka. Justeru itu termasuk pelajar-pelajar yang tidak mengikut minat atau keserasian personaliti mereka akan menimbulkan banyak masalah dan ketidakpuasan pada diri mereka. Situasi ini dapat dijelaskan berdasarkan Teori Holland (1985) yang menyatakan pemilihan kerjaya yang tidak serasi dengan personaliti individu akan menimbulkan ketidakpuasan kerja dan mendorong mereka untuk berhenti kerja.

Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor merupakan sebuah universiti yang melatih pelajar supaya mampu berdikari dan berdaya maju dalam segala bidang kehidupan. Oleh itu, bagi setiap pelajar yang belajar di universiti ini akan disediakan dengan program-program pembelajaran mengikut bidang pengajian masing-masing yang berorientasikan teori dan praktikal. Ini agar dapat melengkapkan pelajar untuk menghadapi bidang kerjaya yang lebih mencabar dan profesional (Abdul Aziz Azimullah, 2000).

Merealisasikan pernyataan di atas adalah merupakan keinginan setiap individu yang hidup pada zaman moden ini. Begitu juga bagi pelajar-pelajar di Universiti Teknologi Malaysia, sejauh mana mereka dapat berdikari dan maju jaya dalam bidang kerjaya setelah bergraduasi akan turut bergantung kepada kesan psikologi yang terhasil daripada keselarasan antara personaliti dan persekitaran. Kesan psikologi ini akan mempengaruhi motivasi pencapaian dan pencapaian akademik mereka sebelum bergraduasi.

Ini menunjukkan beberapa perkara dalam sistem pengambilan dan pemilihan pelajar untuk memasuki bidang pengajian tertentu perlu dikaji semula. Dengan ini,

cadangan membuat pemetaan pola personaliti-persekitaran bagi penggunaan kaedah penempatan pelajar yang sistematik berdasarkan teori perkembangan kerjaya adalah langkah yang bernas. Ini dipercayai akan mengurangkan permasalahan dan kemerosotan pelajar yang mungkin berpunca daripada kurangnya keselarasan antara personaliti dan persekitaran latihan, walaupun faktor-faktor lain turut tidak dinafikan.

Kajian awal bagi membuat pemetaan pola personaliti dan pola persekitaran kursus pengajian telah dilakukan oleh Syed Shafeq dan Tajuddin (1999), Syed Shafeq dan Kamariah (2000), Syed Shafeq dan Anida (2000) dan Syed Shafeq dan Noorziyana (2000). Kajian mereka ini lebih tertumpu kepada kursus pengajian di Fakulti Pendidikan sahaja. Oleh yang demikian satu kajian bagi membuat pemetaan pola personaliti dan pola persekitaran di peringkat universiti perlu dilakukan.

Adalah diharapkan dengan penghasilan pemetaan pola personaliti dan pola persekitaran kursus pengajian di Univeristi Teknologi Malaysia ini akan dapat membantu para pelajar dan pihak universiti memadankan personaliti pelajar sepadan dengan bidang kursus pengajian mereka.

Dalam kajian ini pernyataan masalah juga menyentuh persoalan kajian iaitu apakah tahap darjah keserasian (kongruen) pola-pola personaliti-persekitaran para pelajar UTM

1.12 Persoalan Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk menjawab beberapa persoalan kajian seperti berikut :

- i. Apakah pola personaliti pelajar bagi 60 jenis kursus pengajian sarjana muda di UTM berasaskan Kod Tiga Huruf Tripologi Holland.

- ii. Apakah pola persekitaran pelajar bagi 60 jenis kursus pengajian sarjana muda UTM
berdasarkan Environment Assessment Technique (EAT).
- iii. Apakah tahap darjah keserasian (kongruen) personaliti-persekitaran (P-E Fit) di kalangan pelajar-pelajar UTM mengikut kursus masing-masing.
- iv. Apakah perbezaan tahap kongruen dari segi demografi iaitu jantina dan kursus.

1.13 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti :

- i. Pola personaliti pelajar-pelajar bagi 60 jenis kursus pengajian Sarjana Muda di UTM berdasarkan Kod Tiga Huruf Tripologi Holland.
- ii. Pola persekitaran pelajar bagi 60 jenis kursus pengajian sarjana muda UTM berdasarkan Environment Assessment Technique (EAT).
- iii. Tahap darjah keserasian (kongruen) personaliti-persekitaran (P-E Fit) di kalangan pelajar-pelajar UTM mengikut kursus masing-masing.
- iv. Perbezaan tahap kongruen dari segi demografi iaitu jantina dan kursus.

1.6 Kepentingan Kajian

- i. Menghasilkan pemetaan 'College Major' ala Malaysia untuk kaunselor-kaunselor tempatan. Memandangkan bahawa kesesuaian sesuatu bidang pengajian dan pekerjaan itu penting berorientasikan diri pelajar dengan persekitarannya dalam konteks mempertingkatkan mutu pengajian, maka diharapkan kajian ini berguna bagi menimbulkan kesedaran tentang kepentingan membuat keputusan dalam pemilihan kerjaya di kalangan

para pelajar. Perkara ini penting kerana kepuasan bekerja memberi jaminan ke arah kesihatan mental seseorang pelajar. Dalam hal ini kepuasan membuat sesuatu yang relevan dan bermakna bukan semata-mata dilihat dalam bentuk fizikal sahaja namun yang lebih penting ialah hubungan individu dengan pengajian dan pekerjaan itu sendiri. Justeru itu kepuasan dari segi psikologikal akan menjana komitmen seseorang pelajar pengajian tinggi ke arah kemercuan kejayaan hidupnya.

- ii. Kajian ini juga amat berguna kepada pihak Perkhidmatan Kaunseling di Universiti kerana dapat membantu universiti menguji keesahan dan kebolehpercayaan instrumen SDS versi Amla (1985) di kalangan pelajar-pelajar IPTA. Dengan itu pelajar-pelajar dapat menggunakan sepenuhnya alat ukuran ini tanpa curiga sebelum membuat pemilihan yang tepat sebelum kemasukan bakal-bakal calon siswazah ke dalam kursus pengajian yang ditawarkan. Dengan pemilihan yang tepat ini maka proses budaya ilmu akan terus tercerna dalam institusi pengajian tinggi dalam jangka masa yang panjang. Dengan ini prestasi universiti akan meningkat dan akan memberi keyakinan terhadap orang ramai tentang kemampuan universiti mengeluarkan graduan-graduam yang benar-benar *competent* dan berkaliber demi negara dan masyarakat.
- iii. Bidang kaunseling dan Unit Perkhidmatan Sokongan Pelajar (UPSP) universiti dapat menolong kaunselor-kaunselor untuk mengengahkan kepakaran menyelidik kaunseling kerjaya untuk dikongsi masyarakat. Justeru itu pihak yang berkenaan dapat membuat perancangan yang teratur dan teliti dalam memupuk bakat dan minat seseorang pelajar dengan sesuatu bidang pekerjaan yang selaras dengan kelayakan dan personalitinya. Dengan ini adalah diharapkan pihak-pihak yang berkenaan dapat menggunakan ujian-ujian psikologikal secara meluas dan lebih cekap.
- iv. Bagi masyarakat pula kajian ini sedikit sebanyak dapat memberikan pengetahuan kepada mereka betapa pentingnya kesesuaian sesuatu pekerjaan dan persekitaran itu dengan personaliti seseorang. Masyarakat, pelajar dan bakal siswazah dapat menguji keserasian personaliti dengan pemetaan

'College Major' yang dibentuk. Adalah diharapkan ibu-ibu bapa memahami bahawa anak-anak mereka tidak terpilih adalah kerana tiadanya kesesuaian personaliti dengan bidang pekerjaan atau pengajian tersebut. Dengan itu dapatlah mereka menerima hakikat bahawa peluang pekerjaan kini bukan lagi bergantung di atas kelulusan akademik yang cemerlang semata-mata malah meritokrasi seseorang pelajar meliputi pengalaman, daya kepimpinan dan kesesuaian ciri-ciri personaliti dengan persekitaran sesuatu pekerjaan itu.

- v. Mengharumkan Universiti Teknologi Malaysia kerana dapat menghasilkan bahan penyelidikan kemanusiaan di peringkat kebangsaan di samping dapat membuktikan keesahan dan kebolehpercayaan alat ukuran SDS-Form Easy versi Amla (1985) . Dengan ertikata yang lain kajian ini akan dapat melihat sejauh mana kesesuaian Teori Holland ini tekal untuk dipraktikkan di negara kita. Kajian ini akan memberi implikasi tentang sejauh mana pihak universiti, perancang pendidikan dan pembangunan negara umumnya mendapat iktibar membangunkan tenaga manusia ke arah pembangunan umat dan imej rakyat Malaysia ke taraf negara maju.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini dilakukan kepada 60 kursus pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor di mana responden kajian adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tahun 3 dan tahun 4, semester 1 tahun pengajian 2003 / 2004.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada beberapa keadaan seperti berikut :

- i. Responden kajian adalah terdiri daripada pelajar Universiti Teknologi Malaysia, antara tahun 3 dan 4 program pengajian sarjana muda daripada 60 jenis kursus tahun pengajian 2003 / 2004.

- ii. Pendekatan teori yang digunakan ialah Teori Holland (1973, 1985) dengan alat ukuran Self-Direct Search - Form Easy (SDS) versi Amla (1985) yang telah disesuaikan daripada Self-Direct Search Holland (1977).

1.9 Tempat Kajian

Tempat kajian ialah Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

1.10 Definisi Konsep

Beberapa konsep yang penting dijelaskan ialah kesesuaian, personaliti, persekitaran, pelajar Universiti Teknologi Malaysia.

1.10.1 Kesesuaian (Kongruen)

Menurut Teuku Iskandar (1984) kesesuaian yang mempunyai latar dasarnya sesuai membawa maksud padan benar atau secukup, berpadanan atau berpatutan, setimpal atau seimbang, sepakat atau sekata, sehati atau setuju. Dengan itu kesesuaian membawa maksud perihal sesuatu yang mempunyai keserasian, kongruen, keselarasan atau pun kesamaan di antara satu perkara dengan satu perkara yang lain.

Keserasian atau kongruen dalam konteks kajian ini bermaksud kesamaan, kesesuaian keserupaan atau keselarasan di antara pola-pola personaliti seseorang dengan ciri-ciri persekitaraan sesuatu pekerjaan. Misalnya, individu yang mempunyai pola personaliti investigatif akan melibatkan diri dengan pekerjaan-pekerjaan yang berlatarbelakangkan persekitaran investigatif.

1.10.2 Darjah Kongruen (Keserasian)

Dalam kajian ini indeks kongruen dirujuk sebagai keserasian di antara ciri-ciri tret yang dipunyai oleh individu dan kehendak persekitaran yang diduduki. Holland

(1973) telah menyatakan bahawa jenis personaliti yang berbeza memerlukan jenis persekitaran yang berbeza. Hubungan seseorang dengan personaliti pekerjaan boleh dinilai mengikut kongruen di antara kedua-kedua faktor personaliti-persekitaran. Kongruen berlaku apabila seseorang tinggal atau bekerja di persekitaran yang sama dengan jenis personaliti yang sama. Dalam kajian ini, darjah kongruen diukur dengan menggunakan Indeks Iachan.

1.10.3 Personaliti

Personaliti merupakan perwatakan seseorang yang melibatkan tingkah laku dan tindak tanduknya. Menurut Allport (1961) personaliti sebagai satu organisasi sistem psikologi dan kejasmanian yang dinamik di dalam diri seseorang yang menentukan penyesuaiannya dengan alam sekeliling dengan cara yang unik.

Personaliti dalam konteks kajian ini membawa pengertian enam jenis personaliti yang dibentuk oleh Holland (1973) iaitu :

i. Personaliti Realistik :

Orang yang berpersonaliti realistik menghadapi persekitarannya secara konkrit dan fizikal. Individu sedemikian disifatkan sebagai materialistik, stabil dari segi emosi, tidak begitu bersifat sosial dan mempunyai sifat-sifat kelakian. Individu ini mudah bergiat dalam aktiviti yang menggunakan objek, perkakas, mesin, peralatan dan binatang. Ia kurang minat pada aktiviti yang banyak menggunakan fikiran. Suka pada kerja-kerja manual, mekanikal, elektrik, teknikal dan pertanian. Ia kurang melibatkan diri dalam interaksi sosial. Personaliti ini mempunyai sifat-sifat diri seperti pemalu, suka mengikut perintah, berterus terang, materialistik, praktikal, semulajadi, jujur, pemurah dan tekun.

ii. Personaliti Investigatif :

Orang investigatif menguruskan persekitaran dengan menggunakan kecerdasannya. Ia bersifat kelakian, cekal hati, berminat pada ilmu pengetahuan dan penyelidikan. Ia lebih bersifat bebas, asli

dan berkeyakinan tetapi kurang bersifat praktik. Individu ini suka kepada kerja-kerja seperti penyelidikan, simbolik, sistematik dan suka juga menyelidik hal-hal yang berhubung dengan fizikal, biologikal dengan tujuan untuk memahami dan menguasai fenomena. Sebaliknya pula mereka amat tidak suka kepada aktiviti-aktiviti sosial. Oleh yang demikian mereka sangat cenderung kepada aspek-aspek matematikal dan juga saintifik. Dengan mempunyai ciri-ciri di atas maka sifat-sifat yang lahir ialah berbentuk analitikal, berhati-hati, kritikal, ingin tahu, bebas, introvert, rasional dan tidak popular.

iii. Personaliti Artistik :

individu yang berpersonaliti artistic menghadapi persekitarannya dengan mencipta bentuk-bentuk dan hasil-hasil seni. Ia bersifat imaginatif, sensitif, sedia mengalah, beremosi, kewanitaan, kurang bersosial, tidak suka mengikut peraturan, tergesa-gesa, introspektif dan fleksibel (luwes). Individu yang tergolong dalam ciri-ciri personaliti artistik ini merupakan individu yang suka kepada aktiviti-aktiviti yang bebas, tidak sistematik dan kabur. Tingkahlakunya pula mirip kepada aktiviti-aktiviti seperti bahasa, seni, muzik, drama dan juga penulisan. Mereka tidak begitu berminat kepada kerja-kerja perkeranian dan perniagaan. Oleh itu mereka lebih suka bekerja dalam suasana yang artistik supaya dengan itu boleh melahirkan segala potensi dan kebolehan mereka dengan bebas. Kebolehan artistiknya digunakan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi secara lebih kreatif. Ia menganggap dirinya sebagai ekspresif, asli, lembut, kreatif, bergaya bebas dan mempunyai kebolehan dalam gubahan imaginatif dan muzik. Di samping menghargai nilai-nilai estetika, ia sangat benci kepada aktiviti-aktiviti konvensional.

iv. Personaliti Sosial :

Individu sosial terkenal dengan kemahiran social. Individu sedemikian suka menikmati pekerjaan yang bersifat pendidikan, terapi, agama dan aktiviti yang berkaitan dengan masyarakat, muzik, bacaan, drama dan sebagainya. Individu ini bersifat riang, suka

berinteraksi dengan orang lain, bertanggungjawab, suka menjadi pemimpin, suka menyampaikan maklumat, suka kepada aktiviti pendidikan, latihan, pemulihan dan perkembangan di samping mengelakkan diri dari aktiviti yang ketat, berstruktur, yang melibatkan benda, perkakas dan juga mesin. Ia bercita-cita tinggi dan sangat cenderung kepada pembangunan manusia dan kebajikan masyarakat. Ia mempunyai kebolehan di dalam hubungan sosial untuk menyelesaikan masalah, suka menolong orang lain, memahami orang lain, mempunyai kecekapan mengajar tetapi kurang kecekapan dalam bidang mekanikal dan juga saintifik. Personaliti ini mempunyai sifat-sifat seperti idealistik, bijaksana, kerjasama, suka berkawan, murah hati, lemah lembut, suka menolong, daya pujukan tinggi, bertanggungjawab serta saling memahami.

v. Personaliti Enterprising :

Individu ini mempunyai sifat ahli perniagaan. Ia pandai memujuk dan mempengaruhi, bijak berbahasa, agresif dan berkeyakinan diri, suka menunjuk-nunjuk dan dominan. Di samping itu, ia suka mengambara dan tergesa-gesa dalam menghadapi cabaran. Berkebolehan memimpin, berkomunikasi interpersonal, memujuk dan menguasai situasi. Individu ini sukakan aktiviti yang berbentuk manipulasikan orang lain untuk mencapai matlamat dan keuntungan ekonomi. Personaliti ini mempunyai sifat-sifat kerajinan, bersungguh-sungguh, suka mengembara, bercita-cita tinggi, suka bercakap, suka berbahas, ingin menguasai orang lain, suka menonjol-nonjolkan diri

vi. Personaliti Konvensional :

Individu yang bersifat konvensional biasanya mempunyai cara penyelesaian masalah yang stereotaip dan tidak asli. Ia kelihatan kemas, cermat, konservatif, suka penepatan, dapat mengawal diri dan praktikal. Personaliti ini suka kepada aktiviti yang melibatkan data seperti menyimpan rekod, menyimpan dan mengeluarkan semula bahan-bahan, mengendalikan mesin kira-kira dan memproses data untuk mencapai matlamat ekonomi. Mereka berpersonaliti realistik ini

tidak suka kepada perkara-perkara yang kabur, bebas atau tidak sistematik. Mereka suka kepada ativiti-ativiti atau tugas yang berperaturan, suka mengikut arahan, mempunyai kecekapan perkeranian dan perangkaan. Sifat yang jelas pada mereka ialah menyesuaikan diri dengan keadaan di samping mengerjakan sesuatu dengan bersungguh-sungguh dan teliti, cekap, tegas, patuh, sopan, tenang, dan tidak khayal.

1.10.4 Pola Personaliti

Pola personaliti atau sub-jenis bermaksud keterangan tentang profil keserupaan terhadap jenis-jenis personaliti (Holland, 1973, 1985). Kod tiga huruf yang diperkenalkan oleh Holland (1973, 1985) sebagai Kod Tipologi Holland mewakili tiga jenis personaliti yang sama, misalnya seperti seorang operator mesin mempunyai pola personaliti RIC atau CRI atau lain-lain kumpulan RIASEC.

Pola personaliti dalam kajian ini adalah merujuk kepada sub-jenis iaitu satu istilah yang diperkenalkan oleh Holland (1985) untuk menerangkan profil keserupaan individu terhadap jenis-jenis personaliti (Anida, 2000).

1.10.5 Persekitaran

Persekitaran bermaksud elemen-elemen rangsangan fizikal, mental, sosial, dan rohani yang menyekitari kehidupan individu yang berada pada masa dan tempat itu. Suatu latar belakang kehidupan yang mempunyai hubungan secara langsung atau tidak langsung kepada diri seseorang individu itu.

Persekitaran dalam konteks kajian ini membawa pengertian enam jenis persekitaran yang dibentuk oleh Holland (1973) iaitu :

i. Persekitaran Realistik :

Persekitaran ini akan menggalakkan manusia melakukan aktiviti-aktiviti yang bercorak realistik seperti menggunakan mesin dan alat-alatan. Persekitaran ini juga akan menggalakkan individu merasai dirinya mempunyai kebolehan mekanikal tetapi kekurangan kebolehan di dalam hubungan sosial. Keadaan persekitaran ini memberikan sesuatu yang bernilai seperti wang, kuasa dan harta.

ii. Persekitaran Investigatif :

Keperluan dan peluang yang ada pada persekitaran ini memerlukan penyelidikan kreatif ke atas gejala fizikal dan biologikal. Suasana ini menggalakkan individu mengujudkan aktiviti yang bercorak investigatif, pencapaian dan keupayaan yang saintifik. Ia menggalakkan juga individu melihat dirinya sebagai pengkaji, yang mempunyai kecekapan matematikal dan saintifik tetapi kekurangan di dalam aspek kepimpinan. Persekitaran ini juga menggalakkan individu-individu melihat dunia ini secara kompleks, abstrak, bebas dan asli.

iii. Persekitaran Artistik :

Persekitaran ini dipengaruhi oleh aktiviti-aktiviti dan keupayaan yang bebas, tidak sistematik untuk menghasilkan sesuatu yang seni. Dengan itu akan melahirkan individu-individu yang sukakan aktiviti-aktiviti artistik. Individu-individu yang mempunyai persekitaran ini menjadi lebih mudah dikuasai oleh pengaruh-pengaruh emosional, khayalan dan personal. Mereka lebih tertarik kepada pekerjaan jenis artistik. Begitu juga hubungannya dengan orang lain yang lebih kepada cara ekspresif dan emosional.

iv. Persekitaran Sosial :

Persekitaran ini seringkali memanipulasikan orang lain melalui berita, latihan, perkembangan dan pemulihan. Dengan itu individu

menjadi lebih rapat dan sukakan aktiviti-aktivitinya. Ia menggalakkan individu memberikan pertolongan kepada orang lain, memahami, bekerjasama dan sosial. Suasana pekerjaan ini juga menggalakkan keupayaan sosialnya. Perhubungan dengan orang lain berjalan dalam bentuk penuh kemesraan dan penuh kerjasama.

v. Persekitaran Enterprising :

Memanipulasikan sesuatu peluang untuk kepentingan diri sendiri atau pun organisasi. Ia akan merangsang individu itu untuk melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan berbentuk enterprising. Individu ini juga mudah dikuasai oleh factor atau pengaruh-pengaruh sosial, emosional dan materialistik. Perhubungan dengan orang lain lebih berbentuk dominan, banyak menggunakan dialog yang memerlukan kepetahan bercakap dan lain-lain sifat enterprising.

vi. Persekitaran Konvensional :

Memanipulasikan data seperti menyimpan rekod. Dengan itu ia akan merangsangkan individu itu untuk melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti konvensional. Individu-individu akan digalakkan untuk mempersepsikan diri mereka sebagai akur, berperaturan dan tidak artistik. Selain itu persekitaran ini juga akan menyebabkan individu itu mudah dikuasai oleh pengaruh materialistik seperti wang, kuasa dan status. Lebih tertarik kepada peranan atau pekerjaan yang berbentuk konvensional seperti praktikal, pengakuran dan pengawalan.

1.10.6 Hubungan Personaliti-Persekitaran (PE-Fit)

Hubungan personaliti-persekitaran (pe-fit) dalam kajian ini bermaksud tahap darjah kongruen personaliti-persekitaran sebagai satu variabel yang menyatakan bentuk kepadanan berdasarkan kod tipologi Holland (1985) misalnya “padan baik”, “hampir padan”, “hampir tidak padan” atau “padanan yang lemah”.

1.10.7 Pelajar-Pelajar UTM

Penuntut-penuntut Universiti Teknologi Malaysia dari 60 jenis kursus pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda tahun 3 dan 4, 2003/2004.

1.11 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini ialah untuk menjawab persoalan sama ada wujud perbezaan yang signifikan dari segi perbandingan kongruen personaliti-persekitaran (EAT) di antara pelajar lelaki dan perempuan dalam 60 jenis kursus program sarjana muda mengikut fakulti masing-masing seperti yang dinyatakan di bawah ini :

Hipotesis Umum

Tiada terdapat perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi 60 jenis kursus dari segi jantina.

1.11.1 Hipotesis 1

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Bangunan (SBB) dari segi jantina.

1.11.2 Hipotesis 2

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Seni Bina Landskap (SBL) dari segi jantina.

1.11.3 Hipotesis 3

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Ukur Bahan (SBQ) dari segi jantina.

1.11.4 Hipotesis 4

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Seni Bina (SBS) dari segi jantina.

1.11.5 Hipotesis 5

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Perancangan Bandar dan Wilayah (SBW) dari segi jantina.

1.11.6 Hipotesis 6

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Pengurusan Pembinaan (SAP) dari segi jantina.

1.11.7 Hipotesis 7

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Alam Sekitar (SAS) dari segi jantina.

1.11.8 Hipotesis 8

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Kejuruteraan Awam (SAW) dari segi jantina.

1.11.9 Hipotesis 9

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Komputer (SCC) dari segi jantina.

1.11.10 Hipotesis 10

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Komputer Elektronik (SEC) dari segi jantina.

1.11.11 Hipotesis 11

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Elektrik (SEE) dari segi jantina.

1.11.12 Hipotesis 12

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Elektrik Kawat dan Instrumentasi (SEI) dari segi jantina.

1.11.13 Hipotesis 13

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Elektrik-Elektronik (SEL) dari segi jantina.

1.11.14 Hipotesis 14

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Elektrik-Mekatronik (SEM) dari segi jantina.

1.11.15 Hipotesis 15

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Elektrik-Robotik (SER) dari segi jantina.

1.11.16 Hipotesis 16

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Elektrik Komunikasi (SET) dari segi jantina.

1.11.17 Hipotesis 17

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Mekanikal Bahan (SMB) dari segi jantina.

1.11.18 Hipotesis 18

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Mekanikal Industri (SMI) dari segi jantina.

1.11.19 Hipotesis 19

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Mekanikal Teknologi Marin (SMK) dari segi jantina.

1.11.20 Hipotesis 20

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Mekanikal (SMM) dari segi jantina.

1.11.21 Hipotesis 21

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Mekanikal Pembuatan (SMP) dari segi jantina.

1.11.22 Hipotesis 22

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Mekanikal Aerounatik (SMT) dari segi jantina.

1.11.23 Hipotesis 23

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Mekanikal-Automotif (SMV) dari segi jantina.

1.11.24 Hipotesis 24

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Rekabentuk Industri (SRI) dari segi jantina.

1.11.25 Hipotesis 25

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Kimia-Biproses (SKB) dari segi jantina.

1.11.26 Hipotesis 26

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Kimia-Gas (SKG) dari segi jantina.

1.11.27 Hipotesis 27

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Kimia (SKK) dari segi jantina.

1.11.28 Hipotesis 28

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Petroleum (SKP) dari segi jantina.

1.11.29 Hipotesis 29

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Kimia-Poliner (SKR) dari segi jantina.

1.11.30 Hipotesis 30

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Geoinformatik (SGG) dari segi jantina.

1.11.31 Hipotesis 31

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Pentadbiran dan Pembangunan Tanah (SGN) dari segi jantina.

1.11.32 Hipotesis 32

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Pengurusan Harta Tanah (SGP) dari segi jantina.

1.11.33 Hipotesis 33

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Remote Sensing (SGS) dari segi jantina.

1.11.34 Hipotesis 34

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Geomatik (SGU) dari segi jantina.

1.11.35 Hipotesis 35

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Pengurusan Perakaunan (SHA) dari segi jantina.

1.11.36 Hipotesis 36

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Pengurusan Pemasaran (SHG) dari segi jantina.

1.11.37 Hipotesis 37

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Pembangunan Sumber Manusia (SHP) dari segi jantina.

1.11.38 Hipotesis 38

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Pengurusan Teknologi (SHT) dari segi jantina.

1.11.39 Hipotesis 39

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Sains Komputer (SCK) dari segi jantina.

1.11.40 Hipotesis 40

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Sains Biologi Industri (SSB) dari segi jantina.

1.11.41 Hipotesis 41

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Sains Kimia Industri (SSC) dari segi jantina.

1.11.42 Hipotesis 42

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Sains Fizik Bahan (SSD) dari segi jantina.

1.11.43 Hipotesis 43

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Sains Fizik industri (SSF) dari segi jantina.

1.11.44 Hipotesis 44

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Sains Fizik Kesihatan (SSH) dari segi jantina.

1.11.45 Hipotesis 45

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Sains Matematik Insustri (SSM) dari segi jantina.

1.11.46 Hipotesis 46

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Teknologi serta Pendidikan Kejuruteraan Awam (SPA) dari segi jantina.

1.11.47 Hipotesis 47

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Sains serta Pendidikan Kimia (SPC) dari segi jantina.

1.11.48 Hipotesis 48

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Teknologi serta Pendidikan Kejuruteraan Elektrik (SPE) dari segi jantina.

1.11.49 Hipotesis 49

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Sains serta Pendidikan Fizik (SPF) dari segi jantina.

1.11.50 Hipotesis 50

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Sains serta Pendidikan Biologi (SPG) dari segi jantina.

1.11.51 Hipotesis 51

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Teknologi serta Pendidikan Kemahiran Hidup (SPH) dari segi jantina.

1.11.52 Hipotesis 52

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Sains serta Pendidikan Pengajian Islam (SPI) dari segi jantina.

1.11.53 Hipotesis 53

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Teknologi serta Pendidikan Kejuruteraan Mekanikal (SPJ) dari segi jantina.

1.11.54 Hipotesis 54

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Sains dan Komputer serta Pendidikan Kimia (SPK) dari segi jantina.

1.11.55 Hipotesis 55

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Sains serta Pendidikan TESL (SPL) dari segi jantina.

1.11.56 Hipotesis 56

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Sains serta Pendidikan Matematik (SPM) dari segi jantina.

1.11.57 Hipotesis 57

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Sains serta Pendidikan Sains (SPN) dari segi jantina.

1.11.58 Hipotesis 58

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Sains dan Komputer serta Pendidikan Fizik (SPP) dari segi jantina.

1.11.59 Hipotesis 59

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Sains serta Pendidikan Sains Sukan (SPS) dari segi jantina.

1.11.60 Hipotesis 60

Tiada perbezaan yang signifikan darjah keserasian personaliti-persekitaran bagi kursus Sains dan Komputer serta Pendidikan Matematik (SPT) dari segi jantina.

BAB 2

KAJIAN-KAJIAN LEPAS

2.1 Pendekatan Teori

Pendekatan teori yang digunakan untuk mengkaji hubungan keserasian antara personaliti-persekitaran pelajar yang diri pelajar dengan persekitaran ialah teori Holland (1959). Teori ini berfokus pada ciri-ciri personaliti seseorang individu yang dinyatakan ketika membuat pemilihan kerjaya. Walau bagaimanapun teori Holland (1959) adalah berbeza dengan teori keperluan yang dipeloporkan oleh Roe (1956). Beliau telah menekankan bahawa elemen utama yang mendorong seseorang itu memilih sesuatu bidang kerjaya ialah keperluan atau kehendak diri seseorang itu. Kajian mengenai keserasian personaliti-persekitaran begitu banyak dijalankan di negara barat dan di Malaysia untuk membuktikan kebenaran teori Holland (1973, 1985). Holland (1978) dalam kajiannya mendapati bahawa terdapat hubungan yang kuat antara persekitaran pekerjaan dengan personaliti individu. Dalam kajiannya tentang kemanusiaan beliau telah merumuskan bahawa ciri-ciri personaliti yang terdapat dalam diri manusia dalam aspek pekerjaan dapat dibahagikan kepada enam kumpulan iaitu : realistik, investigatif, artistik, sosial, enterprising dan konvensional. Elemen-elemen yang dimaksudkan ini adalah berasaskan andaian-andaian yang dibuatnya tentang personaliti, persekitaran kerja dan jenis pekerjaan.

Teori Holland (1973) adalah seperti berikut :


- i. Individu mempunyai personaliti yang tersendiri yang mungkin sama atau tidak sama dengan personaliti individu lain. Personaliti ini terjadi dari warisan semulajadi dan juga persekitaran.
- ii. Individu mempunyai pandangan tertentu mengenai pekerjaan dari segi definisi, gambaran, imej atau persepsi, kepercayaan dan nilai yang tersendiri secara tekal terhadap sesuatu pekerjaan.
- iii. Individu yang menceburi dalam sesuatu bidang pekerjaan mempunyai pola personaliti yang sama atau hampir sama dengan persekitaran pekerjaan yang dialaminya. Oleh itu mereka akan bertindakbalas kepada berbagai situasi dan masalah dengan cara yang serupa atau hampir serupa.
- iv. Kepuasan, kestabilan dan pencapaian di dalam sesuatu bidang pekerjaan itu bergantung kuat kepada sejauh mana wujudnya keselarasan di antara personaliti diri individu itu dengan persekitaran kerjaya yang diceburinya.

Di samping Teori Holland (1973) kajian ini juga mengambil kira teori dari kajian Caplow (1974) (dalam Gibson & Mitchell, 1981) tentang faktor-faktor diluar jangkaan atau faktor faktor yang tidak disengajakan dalam pemilihan kerjaya. Menurut teori ini seseorang individu itu menjawat sesuatu jawatan bukan dengan perancangan ke arah mencapai matlamat yang ditentukan tetapi ia lebih dipengaruhi oleh faktor peluang (Steward dalam Pietrofesa et al. 1973) iaitu berbentuk tentatif di samping berbentuk luas dan pelbagai sehingga pengubahsuaian dalam proses pemilihan kerjaya mencapai tahap keselarasan di antara personaliti diri dan persekitaran.

Pengubahsuaian berlaku dalam ruang kehidupan seseorang individu itu adalah melalui proses pendidikan, bimbingan, pengajaran dan pembelajaran, maka tret-tret personaliti yang tersuai adalah hasil dari interaksi yang dinamik antara individu itu dengan persekitarannya dan bukan sesuatu yang semulajadi – ia boleh dibentuk atau distrukturkan semula berasaskan beberapa konsep.

i. Konsep Kalkulus (Calculus)

Konsep segi enam personaliti dalam Teori Kerjaya Holland adalah berasaskan konsep kalkulus (calculus). Konsep kalkulus ini bermaksud hubungan di antara personaliti dan persekitaran itu bergantung kepada jarak di antara keduanya jika jarak antara kedua personaliti semakin rapat, ia menunjukkan hubungan kesamaan yang lebih (lihat rajah 1).



Rajah 2.1: Model Hexagonal Teori Holland (1973 : 23)

Petunjuk:

0.00 nilai kolerasi

==== kategori bersebelahan amat serupa

----- bertentangan amat tidak serupa

———— perantaraan mempunyai keserupaan

Hubungan segi enam yang ditunjukkan dalam rajah di atas melambangkan gambaran yang menyeluruh.

ii. Ketekalan (Consistency)

Ketekalan bermaksud gambaran ketekalan di antara satu jenis personaliti dengan satu persekitaran kerjaya. Individu mempunyai pandangan tertentu mengenai pekerjaan dari segi definisi, gambaran, imej atau persepsi, kepercayaan dan nilai yang tersendiri secara tekal terhadap sesuatu pekerjaan.

iii. Keserasian atau Kongruen (Congruent)

Kongruen bermaksud satu keadaan yang selaras di antara personaliti diri

dengan persekitaran kerjaya. Individu yang menceburi dalam sesuatu bidang pekerjaan mempunyai pola personaliti yang sama atau hampir sama dengan persekitaran pekerjaan yang dialaminya. Oleh itu mereka akan bertindakbalas kepada berbagai situasi dan masalah dengan cara yang serupa atau hampir serupa.

iv. Perbezaan (differentiation)

Ia bermaksud satu keadaan di mana seseorang individu itu sukar untuk ditentukan jenis personaliti diri dan persekitaran kerjayanya kerana ia seakan-akan sama. Individu mempunyai personaliti yang tersendiri yang mungkin sama atau tidak sama dengan personaliti individu lain. Personaliti ini terjadi dari warisan semulajadi dan juga persekitaran.

Seperti yang telah dimaklumkan bahawa perkembangan diri individu dalam pemilihan kerjaya mempunyai enam konsep persekitaran. Setiap individu harus mengubahsuai personaliti dirinya dengan sesuatu jenis persekitaran pekerjaan serta membina beberapa kemahiran dalam bidang pekerjaan tersebut. Tindakan tersebut bertujuan untuk membentuk keselarasan personaliti-persekitaran pekerjaan yang diceburinya. Misalnya, prestasi, pencapaian, stabiliti dan peranan pekerja bergantung kepada persamaan dan konsistensi di antara personaliti dengan persekitaran sesuatu pekerjaan. Konsep nilai diri sebagai satu pembolehubah yang memberikan sumbangan kepada individu. Konsep sendiri ini bermaksud ketepatan tanggapannya tentang

dirinya yang sebenar berhubung dengan orang lain dan sejauh mana tekalnya seseorang individu itu mengenai dirinya. (Holland 1973).

Menurut Holland (1973) minat seseorang kepada pekerjaan adalah disebabkan wujudnya proses kesinambungan di antara personaliti diri individu itu dengan beberapa pembolehubah lain yang terkandung dalam latar belakang pekerjaan itu. Untuk menentukan kepuasan diri serta mengikut latar belakang orientasi dirinya sendiri, seseorang individu itu dapat memantapkan lagi proses pengenalan dirinya dengan bersandarkan kepada pembolehubah-pembolehubah lain yang berpengaruh seperti keluarga, nilai budaya dan masyarakat setempat, sistem pendidikan, sistem kepercayaan dan peluang bagi meningkatkan kemahiran kecekapan dirinya. Menurut Plato dalam “The republic” tidak ada manusia yang dilahirkan serupa. Manusia tergolong dari berbagai kategori dari segi pencapaian, bakat, personaliti, nilai dan minat.

Teori Tipologi Kerjaya Holland (1973, 1985) menegaskan bahawa terdapat hubungan pola personaliti dan pola persekitaran di dalam pemilihan kerjaya. Holland (1973) telah membentuk satu andaian iaitu wujudnya kaitan keserasian personaliti-persekitaran justeru itu menghasilkan kepuasan psikologi dan komitmen di dalam kerjaya melalui motivasi pencapaian yang tinggi.

Di samping teori Holland (1959), terdapat juga pendekatan teori yang menekankan faktor peluang sebagai satu unsur yang mempengaruhi cara pemilihan kerjaya seseorang individu. Teori peluang telah dikemukakan oleh Caplow (1954) dan (Gibson dan Mitchell, 1981). Teori ini menekankan faktor-faktor di luar jangkauan atau faktor-faktor yang tidak disengajakan. Menurut teori ini seseorang itu menjawat sesuatu jawatan bukan dengan perancangan ke arah mencapai matlamat yang telah ditentukannya tetapi ia lebih dipengaruhi oleh faktor peluang.

Semua pendekatan teori mempunyai ciri-ciri yang hampir sama iaitu pada dasarnya pemilihan kerjaya adalah berbentuk tentatif dan tidak semulajadi malah ia lebih kepada pemilihan kerjaya berbentuk luas dan pelbagai (Steward dalam

Pietrofesa et al. 1973). Beliau juga menekankan bahawa pekerjaan yang dipilih oleh seseorang individu itu adalah merupakan suatu yang dinamik serta tidak statik sehinggalah seseorang itu mencapai tahap keserasian di antara persolaniti diri dengan persekitaran kerjayanya.

Teori Holland (1959) mulai dipilih sebagai satu pendekatan dalam kajian tempatan dan luar negeri. Para pengkaji telah menggunakan teori kerjaya ini terutamanya apabila hendak menguji keserasian personaliti-persekitaran kerjaya. Di antaranya ialah Harvey dan David (1973), Othman (1977), Chang Swee Geog (1982), Abu Bakar (1986), Walsh, Bruce et al. (1986), Smart dan John (1989), Hamid (1991), Aziz (1991), Syed Shafeq dan Anida (2000), Syed Shafeq dan Kamariah (2000), Syed Shafeq dan Noorziyana (2000) dan lain-lain lagi.

Rajah 2.2: Konsistensi Jenis Personaliti dengan Jenis Persekitaran Kerjaya.

Jenis Personaliti Individu	Berinteraksi dengan	Persekitaran Kerjaya
Realistik	←-----→	Realistik
Investigatif	←-----→	Investigatif
Artistik	←-----→	Artistik
Sosial	←-----→	Sosial
Enterprising	←-----→	Enterprising
Konvensional	←-----→	Konvensional

Merujuk pada jadual 1 terdapat hubungan personaliti dan persekitaran pekerjaan yang mempunyai ketekalan. Sehubungan dengan itu Holland (1971) telah

menerangkan beberapa personaliti yang dianggap sebagai asas kepada teori kerjaya beliau iaitu :

- i. Pemilihan sesuatu bidang pekerjaan itu adalah merupakan satu ekspresi personaliti seseorang.
- ii. Minat seseorang itu lahir daripada personaliti yang terdpat dalam dirinya. Inventori minat juga merupakan inventori personaliti.
- iii. Stereotaip kerjaya mempunyai makna yang tertentu dari segi personaliti dan latar belakang individu.
- iv. Individu dari satu jenis pekerjaan mempunyai persamaan dari segi personaliti dan latar belakang dirinya.
- v. Prestasi, pencapaian, stabiliti dan peranan pekerja bergantung kepada persamaan dan konsistensi di antara personaliti dengan persekitaran sesuatu pekerjaan.

Tidak dapat dinafikan bahawa alat ujian atau inventori *Self-Directed Search (SDS)* yang telah dihasilkan oleh Holland (1973, 1985) telah banyak digunakan dalam kajian oleh para penyelidik yang berbagai bangsa untuk menentukan ketepatan pandangan dan teori Holland ini. Kajian-kajian ini dijalankan di Barat dan di Malaysia. Di antara kajian-kajian yang dijalankan itu ada yang menyokong pandangan teori Holland mengenai pekerjaan dan ada juga tidak menepati sebagaimana yang telah disarankan oleh Holland itu. Oleh yang demikian dalam bab ini akan diperlihatkan beberapa kajian sama ada dalam negeri atau pun luar negeri yang telah mengkaji teori Holland ini.

2.2 *Kajian Dalam Negara*

Amir Awang (1975) telah menjalankan satu kajian untuk mengesahkan alat *Vocational Preference Inventory (VPI)* dan juga *Work Values Inventory*. Kajian ini yang menggunakan pendekatan silang budaya. Ia bertujuan untuk mendapatkan kepastian model segienam yang telah dihasilkan oleh Holland itu sesuai dalam konteks budaya Malaysia. Kajian ini menggunakan sampel 613 orang penuntut tingkatan 4 daripada 24 buah sekolah menengah di Pulau Pinang dan 472 penuntut gred X daripada bandaraya Edmonton, Kanada.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat persamaan antara struktur VPI di Malaysia dengan struktur VPI di Kanada. Oleh yang demikian dapatlah dikatakan bahawa alat VPI ini adalah sesuai digunakan dikalangan penuntut-penuntut di Malaysia untuk menguji kerjaya mereka. Ia juga menunjukkan bahawa model segienam yang telah dihasilkan oleh Holland itu adalah sesuai untuk mengukur enam jenis personaliti pelajar-pelajar di Malaysia dan juga di Kanada.

Othman Muhamed (1977) pula dalam kajiannya yang menggunakan sampel 32 orang penuntut Malaysia di Universiti Ohio, Amerika Syarikat mendapati bahawa terdapat satu hubungan antara kecenderungan pelajaran dengan ciri-ciri personaliti penuntut-penuntut yang masih bujang dan juga wanita yang sudah berkahwin. Aktiviti-aktiviti pekerjaan juga didapati selaras dengan bidang pengkajian semua penuntut. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa adanya kesahan teori Holland dengan menggunakan alat ukuran VPI dan SDS di kalangan masyarakat Malaysia.

Ang Hwi Lin (1981) telah menjalankan kajian untuk mengkaji hubungan minat kerjaya dan personaliti berdasarkan Teori Perkembangan Kerjaya Holland. Kajian ini dijalankan di kalangan pelajar-pelajar dari Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan di antara minat kerjaya dan personaliti dari aspek bangsa (bumiputera dan bukan bumiputera) dan juga jantina. Seramai 86 orang pelajar tahun satu telah dijadikan sampel dalam kajian ini. Ia meliputi seramai 45 orang pelajar lelaki iaitu 35

orang bumiputera dan 16 orang bukan bumiputera dan 41 orang pelajar perempuan iaitu 25 orang bumiputera dan 16 orang bukan bumiputera. Pemilihan sampel telah dilakukan melalui pendekatan 'Stratified Random Sampling'.

Subjek dikehendaki mengisi soalselidik Rothwell-Miller Interest Blank (RMIB) dan California Psychological Inventory (CPI). Hasil kajian ini didapati bahawa hubungan di antara minat kerjaya dan personaliti secara keseluruhannya adalah tidak signifikan. Kekuatan hubungan antara minat kerjaya dan personaliti didapati tidak dipengaruhi oleh pembolehubah-pembolehubah bangsa dan jantina secara signifikannya. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang mempunyai personaliti Investigatif, Sosial dan Konvensional tidak memilih jenis-jenis pekerjaan yang bersifat Investigatif, Sosial dan Konvensional. Dari segi bangsa pula didapati bahawa semua bangsa dan jantina yang mempunyai personaliti Enterprising, juga mempunyai minat kerjaya berbentuk Enterprising.

Secara keseluruhannya kajian yang telah dijalankan oleh Ang Hwi Lin (1981) ini boleh diterima dari segi keesahannya. Ini disebabkan beliau telah menggunakan dua bentuk soal-selidik untuk melihat perhubungan di antara minat kerjaya dan personaliti di kalangan pelajar-pelajar.

Ng Chan Heng (1987) telah membuat satu kajian untuk menguji teori Holland mengenai hubungan di antara pemilihan kerjaya dengan jenis personaliti. Kajian ini juga dijalankan di kalangan pelajar-pelajar yang mempunyai perbezaan dari segi bakat, aliran pengajian, etnik, status sosio-ekonomi, jantina dan juga susunan kelahiran. Kajian ini telah dijalankan ke atas 239 orang pelajar tingkatan tiga, empat, lima dan juga enam rendah di 3 buah sekolah di daerah Jasin dan Selandar di Melaka. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini ialah Job Interest Checklist. Pemilihan responden dilakukan secara rambang sistematik. Data-data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan Khi kuasa-dua.

Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara pemilihan kerjaya dengan jenis personaliti di kalangan responden yang berpersonaliti realistik, sosial dan juga enterprising. Penemuan ini dengan secara tidak langsung menunjukkan bahawa memang terdapat hubungan yang signifikan di antara sesuatu bidang pekerjaan dengan personaliti seseorang itu. Dalam erti kata yang lain penemuan ini menyokong Teori Perkembangan Kerjaya Holland.

Chong (Ooi, 1987) juga pernah menjalankan sebuah kajian di Pulau Pinang dengan menggunakan seramai 319 orang sampel pekerja-pekerja yang telah lama bekerja. Min lama bekerja mereka ialah selama 10 tahun. Dalam kajian ini, beliau ingin menguji sama ada alat ujian SDS dan VPI ini dapat membezakan dengan secara signifikan kumpulan-kumpulan pekerja yang berlainan. Selain daripada itu kajian ini juga cuba meninjau samada alat SDS dan VPI dapat mengidentifikasikan ciri-ciri yang dominan serta minat daripada pelbagai kumpulan pekerja. Kumpulan pekerja yang dipilih itu mewakili kesemua jenis personaliti yang diutarakan oleh Holland iaitu artistik, enterprising, konvensional, realistik, sosial dan investigative. Pekerjaan yang dipilih pula mewakili guru sejarah, guru seni lukis, jurujual kereta, kerani bank, juruteknik dan pembantu makmal.

Hasil kajian ini memperlihatkan bahawa alat VPI dan SDS pada umumnya dapat membezakan individu-individu daripada bidang-bidang pekerjaan yang berlainan dari segi minat, persekitaran kerjaya dan personaliti mereka. Dengan itu adalah didapati bahawa alat ujian VPI dan SDS ini sesuai digunakan di Malaysia.

Daripada apa yang diperbincangkan di atas maka dapatlah dikatakan bahawa alat SDS Holland ini walaupun dicipta di barat dengan perbezaan budaya, namun dalam konteks penggunaannya ia boleh digunakan di Malaysia untuk melihat kesesuaian sesuatu pekerjaan dengan personaliti seseorang itu. Alat ukuran SDS Holland ini telah pun diubahsuai kepada versi Amla (1984) berasaskan Tipologi Holland kepada SDS-Form Easy versi Amla (1984) dengan keesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Dengan itu tidak perlulah timbul rasa curiga apabila alat ini digunakan untuk mengenalpasti pemilihan individu yang tepat untuk sesuatu pekerjaan nanti.

Hasil kajian Tse dan Chung (1995) mengenai hubungan antara motivasi pencapaian guru dengan melihat prestasi guru dan personaliti berdasarkan

persekitaran yang sepadan, mendapati bahawa guru yang terlibat dengan pelajar dalam aliran yang mempunyai keserasian yang tinggi dapat mempersembahkan pengajaran yang menghasilkan pencapaian markah yang tinggi dikalangan murid-muridnya. Kajian tersebut mencadangkan agar pemilihan guru hendaklah berdasarkan kesesuaian personaliti-persekitaran untuk mengesan pengajaran yang efektif.

Hasil kajian Mohd. Ali Jaamat (1999), mengenai keberkesanan modul motivasi mendapati penggunaan modul motivasi berkesan terhadap motivasi pencapaian pelajar menekankan aspek keselarasan personaliti-persekitaran dalam memilih kerjaya sebagaimana yang disarankan oleh Teori Kerjaya Holland (1966,1973, 1978 dan 1985). Ia boleh dijadikan asas teori bagi memahami hubungan keserasian antara personaliti dengan persekitaran seperti mana dalam definisi konsep hubungan personaliti-persekitaran dalam Bab 1.

Hilmi (1988) telah mengkaji hubungan di antara personaliti diri dengan keselarasan kerjaya berdasarkan Teori Holland. Tumpuan khusus kajian beliau ialah berkaitan dengan hubungan personaliti enterprising dengan Pemilihan Kerjaya. Kajian beliau telah dijalankan di Bandar Kota Bharu, Kelantan yang melibatkan sampel seramai 30 orang (10 ahli politik, 10 ahli perniagaan, 10 kontraktor). Pemilihan sampel dilakukan secara rawak mudah. Alat ukur yang digunakan oleh beliau ialah berdasarkan soal selidik yang telah digunakan oleh Othman Mohamed (1977). Beliau telah menggunakan kaedah statistik 'Pearson Product Moment Correlation Coefficient'. Bagi personaliti enterprising pada ahli politik nilai $r=0.82$, ahli perniagaan dengan personaliti enterprising dengan nilai $r=0.82$ dan kontraktor dengan personaliti enterprising dengan nilai $r=0.72$. Hasil keseluruhan keputusan kajian beliau menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan diantara ciri personaliti dengan pemilihan persekitaran kerjaya enterprising dengan nilai $r=0.58$.

Dalam kajian yang lain Othman (1988) telah mengkaji hubungan personaliti sosial dengan persekitaran kerjaya sosial berdasarkan model hexagon Holland. Subjek yang terlibat dalam kajian beliau terdiri daripada 30 orang (10 guru, 10 polis dan 10 ahli bomba). Hasil dapatan kajian beliau menunjukkan 30% daripada subjek mempunyai personaliti sosial, 37% personaliti konvensional manakala tidak ada subjek yang mempunyai personaliti realistik. Bagi pemilihan persekitaran kerja pula

33.3% tergolong dalam persekitaran sosial, 36.7% persekitaran artistik dan 3.3% masing-masing tergolong dalam persekitaran realistik enterprising dan konvensional. Keputusan kajian beliau menunjukkan tidak terdapat hubungan yang teguh di antara personaliti sosial dengan persekitaran kerjaya sosial disebabkan sampel bagi kajian beliau adalah kecil.

Model Hexagonal Holland (1973) telah banyak digunakan oleh pengkaji dalam usaha untuk melihat keselarasan hubungan di antara personaliti diri dengan persekitaran kerja. Pengkaji tempatan Zakaria (1988) telah mengkaji hubungan persekitaran kerjaya artistik dengan personaliti artistik berdasarkan teori Holland. Subjek Kajian yang terlibat dalam kajian beliau ialah seramai 30 orang (24 lelaki dan 6 perempuan). Kategori persekitaran kerjaya artistik yang terlibat pula ialah 10 orang pelukis potret, 10 orang senihalus, 4 pereka corak, 2 senikaca, 1 seni khat, 1 grafik dan 2 seni ukir. Beliau telah menganalisis data dengan menggunakan kaedah statistik 'Pearson Product Moment Correlation Coefficient.' Keputusan kajian beliau mendapati bahawa wujudnya hubungan diantara persekitaran kerjaya artistik dengan personaliti artistik dengan nilai $r=0.42$.

Hasil dapatan kajian Zakaria (1988) sama dengan hasil dapatan kajian Husin (1988) di mana beliau telah mengkaji keselarasan hubungan di antara personaliti diri dengan pemilihan kerjaya di bidang konvensional. Subjek kajian yang terlibat dalam kajian beliau ialah seramai 30 orang (10 kerani, 10 pegawai bank dan 10 statistik). Alat kajian yang telah beliau gunakan dalam kajiannya ialah dengan menggunakan alat kajian yang telah dibentuk oleh Othman (1977) yang meliputi enam jenis personaliti Holland: realistik, investigatif, artistik, sosial, enterprising dan konvensional. Data-data yang diperolehi telah di analisis dengan menggunakan kaedah 'Pearson Product Moment Correlation Coefficient.' Hasil dapatan kajiannya menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan di antara pemilihan kerjaya di bidang konvensional dengan personaliti konvensional pada aras keyakinan 0.5.

Amir (1984) menyatakan bahawa terdapat pertentangan personaliti di antara artistik dengan realistik. Ciri-ciri personaliti artistik ialah bersifat sensitif, tidak suka berkawan dan emosional. Manakala personaliti realistik pula adalah stabil dari segi emosi, manakala personaliti enterprising pula suka berkawan, emosi stabil.

Abdul Hanid (1991) telah mengkaji pemilihan kerjaya di kalangan 97 orang siswa tahun pertama Program Bacelor Pendidikan Pengajaran Bahasa Inggeris (TESL) dan 22 orang siswa tahun pertama Bacelor Pendidikan Sains Rumahtangga (SRT) berdasarkan teori Holland di Universiti Pertanian Malaysia, Serdang. Analisis statistik 'Kandell's Coefficient of Concordance' dan ujian khi kuasa dua telah digunakan. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di kalangan pelajar TESL dengan pola personaliti Holland ASE (artistic, sosial dan enterprising). Keselarasan yang diperolehi ialah $w=0.471$ dengan nilai khi kuasa dua 51.81 dan indeks keselarasan yang diperolehi ialah 7.

Sabariah Siron (1995) telah mengkaji hubungan antara keselarasan kerjaya dengan kepuasan belajar dan pencapaian akademik di kalangan pelajar-pelajar Universiti Pertanian Malaysia. Subjek kajian telah terdiri daripada dua kumpulan, iaitu yang pertama terdiri daripada 754 orang pelajar tahun empat (406 lelaki dan 348 perempuan) dan kumpulan kedua terdiri daripada 327 orang pelajar tahun dua (161 lelaki dan 166 perempuan). Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan alat ukuran Self-Directed Search (SDS) untuk mendapatkan pola personaliti pelajar dan persekitaran, manakala alat ukuran College Student Satisfaction Questionnaire (CSSQ) digunakan untuk mendapatkan data mengenai kepuasan belajar.

Ujian statistik Pekali Keselarasan Kendall's (W) dan Pekali Kolerasi Pearson \otimes digunakan untuk menguji hipotesis. Keputusan ujian menunjukkan terdapat keselarasan kerjaya yang signifikan antara pola personaliti pelajar dengan persekitaran program pengajian mereka. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara keselarasan kerjaya dengan pencapaian akademik. Dapatan kajian juga turut menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara keselarasan kerjaya dengan kepuasan belajar. Tentang hubungan antara kepuasan belajar dengan pencapaian akademik juga dapatan kajian secara keseluruhan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kedua pembolehubah tersebut.

Di samping itu Hanisah (1994) telah membuat kajian tentang jenis personaliti kerjaya dikalangan guru-guru berdasarkan Teori Tipologi Holland (1973, 1985). Kajian tersebut bertujuan untuk mengenalpasti jenis-jenis personaliti kerjaya di

kalangan guru-guru. Seramai 52 orang responden dari kalangan guru-guru lelaki dan perempuan. Keputusan kajian menunjukkan guru lelaki berpadanan kepada kumpulan SEC (sosial, enterprising dan konvensional) manakala guru perempuan berkumpulan SCA (sosial, konvensional dan artistik). Walau bagaimanapun hasil kajian mendapati tiada perbezaan dari segi minat antara guru lelaki dan perempuan.

Sidek Mohd. Noah (1996) telah membuat kajian untuk melihat sama ada terdapatnya keselarasan antara jenis personaliti dengan bidang pengajian yang diikuti berasaskan Teori Individu-Persekitaran Holland di kalangan pelajar-pelajar Universiti Pertanian Malaysia. Kajian tersebut menggunakan sampel rawak berlapis di mana responden adalah terdiri daripada 400 orang pelajar daripada populasi 705 orang pelajar tahun 1. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara jenis personaliti pelajar dengan pola persekitaran latihan.

Dapatan kajian ini memberi maklumat bahawa kemasukan pelajar ke program pengajian di Universiti Pertanian Malaysia adalah bersesuaian antara personaliti dan persekitaran. Sehubungan daripada keselarasan kerjaya ini pelajar telah memperoleh kepuasan psikologi dalam suasana pembelajaran dan dimanifestasikan dengan pencapaian akademik yang memuaskan.

2.3 Kajian Luar Negera

Berhubung dengan alat SDS Holland ini terdapat kajian yang begitu banyak yang telah dijalankan di barat. Ini menunjukkan betapa berharganya kerja yang telah dijalankan oleh Holland ini.

Geoffroy (1985) telah menjalankan kajian ke atas 105 orang pelajar-pelajar kolej dengan menggunakan SDS dan VPI, Barron Ego Strength Scale, Adult Nowicki-strickland Internal-External Control Scale dan juga Occupational Values Q Sort. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauhmana wujudnya kesamaan di antara kewalan dalaman (Locus of Control) dengan personaliti dalam pemilihan pekerjaan untuk tujuan kepuasan kerja. Hasil kajian ini menyokong teori Holland. Subjek yang mempunyai persamaan di antara personaliti dan juga minat kerjaya, mempunyai

kekuatan ego dan juga kawalan dalaman. Dengan itu mereka bertendensi untuk mencari kepuasan dalam pekerjaan jika dibandingkan dengan mereka yang tidak kongruens di antara personaliti, minat kerjaya dan persekitaran .

Menyedari tentang kepentingan penggunaan komputer dalam mencari pekerjaan, maka satu kajian untuk melihat minat pelajar-pelajar dalam pendidikan komputer berdasarkan teori Holland telah dijalankan oleh Abler (1985) di kalangan pelajar-pelajar Universiti Maryland. Seramai 289 sampel telah digunakan dalam kajian ini. Daripada jumlah itu, 44% adalah lelaki dan 56% adalah perempuan. Kajian ini telah menggunakan Computer Attitude Scale dan juga alat ukuran SDS dan VPI Holland

Keputusan kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar perempuan mempunyai rasa ingin tahu yang tinggi serta kurang keyakinan dan kurang berminat dalam komputer. Keduanya menunjukkan bahawa individu yang berpersonaliti enterprising secara signifikannya terlalu bimbang, kurang keyakinan dan kurang berminat dalam bidang komputer jika dibandingkan dengan mereka dari personaliti realistik dan juga investigatif. Ketiganya mereka yang berpersonaliti artistik didapati secara signifikannya lebih tinggi kebimbangannya jika dibandingkan dengan pola realistik, juga kurang berminat jika dibandingkan dengan realistik atau pun investigatif.

Wiggins (1980) telah menjalankan satu kajian di kalangan guru-guru yang telah bersara untuk menguji teori Holland dan alat VPI dan melihat dari sudut aplikasinya. Ia bertujuan untuk mencari darjah kekongruan di antara kod Holland yang dijangkakan dengan keputusan yang sebenarnya. Indeks ini dibentuk atas skala 9 titik; iaitu dari 0 hingga 8 dengan skor pertengahan sebagai 4. Dengan itu Indeks Kesesuaian digunakan dan ia mewakili keserupaan yang paling dekat di antara kod yang diuji dengan kod persekitaran. Apabila nilai Indeks Kesesuaian semakin kecil maka ketepatan kesesuaian semakin menurun.

Keputusan kajian mendapati bahawa ia bertepatan dengan kod yang diberikan oleh Holland. Daripada 102 orang guru yang dikaji, 76 orang mencapai markah yang lebih tinggi daripada titik pertengahan iaitu Indeks Kesuaiannya melebihi dari 4. 22 orang pula terletak pada titik pertengahan dan hanya 4 orang sahaja berada di bawah paras Indeks Kesesuaian 4. Kesimpulan daripada kajian ini menunjukkan bahawa pekerjaan-pekerjaan yang berlainan melibatkan jenis personaliti yang tertentu.

Fabry (1976) pula telah menjalankan satu kajian yang melibatkan subjek-subjek terdiri daripada polis, jurujual insurans, pengurus stesen minyak, paderi dan juga penuntut-penuntut. Kajian ini menggunakan alat VPI dan SDS dengan berpandukan statistik Coefficient of Congruence. Kajian ini menunjukkan bahawa terdapat pola personaliti yang serupa dengan kod Holland untuk pihak paderi dan juga jurujual insurans. Akan tetapi pola personaliti untuk pihak pengurus stesen minyak dan polis adalah berlainan daripada apa yang disarankan oleh Holland.

Wiggins (1984) mengkaji personaliti dan alam pekerjaan di kalangan kaunselor sekolah. Hasil kajian menyatakan wujudnya kongruen yang diwakili oleh indeks keselarasan kerjaya dan personaliti sosial. Perkara ini selaras dengan kod persekitaran Holland (1973, 1985) yang sering digunakan oleh kaunselor

Wiggins (1984) telah menjalankan satu kajian yang bertujuan untuk mengkaji hubungkait di antara pekerjaan dengan faktor personaliti-persekitaran di kalangan kaunselor-kaunselor sekolah. Dalam kajian ini kepuasan pekerjaan diukur dengan menggunakan Task Hygiene Job Satisfaction Blank manakala alat SDS dan VPI digunakan untuk menguji jenis personaliti dan persekitaran. Indeks Kesesuaian juga digunakan untuk menentukan keselarasan.

Keputusan kajian menunjukkan bahawa kongruens yang diwakili oleh Indeks Kesesuaian berkolerasi secara signifikan dengan kepuasan pekerjaan. Tambahan pula didapati kepuasan pekerjaan berkolerasi secara signifikan dan positif dengan jenis personaliti Sosial. Keadaan ini adalah selaras dengan kod persekitaran untuk seorang kaunselor. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa darjah kongruens yang tinggi di antara faktor persekitaran dengan personaliti akan membawa kepada kepuasan pekerjaan yang lebih tinggi.

Sebagai kesimpulan daripada kajian ini adalah didapati bahawa kebanyakan kajian-kajian lepas ini menyokong teori Holland. Apa yang jelas ialah minat kerjaya selalunya mempunyai hubungan yang rapat dengan personaliti seseorang itu. Oleh yang demikian untuk mendapatkan kepuasan kerja dan kestabilan kerja yang tinggi maka personaliti seseorang itu mestilah selaras dengan persekitaran sesuatu

pekerjaan. Dengan pekerjaan itu akan mendatangkan rasa keseronokan dan kepuasan yang maksima.

Kajian Elam dan Carol (1994) menunjukkan kebanyakan graduan-graduan sains perubatan meminati bidang pelajaran masing-masing sama seperti gagasan Holland (1973, 1985). Pelajar sains perubatan ini mempunyai teras personaliti investigatif yang menunjukkan tentang keselarasan personaliti dan persekitaran kerjaya.

Kajian oleh Smart dan Feldman (1998), berdasarkan Teori Tipologi Kerjaya Holland dilakukan untuk melihat factor pemilihan pekerjaan dan hubungannya dengan personality dan kebolehan dalam bidang akademik mereka. Kajian ini mendapati bahawa terdapat keselarasan dalam kumpulan pelajar Artistik dan kebolehan mereka dalam bidang kesenian dan prestige. Begitu juga bagi pelajar berkebolehan Enterprising menyokong Teori Tipologi Kerjaya Holland bahawa pilihan awal mereka akan mirip menjadi konsisten dengan corak personality mereka yang dominan terhadap kebolehan dan minat. Kajian ini juga, mendapati pelajar lebih berkebolehan dan berprestasi tinggi dalam bidang akademik masing-masing hasil keselarasan ini.

Bagi pengkaji luar negeri, Feldman dan Smart (1999), telah membuat kajian bagi menguji Teori Kerjaya oleh John L. Holland. Kajian ini bertujuan melihat sama ada pencapaian akademik pelajar kolej akan mempunyai hubungan secara langsung dengan kesesuaian antara jenis personality dan persekitaran pelajar. Berdasarkan Teori Tipologi Kerjaya Holland (1973, 1985), kajian dilakukan terhadap 2,309 orang pelajar yang berdaftar dengan memberi focus kepada pencapaian akademik di kolej dan keselarasan personality mengikut keutamaan pengajian akademik mereka.

Keputusan kajian telah memberi bukti yang menyokong kuat Teori Tipologi Kerjaya Holland. Dapatan kajian mendapati keselarasan kerjaya akan menghasilkan kesan langsung yang positif kepada pencapaian akademik pelajar. Pelajar yang mempunyai keselarasan kerjaya didapati lebih mudah menyesuaikan diri dengan persekitaran akademik, memahami pengajaran dan menunjukkan prestasi yang tinggi

dalam pencapaian akademik berbanding pelajar yang tidak mempunyai keselarasan kerjaya.

2.4 Rumusan Kajian Lepas

Pengkaji telah memaparkan pelbagai kajian lepas berdasarkan Teori Tipologi Kerjaya Holland (1973, 1978, 1985) yang dilaksanakan sama ada di barat atau di Malaysia. Kebanyakan kajian-kajian ini telah berjaya membuktikan kebenaran dan kesahan teori ini. Di samping kajian tentang keselarasan personaliti-persekitaran dalam bidang kerjaya, pengkaji juga telah memaparkan kajian-kajian lepas tentang hubungan keselarasan kerjaya dengan motivasi pencapaian, pencapaian akademik dan kepuasan kerja. Sebagai kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa terdapat banyak kajian yang telah dilakukan untuk menguji teori Holland ini. Daripada kajian-kajian lepas yang dibentangkan itu jelaslah bahawa kebanyakannya menyokong penuh pandangan teori Holland ini.

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Kajian ini menggunakan instrument ‘ Self-Directed Search’ versi Amla (1984) bagi mengukur personaliti dan persekitaran berasaskan Tipologi Holland. Sermai 30 orang responden akan dipilih secara rawak meliputi 60 kursus pengajian Ijazah Sarjana Muda (tidak termasuk program diploma) di Universiti Teknologi Malaysia. Bagi mengukur keserasian personaliti dan persekitaran ‘Indeks lachan’ akan digunakan. Data diproses dengan menggunakan SPSS-Window. Teknik statistik yang akan digunakan ialah pemeratusan dan min.

Dalam bab ini, pengkaji akan menjelaskan metodologi dan peringkat-peringkat dalam kajian. Metodologi kajian yang diperbincangkan adalah merangkumi reka bentuk kajian, tempat kajian, alat kajian, limitasi kajian, subjek kajian, prosedur atau tatacara kajian dan penganalisan data statistik.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian tinjauan secara deskriptif ini bertujuan untuk melihat darjah keserasian atau kongruen pola personaliti dan persekitaran di kalangan pelajar-pelajar di Universiti Teknologi Malaysia. Penekanan kepada sejauh mana kongruen antara pembolehubah-pembolehubah adalah diberi keutamaan. Instrumen kajian yang digunakan untuk mengukur personaliti-persekitaramn ialah Self-Directed Search-Form Easy (SDS-E) yang telah dibina oleh Amla (1984) berdasarkan SDS Holland (1973). Indeks lachan digunakan untuk mengukur keserasian

atau kopngruen persekitaran kerja, Occupational Path Finder digunakan untuk mengukur kesepaduan personaliti-persekitaran kerja. SDS-Form Easy dipilih kerana alat ukur ini telah disilang budayakan dengan persekitaran tempatan melalui Teknik Brislin. Di samping itu, The Job Finder dan indeks kongruen digunakan untuk menyemak persekitaran, minat dan personaliti pelajar yang mana dapat diukur dan ditentukan dengan data statistik yang diperoleh daripada subjek kajian yang terdiri daripada golongan yang sama.

3.3 Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan di Kampus Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

3.4 Alat Kajian

Alat kajian yang digunakan oleh pengkaji ialah satu set soal selidik yang mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan B (seperti dalam Lampiran 1 - soal selidik kajian). Setiap bahagian ini mempunyai kepentingan tertentu dalam kajian ini seperti berikut;

3.4.1 Bahagian A: Butir-butir Diri Responden

Bahagian A soal selidik mengandungi soalan-soalan untuk mendapatkan butir-butir diri dan latar belakang pelajar dalam memastikan subjek yang dipilih benar-benar memenuhi keperluan kajian. Maklumat berkenaan diri pelajar seperti jantina, umur, Tahun pengajian, bangsa, program, dan kursus. Turut dikemukakan juga soalan tentang kesesuaian kursus dan sebab-sebab kursus yang ditawarkan itu tidak sesuai .

3.4.3 Bahagian B: Alat Ukuran Self-Directed Search–Form Easy Versi Amla

Bahagian B soal selidik ialah alat ukuran Self-Directed Search (SDS) versi Amla. Pada awalnya alat ukuran ini dikenali sebagai *Vocational Preference Inventory*

(VPI) yang dibentuk oleh Holland (1958, 1965, 1977). Alat ukuran tersebut telah disesuaikan dalam bentuk borang mudah oleh Holland (1973) sebagai SDS-Form Easy (SDS-E) untuk mengenal pasti minat kerjaya dan jenis-jenis personaliti terhadap sesuatu pekerjaan yang khusus berdasarkan persekitaran pekerjaan. Instrumen SDS-E ini terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu bahagian kesukaan, kecekapan dan pekerjaan. Skor-skor yang diperolehi oleh SDS-E boleh disusun dan dirumus mengikut skor daripada yang tertinggi hingga yang terendah iaitu bagi membentuk kod 3-huruf (RIASEK) pada jenis atau pola personaliti. Bidang-bidang pekerjaan yang sesuai dapat dipadankan berdasarkan kod-kod tersebut mengikut *The Occupations Finder* (Holland, 1973) atau *Job Finder* (Holland 1977, 1989). (Lampiran 3)

Self Directed Search-Form Easy (SDS-E) versi Amla (1984) mengandungi 10 item bagi mengukur setiap bahagian kesukaan, kecekapan dan pekerjaan seperti yang ditunjukkan dalam jadual pecahan item di bawah ini :

Jadual 3.4.1 : Pecahan Item SDS-Form Easy Versi Amla

Bahagian	Realistik (R)	I Investigatif (I)	Artistik (A)	Sosia l (S)	Enterprising (E)	Konvensional (K)	Jumlah Item
Kesukaan	10	19	10	10	10	10	60
Kecekapan	10	10	10	10	10	10	60
Pekerjaan	10	10	10	10	10	10	60
Jumlah	30	30	30	30	30	30	180

3.5 Skor Manual Self-Directed Search – Form Easy (SDS-E)

Skor manual yang dipertimbangkan dalam kajian ini adalah berdasarkan arahan manual SDS-E (Holland, 1973). Subjek hanya dikehendaki menandakan jawapan sama ada 'Y' jika suka pada sesuatu pekerjaan itu dan menandakan 'T' jika tidak suka pada kertas jawapan yang disediakan. Bagi respon "Y" diberikan skor "1" manakala respon "T" diberikan skor "0". Sekiranya tidak pasti, subjek dikehendaki meninggalkan atau tidak menandakan sebarang huruf pada kertas jawapan yang sama.. Skor-skor ini dipindahkan ke dalam computer dengan menggunakan perisian software SPSS-PC. Proses pemarkatan setiap skala untuk mendapatkan profil dan pola personaliti dimulakan dengan setiap sampel dikategorikan mengikut sub-skala dan dijumlahkan seperti berikut :

$$R = \text{Kesukaan (R)} + \text{Kecekapan (K)} + \text{Pekerjaan (P)}$$

$$I = \text{Kesukaan (R)} + \text{Kecekapan (K)} + \text{Pekerjaan (P)}$$

$$A = \text{Kesukaan (R)} + \text{Kecekapan (K)} + \text{Pekerjaan (P)}$$

$$S = \text{Kesukaan (R)} + \text{Kecekapan (K)} + \text{Pekerjaan (P)}$$

$$E = \text{Kesukaan (R)} + \text{Kecekapan (K)} + \text{Pekerjaan (P)}$$

$$K = \text{Kesukaan (R)} + \text{Kecekapan (K)} + \text{Pekerjaan (P)}$$

Seterusnya skor-skor yang diperolehi itu disusun mengikut pemeringkatan skor tertinggi dan skor terendah bagi mendapatkan profil dan pola personaliti sampel kajian (Holland 1985).

Jadual 3.5.1 : Contoh Penggunaan Skor Kasar dan Sub-Skala SDS-E bagi

**Seorang Responden Kursus Kejuruteraan Awam –
Pengurusan Pembinaan**

Sub-Skala	Realistik (R)	I Investigatif (I)	Artistik (A)	Sosia l (S)	Enterprising (E)	Konvensional (K)
Kesukaan	10	10	5	4	8	4
Kecekapan	8	8	5	4	8	4
Pekerjaan	8	10	2	2	8	8
Jumlah	26	28	12	10	24	16

Dari jadual 3.5.1 di atas skor bagi setiap skala adalah seperti berikut :

$$R = 26$$

$$I = 28$$

$$A = 12$$

$$S = 10$$

$$E = 24$$

$$K = 16$$

Berdasarkan contoh di atas adalah dirumuskan bahawa skor-skor I (28), R (26), E (24), K (16), A (12), S (10), dan disusun mengikut pemeringkatan dan

susunan dari skor tertinggi hingga skor terendah ialah “IREKAS” . Keadaan ini menunjukkan bahawa skala Investigatif (I) adalah lebih dominan dan diikuti oleh Realistik (R), Enterprising (E), Konvensional (K), Artistik (A) dan Sosial (S).

Langkah kedua ialah memberi pangkatan kepada markat kasar daripada markat yang telah diperolehi tadi. Markat yang paling tinggi akan diberikan pangkatan 6, kedua tertinggi diberi pangkatan 5, ketiga tertinggi diberi pangkatan 4, keempat tertinggi diberi pangkatan 3, kelima tertinggi diberi pangkatan 2 dan yang paling rendah diberi pangkatan 1. Tetapi jika berlaku seri dalam markat kasar, pangkatan akan dinilai dengan mengambil jumlah purata yang lebih tinggi bagi pangkatan markat yang seri.

Seterusnya pada peringkat ketiga, pola personaliti-persekitaran setiap responden kajian akan ditentukan berdasarkan pangkatan yang telah diperolehi. Di mana, bagi pangkatan yang paling tinggi akan diletakkan sebagai huruf primer, pangkatan kedua tertinggi diletakkan sebagai huruf sekunder dan begitulah seterusnya. Namun sekiranya seri dalam pangkatan yang diberi, pemilihan akan dibuat berdasarkan konsep konsistensi dalam Model Heksagon Holland (1973, 1985). Mengikut Holland (1985), jenis personaliti yang paling dekat dengan jenis personaliti yang utama adalah lebih konsisten. Justeru, ia akan dipilih untuk mendapatkan pola personaliti kod tiga-mata Holland.

Pengiraan bagi pola personaliti-persekitaran kod 3-huruf bagi setiap kumpulan kursus pula adalah berdasarkan nilai jumlah min bagi kumpulan kursus tersebut, misalnya seperti dalam kajian ini bagi kumpulan Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Pengurusan Pembinaan) ialah : “RSI”. Jika terdapat “tie” di antara dua atau lebih skala-skala maka kedudukan nilai “inter” atau “interclass” yang terdapat pada model segienam (hexagon) Holland akan dirujuk untuk membentuk kod-kod seterusnya.

Bagi mendapatkan keseluruhan pola personaliti untuk semua sampel taburan min bagi setiap skala “RIASEK” diperolehi melalui pemprosesan data menggunakan software SPSS-PC. (Jadual 4.62).

3.6 Indeks Iachan Untuk Darjah Keselarasan

Indeks Keselarasan (IK) digunakan untuk menentukan darjah keselarasan antara kod yang diuji dengan kod persekitaran. Indeks Keselarasan Wiggins dan Moody (1981) (Lampiran 5) yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada skala 9 titik, iaitu bermula dengan 0 hingga 8. Nilai IK 8 menunjukkan darjah keselarasan yang paling tinggi kerana kod diuji sepadan dengan kod persekitaran. Nilai IK 0 pula menunjukkan tidak ada keselarasan antara kod yang diuji dengan kod dalam Indeks Keselarasan. Indeks Iachan digunakan untuk menentukan nilai darjah kongruen. Satu formula digunakan untuk mengira tahap darjah kongruen tersebut. Formula ini memerlukan kod Holland dan kod pengkaji untuk dibandingkan.

Jadual 3.6.1 : Contoh Darjah Kongruen Kursus Kod 3-Huruf RSI dan Kod 3-Huruf bagi

Responden Kursus Kejuruteraan (Pengurusan Pembinaan)

Responden Kursus	I	S	R
R	22	10	*4
S	10	*5	2
I	*4	2	1

} Nilai Tetap

Petunjuk :

26 – 28 : Padanan yang baik

21 - 25 : Hampir Padan

14 – 20 : Hampir tidak padan

13 ke bawah : Padanan yang lemah

Kod Responden

I = 4

S = 5

R = 4

Nilai Darjah Kongruen = 13

Seterusnya pengiraan bagi tahap darjah keselarasan pola personaliti-persekitaran (EAT) bagi setiap kumpulan kursus kod 3-huruf adalah berdasarkan nilai jumlah min bagi kumpulan kursus tersebut, misalnya seperti dalam jadual 3.6.2 dalam kajian ini bagi kumpulan Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Pengurusan Pembinaan) ialah : “RSI” dan tahap darjah keselarasannya adalah “hampir tidak padan” berdasarkan kiraan mengikut jadual indeks keselarasan seperti berikut (Jadual 3.6.1) :

Jadual 3.6.1 Indeks Keselarasan Mengikut Taburan Min

Min	Tahap Darjah Keselarasan
25.5 hingga 28.0	Padanan yang baik
19.6 hingga 25.4	Hampir padan
13.5 hingga 19.5	Hampir tidak padan
Kurang daripada 13.0	Padanan yang lemah

Jadual 3.6.2 : Contoh Analisis Kod Tiga Huruf Holland Mengikut Tahap Kongruen**Personaliti-Persekitaran (EAT) Fakulti Kejuruteraan Awam**

Bil	Kursus / Opsyen	Pola Personaliti-Persekitaran	Min	n	Tahap Darjah Kongruem
1	SAP - Kejuruteraan Awam Mekanikal (Pengurusan Pembinaan)	RSI	14.87	30	Hampir tidak padan
2	SAS – Kejuruteraan Awam (Alam Sekitar)	SIA	17.63	30	Hampir tidak padan
3	SAW – Kejuruteraan Awam	SIC	15.33	72	Hampir tidak padan

3.10 Kebolehpercayaan dan Kesahihan SDS-Form Easy (SDS-E)

Kebolehpercayaan sub-skala SDS-E ialah antara 0.56 dan 0.92 berdasarkan laporan Wirtenberg (1979 dalam Holland 1985). Beberapa pengkaji tempatan seperti Amir Awang (1975), Dasimah Jalun (1991), Wan Hamzah Daud dan Amla Mohd. Salleh (1993), Sabariah Siron (1995) dan Osman Jailani (2000) telah menggunakan alat ukuran SDS dan mendapati amat sesuai dan berkesan. Berdasarkan kebolehpercayaan, Amir Awang (1975) telah mengkaji alat ukuran SDS dan VPI (Vocational Preference Inventory). Beliau mendapati ia mempunyai kebolehpercayaan keseluruhannya $r = .0.67$, $p < 0.05$.

Namun begitu, beberapa item dalam alat ukuran SDS-E telah diubah suai untuk disesuaikan dengan budaya masyarakat Malaysia dan memenuhi ciri kajian. Alat ukuran SDS-E yang digunakan telah dialih bahasa oleh Amla (1984) dan Sidek Mohd Noah (1998). Berdasarkan laporan Amla (1984) julat pekali korelasi setiap sub-skala ialah di antara 0.85 dan 0.97 dan nilai pekali korelasi secara keseluruhan menunjukkan 0.90.. Nilai ini adalah tinggi dan menunjukkan keberkesanan untuk mengukur enam jenis personaliti seperti yang diutarakan oleh Teori Tipologi Kerjaya Holland (Holland, 1994).

3.8 Skop Dan Had Kajian

Kajian yang dijalankan hanya difokuskan kepada 60 program Sarjana Muda (tidak termasuk program diploma) dan pelajar-pelajar daripada tahun 3 dan 4, semester 1, tahun pengajian 2003/ 2004 di Universiti Teknologi Malaysia, (Lampiran 2).

Analisis yang akan dibuat adalah berasaskan kepada maklumat biodata responden yang diperolehi daripada pelajar-pelajar, serta analisis alat ukuran SDS-Form Easy versi Amla (1984). Daripada dapatan yang diperolehi, diharap akan dapat dilihat aspek keselarasan personaliti-persekitaran (PE-fit) di kalangan pelajar-pelajar di Universiti Teknologi Malaysia. Berdasarkan skop dan limitasi kajian ini, hasil penemuan ini tidaklah boleh dibuat penyeluruhan sepenuhnya terhadap keseluruhan pelajar Universiti-universiti di seluruh di negara ini.

3.9 Subjek dan Sampel Kajian

3.9.1 Subjek Kajian

Subjek kajian adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tahun 3 dan 4 dari dalam semester 1, bagi tahun pengajian 2003 / 2004. (Lampiran 2)

3.9.2 Sampel Kajian

Sampel kajian adalah terdiri daripada sekurang-kurangnya 30 orang pelajar bagi setiap bidang pengkhususan program ijazah sarjana muda yang dipilih secara rawak berdasarkan penyata perangkaan daripada Pejabat Pendaftar (Pengurusan Akademik) UTM Berikut adalah bilangan sampel yang dipilih secara rawak berdasarkan penyata Perangkaan Pelajar Bagi Setiap Program Sarjana Muda Tahun 3 dan 4, Tahun Pengajian 2003 / 2004 Semester 1. (Lampiran 2) :

Jadual 3.9.2.1 : Sampel Fakulti Alam Bina

Bil	Kursus	Lelaki	Perem.	Jumlah
		n	n	
1	SBB - SM Bangunan	10	25	35
2	SBL - SM Senibina Landskap	15	25	40
3	SBQ - SM Ukur Bahan	15	20	35
4	SBS - SM Senibina	20	15	35
5	SBW - SM Perancangan Bandar dan Wilayah	10	25	35

Jadual 3.9.2.2 : Sampel Fakulti Kejuruteraan Awam

Bil	Kursus	Lelaki	Perem.	Jumlah n
		n	n	
1	SAP - SM Kej (Awam-Pengurusan Pembinaan)	20	15	35
2	SAS - SM Kej (Awam-Alam Sekitar)	15	20	40
3	SAW - SM Kej (Awam)	40	40	80

Jadual 3.9.2.3 : Sampel Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Bil	Kursus	Lelaki	Perem.	Jumlah
		n	n	n
1	SCC - SM Kej (Komputer)	10	30	40
2	SEC - SM Kej (Komputer)	25	10	35
3	SEE - SM Kej (Elektrik)	20	15	35
4	SEI - SM Kej (Elektrik-Kawalan dan Instrumentasi)	20	20	40
5	SEL - SM Kej (Elektrik-Elektronik)	20	15	35
6	SEM - SM Kej (Elektrik-Mekatronik)	25	10	35
7	SER - SM Kej (Elektrik-Robotik)	17	5	22
8	SET - SM Kej (Elektrik-Komunikasi)	10	40	50

Jadula 3.9.2.4 : Sampel Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Bil	Kursus	Lelaki	Perem.	Jumlah
		n	n	n
1	SMB - SM Kej (Mekanikal-Bahan)	25	10	35
2	SMI - SM Kej (Mekanikal-Industri)	25	10	35
3	SMK - SM Kej (Mekanikal-Teknologi Marin)	30	1	31
4	SMM - SM Kej (Mekanikal)	50	10	60
5	SMP - SM Kej (Mekanikal-Pembuatan)	20	10	30
6	SMT - SM Kej (Mekanikal-Aerounatik)	25	10	35
7	SMV - SM Kej (Mekanikal-Automotif)	30	3	33
8	SRI - SM Sains (Rekabentuk Industri)	20	15	35

Jadual 3.9.2.5 : Sampel Fakulti Kejuruteraan Kimia Dan Kej. Sumber Asli

Bil	Kursus	Lelaki	Perem.	Jumlah
		n	n	n
1	SKB - SM Kej (Kimia-Bioproses)	10	25	35
2	SKG - SM Kej (Kimia-Gas)	20	10	30

3	SKK - SM Kej (Kimia)	15	55	70
4	SKP - SM Kej (Petroleum)	15	20	35
5	SKR - SM Kej (Kimia-Polimer)	15	20	35

Jadual 3.9.2.6 : Sampel Fakulti Kejuruteraan Dan Sains Geoinformasi

Bil	Kursus	Lelaki	Perem.	Jumlah
		n	n	n
1	SGG - SM Sains (Geoinformatik)	10	25	35
2	SGN - SM Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)	15	20	35
3	SGP - SM Sains (Pengurusan Harta Tanah)	15	25	45
4	SGS - SM Sains (Remote Sensing)	20	10	30
5	SGU - SM Kej (Geomatik)	20	30	50

Jadual 3.9.2.7 : Sampel Fakulti Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia

Bil	Kursus	Lelaki	Perem.	Jumlah
		n	n	n
1	SHA - SM Pengurusan (Perakaunan)	13	1	14
2	SHG - SM Pengurusan Teknologi (Pemasaran)	15	15	30
3	SHP - SM Sains (Pembangunan Sumber Manusia)	10	20	30
4	SHT - SM Pengurusan (Teknologi)	10	30	40

Jadual 3.9.2.8 : Sampel Fakulti Sains Komputer Dan Sistem Maklumat

Bil	Kursus	Lelaki	Perem.	Jumlah
		n	n	n
1	SCK - SM Sains (Komputer)	60	90	150

Jadual 3.9.2.9 : Sampel Kursus Di Fakulti Sains

Bil	Kursus	Lelaki	Perem.	Jumlah
		n	n	n
1	SSB - SM Sains (Biologi Industri)	15	20	35
2	SSC - SM Sains (Kimia Industri)	15	15	30
3	SSD - SM Sains (Fizik Bahan)	15	20	35
4	SSF - SM Sains (Fizik Industri)	20	15	35
5	SSH - SM Sains (Fizik Kesihatan)	15	15	30
6	SSM - SM Sains (Matematik Industri)	15	30	45

Jadual 3.9.2.10 : Sampel Fakulti Pendidikan

Bil	Kursus	Lelaki	Perem.	Jumlah
		n	n	n
1	SPA - SM Teknologi serta Pendidikan (Kej Awam)	25	5	30
2	SPC - SM Sains serta Pendidikan (Kimia)	20	15	35
3	SPE - SM Teknologi serta Pendidikan (Kej Elektrik)	30	10	40
4	SPF - SM Sains serta Pendidikan (Fizik)	10	25	35
5	SPG - SM Sains serta Pendidikan (Biologi)	10	25	35
6	SPH - SM Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup)	15	15	30
7	SPI - SM Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam)	10	20	30
8	SPJ - SM Teknologi serta Pendidikan (Kej Mekanikal)	20	15	35
9	SPK - SM Sains dan Komputer serta Pendidikan (Kimia)	10	25	35
10	SPL - SM Sains serta Pendidikan (TESL)	10	25	35
11	SPM - SM Sains serta Pendidikan (Matematik)	25	10	35
12	SPN - SM Sains serta Pendidikan (Sains)	20	15	35
13	SPP - SM Sains dan Komputer serta Pendidikan (Fizik)	20	10	30
14	SPS - SM Sains serta Pendidikan (Sains Sukan)	15	20	35
15	SPT - SM Sains & Komputer serta Pendidikan (Matematik)	10	25	35

3.9.3 Berikut adalah penyata bilangan responden yang memulangkan soal selidik

untuk tindakan selanjutnya :

Jadual 3.9.3.1 Sampel Fakulti Alam Bina

Bil	Kursus	Lelaki	Perem.	Jumlah	% Bil. Sampel
		n	n		
1	SBB - SM Bangunan	5	25	30	85.7
2	SBL - SM Senibina Landskap	11	23	34	85.0
3	SBQ - SM Ukur Bahan	13	17	30	85.7
4	SBS - SM Senibina	16	15	31	88.5
5	SBW - SM Perancangan Bandar dan Wilayah	5	23	28	80.0

Jadual 3.9.3.2 Sampel Fakulti Kejuruteraan Awam

Bil	Kursus	Lelaki	Perem.	Jumlah n	% Bil/ Sampel
		n	n		
1	SAP - SM Kej (Awam-Pengurusan Pembinaan)	19	11	30	85.7
2	SAS - SM Kej (Awam-Alam Sekitar)	13	17	30	75.0
3	SAW - SM Kej (Awam)	38	34	72	90.0

Jadual 3.9.3.3 Sampel Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Bil	Kursus	Lelaki	Perem.	Jumlah	% Sampel
		n	n		
1	SCC - SM Kej (Komputer)	3	27	30	85.0
2	SEC - SM Kej (Komputer)	23	7	30	85.7
3	SEE - SM Kej (Elektrik)	20	14	34	97.1
4	SEI - SM Kej (Elektrik-Kawalan dan Instrumentasi)	17	16	33	82.5
5	SEL - SM Kej (Elektrik-Elektronik)	17	15	32	91.4
6	SEM - SM Kej (Elektrik-Mekatronik)	26	8	34	97.1
7	SER - SM Kej (Elektrik-Robotik)	15	5	20	91.0
8	SET - SM Kej (Elektrik-Komunikasi)	10	38	48	96.0

Jadual 3.9.3.4 Sampel Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Bil	Kursus	Lelaki	Perem.	Jumlah	% Sampel
		n	n		
1	SMB - SM Kej (Mekanikal-Bahan)	23	7	30	85.7
2	SMI - SM Kej (Mekanikal-Industri)	24	7	31	88.5
3	SMK - SM Kej (Mekanikal-Teknologi Marin)	29	-	29	93.5
4	SMM - SM Kej (Mekanikal)	47	4	51	85.0
5	SMP - SM Kej (Mekanikal-Pembuatan)	21	8	29	96.6
6	SMT - SM Kej (Mekanikal-Aerounatik)	7	23	30	85.7
7	SMV - SM Kej (Mekanikal-Automotif)	28	-	28	84.8
8	SRI - SM Sains (Rekabentuk Industri)	18	12	30	85.7

Jadual 3.9.3.5 Sampel Fakulti Kejuruteraan Kimia Dan Kej. Sumber Asli

Bil	Kursus	Lelaki	Perem.	Jumlah	% Bil. Sampel
		n	n		
1	SKB - SM Kej (Kimia-Bioproses)	8	25	33	94.2
2	SKG - SM Kej (Kimia-Gas)	20	10	30	100
3	SKK - SM Kej (Kimia)	-	52	52	74.2
4	SKP - SM Kej (Petroleum)	12	18	30	85.7
5	SKR - SM Kej (Kimia-Polimer)	12	18	30	85.7

Jadual 3.9.3.6 Sampel Fakulti Kejuruteraan Dan Sains Geoinformasi

Bil	Kursus	Lelaki	Perem.	Jumlah	% Bil. Sampel
		n	n		
1	SGG - SM Sains (Geoinformatik)	7	23	30	85.7
2	SGN - SM Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)	12	20	32	91.4
3	SGP - SM Sains (Pengurusan Harta Tanah)	14	26	40	88.8
4	SGS - SM Sains (Remote Sensing)	21	9	30	100
5	SGU - SM Kej (Geomatik)	19	29	48	96.0

Jadual 3.9.3.7 Sampel Fakulti Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia

Bil	Kursus	Lelaki	Perem.	Jumlah	% Bil. Sampel
		n	n		
1	SHA - SM Pengurusan (Perakaunan)	13	1	14	100
2	SHG - SM Pengurusan Teknologi (Pemasaran)	14	16	30	100
3	SHP - SM Sains (Pembangunan Sumber Manusia)	10	20	30	100
4	SHT - SM Pengurusan (Teknologi)	2	28	30	75.0

Jadual 3.9.3.8 Sampel Fakulti Sains Komputer Dan Sistem Maklumat

Bil	Kursus	Lelaki	Perem.	Jumlah	% Bil. Sampel
		n	n		
1	SCK - SM Sains (Komputer)	60	89	149	99.3

Jadual 3.9.3.9 Sampel Fakulti Sains

Bil	Kursus	Lelaki	Perem.	Jumlah	% Bil. Sampel
		n	n		
1	SSB - SM Sains (Biologi Industri)	13	17	30	85.7
2	SSC - SM Sains (Kimia Industri)	15	15	30	100
3	SSD - SM Sains (Fizik Bahan)	11	19	30	85.7
4	SSF - SM Sains (Fizik Industri)	17	13	30	85.7
5	SSH - SM Sains (Fizik Kesihatan)	13	15	28	93.3
6	SSM - SM Sains (Matematik Industri)	13	26	39	86.6

Jadual 3.9.3.10 Sampel Fakulti Pendidikan

Bil	Kursus	Lelaki	Perem.	Jumlah	% Bil. Sampel
		n	n		
1	SPA - SM Teknologi serta Pendidikan (Kej Awam)	25	4	29	96.6
2	SPC - SM Sains serta Pendidikan (Kimia)	18	12	30	85.7
3	SPE - SM Teknologi serta Pendidikan (Kej Elektrik)	30	10	40	100
4	SPF - SM Sains serta Pendidikan (Fizik)	10	21	31	88.5
5	SPG - SM Sains serta Pendidikan (Biologi)	9	22	31	88.5
6	SPH - SM Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup)	15	14	29	96.6
7	SPI - SM Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam)	10	20	30	100
8	SPJ - SM Teknologi serta Pendidikan (Kej Mekanikal)	18	14	32	91.0
9	SPK - SM Sains dan Komputer serta Pendidikan (Kimia)	5	26	31	88.5
10	SPL - SM Sains serta Pendidikan (TESL)	9	22	31	88.5
11	SPM - SM Sains serta Pendidikan (Matematik)	22	8	30	85.7
12	SPN - SM Sains serta Pendidikan (Sains)	18	11	29	82.8
13	SPP - SM Sains dan Komputer serta Pendidikan (Fizik)	20	10	30	100
14	SPS - SM Sains serta Pendidikan (Sains Sukan)	13	17	30	85.7
15	SPT - SM Sains dan Komputer serta Pendidikan (Matematik)	7	23	30	85.7

3.10 Prosedur Kajian

Kajian dijalankan dengan mengedarkan soal selidik kepada semua ketua kursus atau kumpulan dari 60 buah program pengajian yang berada di bawah 10 buah fakulti. Ketua-ketua kursus atau kumpulan diberikan taklimat yang rapi oleh pihak pengkaji dan pembantu-pembantu penyelidik tentang bagaimana hendak mengisi borang-borang soal selidik. Taklimat yang rapi merangkumui tujuan kajian yang jelas, prosedur menjawab, masa 30 minit untuk menjawab, kerahsiaan jawapan dan keikhlasan hati untuk menjawab dengan betul dan tepat.

Kerjasama diperolehi daripada beberapa pensyarah dan semua ketua kursus atau kumpulan daripada program-program yang ingin dikaji untuk mengedarkan soal selidik tersebut serta memberi taklimat semula kepada responden-responden kajian

yang dihubungi masing-masing secara berkumpulan. Pihak pengklaji memberikan tempoh masa tiga hari untuk responden-responden menjawab soal selidik tersebut. Kemudian pengkaji dan pembantu penyelidik akan mengutip kembali daripada ketua-ketua kumpulan yang telah dilantik Bagi responden yang tidak hantar pihak pengkaji telah mencuba menghubungi mereka sedaya upaya secara peribadi akan tetapi usaha untuk mendapatkannya masih gagal. Akhirnya soal selidik yang didapati kembali oleh pengkaji ialah sebanyak 84.3 % daripada jumlah bilangan keseluruhan sampel kajian.. Seterusnya, langkah menganalisis data dibuat bagi memperoleh dapatan daripada kajian ini.

3.11 Penganalisan Data Kajian

Penganalisan data statistik dilakukan dengan teliti sebaik sahaja borang soal selidik yang diedarkan kepada subjek dikumpulkan semula. Semua data yang dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan *Statistical Packages for the Social Sciences* (SPSS/PC). Setelah semua langkah permarkatan selesai, pengkaji mula melakukan penganalisan terhadap hipotesis yang telah dibina. Sehubungan itu, beberapa jenis ujian statistik yang bersesuaian dengan kajian telah digunakan iaitu ujian statistik secara frekuensi, nilai peratusan, min, dan ujian-t.

3.12 Rumusan

Berdasarkan perbincangan dalam bab reka bentuk kajian ini, perkara penting mengenai alat kajian, tempat dan subjek kajian, prosedur kajian serta bentuk penganalisan data statistik telah dihuraikan dengan teliti. Dengan ini, dapatan kajian daripada penyelidikan ini diyakini akan mampu menjawab persoalan kajian yang dikemukakan.

BAB 4

KEPUTUSAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bab ini akan membicarakan keputusan kajian daripada alat ukur Self-Directed Search-Form Easy (SDS-E) versi Amla (1984). Kajian ke atas 60 jenis kursus program sarjana muda dibahagi kepada dua bahagian seperti berikut:

Bahagian A - Latar Belakang Responden

- i) Bilangan dan peratusan responden mengikut jantina.
- ii) Bilangan dan peratusan responden mengikut umur.
- iii) Bilangan dan peratusan responden mengikut tahun pengajian.
- iv) Bilangan dan peratusan responden mengikut bangsa.
- v) Bilangan dan peratusan responden mengikut fakulti.
- vi) Bilangan dan peratusan responden mengikut kesesuaian kursus pengajian yang ditawarkan.
- vii) Bilangan dan peratusan responden mengikut kursus.

Bahagian B - Dapatan hasil kajian adalah berdasarkan persoalan-persoalan berikut:

- i) Pola personaliti pelajar-pelajar dari 60 jenis kursus pengajian sarjana muda di UTM berasaskan Kod Tiga Huruf Tripologi Holland.
- ii) Tahap darjah keserasian (kongruen) pola-pola personaliti-persekitaran (PE-fit) di kalangan pelajar-pelajar UTM mengikut kursus masing-masing.
- iii) Keputusan analisis ujian-t bagi melihat perbezaan **Kongruen Personaliti-Persekitaran (EAT-UTM)** dan **Personaliti-Persekitaran (EOF)** di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan mengikut 60 jenis kursus program sarjana muda.

4.1 - Keputusan Kajian Bahagian A

4.1.1 - Latar Belakang Responden

Responden kajian adalah terdiri daripada 2 062 pelajar Universiti Teknologi Malaysia dari tahun 3 dan tahun 4 bagi tahun pengajian 2003 / 2004. Latar belakang responden melibatkan aspek-aspek jantina, umur, tahun pengajian, bangsa, kursus, kesesuaian kursus yang ditawarkan dan bilangan responden mengikut kursus masing-masing.

Jadual 4.1.1: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	976	47.3
Perempuan	1086	52.7
Jumlah	2062	100.0

Jadual 4.1.1 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina dimana seramai 976 orang pelajar lelaki (47%) dan 1086 orang pelajar perempuan (53%).

Jadual 4.1.2: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Umur

Umur	Bilangan	Peratus
18 – 20 tahun	687	33.3
21 – 23 tahun	1153	55.9
24 – 26 tahun	222	10.8
Jumlah	2062	100.0

Jadual 4.1.2 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut umur. Seramai 687 orang (33%) dalam lingkungan umur antara 18 hingga 20 tahun, 1153 orang (56%) berumur antara 21 hingga 23 tahun dan 222 orang (11%) berumur antara 24 hingga 26 tahun.

Jadual 4.1.3: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Tahun Pengajian

Tahun pengajian	Bilangan	Peratus
Tahun 3	1134	55.0
Tahun 4	928	45.0
Jumlah	2062	100.0

Jadual 4.1.3 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut tahun pengajian. Bilangan pelajar yang dari tahun 3 adalah tinggi iaitu 1134 orang (55%) berbanding dengan bilangan mereka dari tahun 4 iaitu seramai 928 orang (45%).

Jadual 4.1.4: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Bangsa

Bangsa	Bilangan	Peratus
Melayu	1492	72.4
Cina	442	21.4
India	81	3.9
Lain-lain	47	2.3
Jumlah	2062	100.0

Jadual 4.1.4 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut bangsa. Seramai 1492 orang (72%) terdiri daripada pelajar Melayu, 442 orang (21%) pelajar Cina, 81 orang (4%) pelajar India dan 47 orang (2%) pelajar dari lain-lain bangsa.

Jadual 4.1.5: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Fakulti

Fakulti	Bilangan
Fak Alam Bina	152
Fak Kej Awam	132
Fak Kej Elektrik	236
Fak Kej Mekanikal	259
Fak Kej Kimia & Kej Sumber Asli	175
Fak Kej & Sains Geoinformasi	180
Fak Pengurusan & Pembangunan Sumber Manusia	104
Fak Sains Komputer & Sistem Maklumat	175
Fak Sains	187
Fak Pendidikan	462
Jumlah	2062

Jadual 4.1.5 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut fakulti. Bilangan pelajar dari fakulti Pendidikan merupakan bilangan yang teramai di

dalam kajian ini iaitu seramai 462 orang (22%), diikuti dengan pelajar dari fakulti Kejuruteraan Mekanikal seramai 259 orang (13%), 236 orang (11%) pelajar dari fakulti Kejuruteraan Elektrik, 187 orang (9%) pelajar dari fakulti Sains, 180 orang (9%) pelajar dari fakulti Kejuruteraan & Sains Geoinformasi, setiap 175 orang (9%) masing-masing dari fakulti Kejuruteraan Kimia & Kejuruteraan Sumber Asli dan fakulti Sains Komputer & Sistem Maklumat, 152 orang (7%) pelajar dari fakulti Alam Bina, 132 orang (6%) pelajar dari fakulti Kejuruteraan Awam dan 104 orang (5%) pelajar dari fakulti Pengurusan & Pembangunan Sumber Manusia.

Jadual 4.1.6: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Kesesuaian Kursus Pengajian Yang Ditawarkan

Kesesuaian	Bilangan	Peratus
Sesuai	1694	85.8
Tidak sesuai	280	14.2
Jumlah	1974	100.0
Tidak menjawab	88	-
Jumlah keseluruhan	2062	-

Jadual 4.1.6 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut kesesuaian kursus pengajian yang ditawarkan. Seramai 1694 orang (86%) menyatakan kursus yang ditawarkan adalah sesuai sementara 280 orang (14%) menyatakan kursus yang ditawarkan kepada mereka tidak sesuai.

Jadual 4.1.7: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Kursus

	Kursus	Bilangan	Peratus
01	SAP - SM Kej (Awam-Pengurusan Pembinaan)	30	1.5
02	SAS - SM Kej (Awam-Alam Sekitar)	30	1.5
03	SAW - SM Kej (Awam)	72	3.5
04	SBB - SM Bangunan	30	1.5
05	SBL - SM Senibina Landskap	34	1.6
06	SBQ - SM Ukur Bahan	30	1.5

07	SBS - SM Senibina	31	1.5
08	SBW - SM Perancangan Bandar dan Wilayah	28	1.4
09	SCC - SM Kej (Komputer)	30	1.5
10	SCK - SM Sains (Komputer)	149	7.2
11	SEC - SM Kej (Komputer)	30	1.5
12	SEE - SM Kej (Elektrik)	34	1.6
13	SEI - SM Kej (Elektrik-Kawalan dan Instrumentasi)	33	1.6
14	SEL - SM Kej (Elektrik-Elektronik)	32	1.6
15	SEM - SM Kej (Elektrik-Mekatronik)	34	1.6
16	SER - SM Kej (Elektrik-Robotik)	20	1.0
17	SET - SM Kej (Elektrik-Komunikasi)	48	2.3
18	SGG - SM Sains (Geoinformatik)	30	1.5
19	SGN - SM Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)	32	1.6
20	SGP - SM Sains (Pengurusan Harta Tanah)	40	1.9
21	SGS - SM Sains (Remote Sensing)	30	1.5
22	SGU - SM Kej (Geomatik)	48	2.3
23	SHA - SM Pengurusan (Perakaunan)	14	0.7
24	SHG - SM Pengurusan Teknologi (Pemasaran)	30	1.5
25	SHP - SM Sains (Pembangunan Sumber Manusia)	30	1.5
26	SHT - SM Pengurusan (Teknologi)	30	1.5
27	SKB - SM Kej (Kimia-Bioproses)	33	1.6
28	SKG - SM Kej (Kimia-Gas)	30	1.5
29	SKK - SM Kej (Kimia)	52	2.5
30	SKP - SM Kej (Petroleum)	30	1.5
31	SKR - SM Kej (Kimia-Polimer)	30	1.5
32	SMB - SM Kej (Mekanikal-Bahan)	30	1.5
33	SMI - SM Kej (Mekanikal-Industri)	31	1.5
34	SMK - SM Kej (Mekanikal-Teknologi Marin)	29	1.4
35	SMM - SM Kej (Mekanikal)	51	2.5
36	SMP - SM Kej (Mekanikal-Pembuatan)	29	1.4
37	SMT - SM Kej (Mekanikal-Aerounatik)	30	1.5
38	SMV - SM Kej (Mekanikal-Automotif)	28	1.4
39	SPA - SM Teknologi serta Pendidikan (Kej Awam)	29	1.4
40	SPC - SM Sains serta Pendidikan (Kimia)	30	1.5
41	SPE - SM Teknologi serta Pendidikan (Kej Elektrik)	40	1.9

42	SPF - SM Sains serta Pendidikan (Fizik)	31	1.5
43	SPG - SM Sains serta Pendidikan (Biologi)	31	1.5
44	SPH - SM Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup)	29	1.4
45	SPI - SM Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam)	30	1.5
46	SPJ - SM Teknologi serta Pendidikan (Kej Mekanikal)	32	1.6
47	SPK - SM Sains dan Komputer serta Pendidikan (Kimia)	31	1.5
48	SPL - SM Sains serta Pendidikan (TESL)	31	1.5
49	SPM - SM Sains serta Pendidikan (Matematik)	30	1.5
50	SPN - SM Sains serta Pendidikan (Sains)	29	1.4
51	SPP - SM Sains dan Komputer serta Pendidikan (Fizik)	30	1.5
52	SPS - SM Sains serta Pendidikan (Sains Sukan)	30	1.5
53	SPT - SM Sains dan Komputer serta Pendidikan (Matematik)	30	1.5
54	SRI - SM Sains (Rekabentuk Industri)	30	1.5
55	SSB - SM Sains (Biologi Industri)	30	1.5
56	SSC - SM Sains (Kimia Industri)	30	1.5
57	SSD - SM Sains (Fizik Bahan)	30	1.5
58	SSF - SM Sains (Fizik Industri)	30	1.5
59	SSH - SM Sains (Fizik Kesihatan)	28	1.4
60	SSM - SM Sains (Matematik Industri)	39	1.9
	Jumlah	2062	100.0

Jadual 4.1.7 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut kursus. Bilangan pelajar dari setiap kursus bagi kajian ini adalah hampir sama iaitu antara 29 hingga 72 (1% hingga 4%) kecuali kursus SCK-Sains (Komputer) seramai 149 orang (7%), SER-Kej (Elektrik-Robotik) seramai 20 orang (1%) dan kursus SHA-Pengurusan (Perakaunan) hanya 14 orang (1%).

Bahagian 4.2 - Keputusan Kajian Bahagian B

Dapatan hasil kajian adalah berdasarkan persoalan-persoalan berikut:

- i) Apakah pola personaliti pelajar-pelajar dalam 60 jenis kursus Pengajian Sarjana Muda di UTM berasaskan Kod Tiga Huruf Tripologi Holland?
- ii) Apakah pola persekitaran (EAT) pelajar-pelajar dalam 60 jenis kursus Pengajian Sarjana Muda di UTM berasaskan Kod Tiga Huruf?
- iii) Apakah tahap darjah keserasian (kongruen) pola-pola personaliti-persekitaran (EAT) di kalangan pelajar-pelajar UTM mengikut kursus masing-masing?
- iv) Keputusan analisis ujian-t bagi melihat perbandingan tahap kongruen pesonaliti-persekitaran (EAT) dan EOF dari segi jantina bagi setiap kursus.

4.2.1 - Pola Personaliti Setiap Kursus Mengikut Fakulti

Jadual 4.2.1.1: Pola Personaliti Setiap Kursus Fakulti Alam Bina

Bil	Kursus	KTH (UTM)	Bidang EOF	KTH (EOF)
1	SBB - SM Bangunan	SEI	Architecture	IAE
2	SBL - SM Senibina Landskap	ASE	Landscape architecture	AIR
3	SBQ - SM Ukur Bahan	SCI	Surveyer	IER
4	SBS - SM Senibina	SAE	Architecture	IAE
5	SBW - SM Perancangan Bandar dan Wilayah	SIC	Architectural Urban Design & planning	EIS

KTH (UTM) - Kod Tiga Huruf Pengkaji (Personaliti)

KTH (EOF) - Kod Tiga Huruf dari The Educational Opportunities Finder

Jadual 4.2.1.1 menunjukkan pola personaliti (kod tiga huruf - KTH) mengikut kursus-kursus di fakulti Alam Bina. Hasil dapatan menunjukkan empat daripada lima kursus di fakulti Alam Bina iaitu SSB, SBQ, SBS dan SBW mempunyai jenis

personaliti sosial (S) sementara kursus SBL mempunyai dominasi sosial sebagai kod keduanya.

Jadual 4.2.1.2: Pola Personaliti Setiap Kursus Fakulti Kejuruteraan Awam

Bil	Kursus	KTH (UTM)	Bidang EOF	KTH (EOF)
6	SAP - SM Kej (Awam-Pengurusan Pembinaan)	RSI	Civil Engineering, General	IRE
7	SAS - SM Kej (Awam-Alam Sekitar)	SIE	Civil Engineering, General	IRE
8	SAW - SM Kej (Awam)	SIE	Civil Engineering, General	IRE

KTH (UTM) - Kod Tiga Huruf Pengkaji (Personaliti)

KTH (EOF) - Kod Tiga Huruf dari The Educational Opportunities Finder

Jadual 4.2.1.2 menunjukkan pola personaliti (kod tiga huruf - KTH) mengikut kursus-kursus di fakulti Awam. Dapatan di dalam jadual di atas menunjukkan kursus SAS dan SAW mempunyai pola kod tiga huruf yang sama iaitu SIE dimana keduanya mempunyai jenis personaliti sosial (S) manakala kursus SAP mempunyai jenis personaliti realistik (R) dan sosial (S) sebagai jenis personaliti kedua.

Jadual 4.2.1.3: Pola Personaliti Setiap Kursus Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Bil	Kursus	KTH (UTM)	Bidang EOF	KTH (EOF)
9	SCC - SM Kej (Komputer)	SCE	Computer Engineering	RIS
10	SEC - SM Kej (Komputer)	ISR	Computer Engineering	RIS
11	SEE - SM Kej (Elektrik)	ISR	Electrical, Electronics & Communications Engineering	IRE
12	SEI - SM Kej (Elektrik-Kawalan dan Instrumentasi)	IRS	Electrical, Electronics & Communications Engineering	IRE
13	SEL - SM Kej (Elektrik-Elektronik)	IRC	Electrical, Electronics & Communications Engineering	IRE
14	SEM - SM Kej (Elektrik-Mekatronik)	RIS	Electrical, Electronics & Communications Engineering	IRE
15	SER - SM Kej (Elektrik-Robotik)	SAE	Robotics Technology / Technician	IRE
16	SET - SM Kej (Elektrik-Komunikasi)	ISR	Electrical, Electronics & Communications Engineering	IRE

KTH (UTM) - Kod Tiga Huruf Pengkaji (Personaliti)

KTH (EOF) - Kod Tiga Huruf dari The Educational Opportunities Finder

Merujuk kepada Bab 4, Jadual 4.1.5 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut fakulti. Bilangan pelajar dari fakulti Pendidikan merupakan bilangan yang teramai di dalam kajian ini iaitu seramai 462 orang (22%), diikuti dengan pelajar dari fakulti Kejuruteraan Mekanikal seramai 259 orang (13%), 236 orang (11%) pelajar dari fakulti Kejuruteraan Elektrik, 187 orang (9%) pelajar dari fakulti Sains, 180 orang (9%) pelajar dari fakulti Kejuruteraan & Sains Geoinformasi, setiap 175 orang (9%) masing-masing dari fakulti Kejuruteraan Kimia & Kejuruteraan Sumber Asli dan fakulti Sains Komputer & Sistem Maklumat, 152 orang (7%) pelajar dari fakulti Alam Bina, 132 orang (6%) pelajar dari fakulti Kejuruteraan Awam dan 104 orang (5%) pelajar dari fakulti Pengurusan & Pembangunan Sumber Manusia.

Merujuk kepada Bab 4 kajian, **berikut adalah Jadual 4.1.6 mengenai taburan bilangan dan peratusan responden mengikut kesesuaian kursus pengajian yang ditawarkan**

Jadual 4.1.6 Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Kesesuaian Kursus Pengajian Yang Ditawarkan

Kesesuaian	Bilangan Responden	Peratus
Sesuai	1694	85.8
Tidak sesuai	280	14.2
Jumlah	1974	100.0
Tidak menjawab	88	-
Jumlah keseluruhan	2062	-

Merujuk kepada Jadual 4.6.1 dalam Bab 4, menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut **kesesuaian kursus pengajian yang ditawarkan**. Terdapat 1,694 (85.8 %) orang responden yang mengatakan bahawa kursus yang mereka sedang jalani adalah sesuai, manakala seramai 280 (14.2 %) orang responden mengatakan tidak sesuai. Manakala yang lain seramai 88 orang responden tidak menjawab soalan dalam bahagian ini.

Berdasarkan maklumat yang didapati dari dua soalan terbuka yang dijawab oleh kebanyakan responden lelaki dan perempuan mengenai sebab-sebab kesesuaian kursus, rata-rata mereka mengatakan bahawa kursus yang diikuti adalah sesuai. Sebab utama yang mereka rasa sesuai ialah kerana adanya minat, rakan sejawat dan kesesuaian personaliti dan persekitaran yang telah mendorong mereka untuk bertahan meneruskan pengajian mereka. Dalam ertikata yang lain ini menunjukkan bahawa mereka mempunyai ciri-ciri personaliti berbentuk sosial dan ini kadang-kadang amat bercanggah dengan personaliti dan persekitaran pengajian yang relevan pada bidang pengajian atau pekerjaan mereka di kampus UTM. Secara keseluruhannya ciri-ciri sosial ini adalah dominan pada semua pola personaliti para pelajar yang dikaji. (Sila rujuk jadual Pola Personaliti-Persekitaran Jadual 4.2.1. hingga Jadual 4.2.10).

Purata pendapat responden yang mengatakan bahawa kursus yang ditawarkan itu tidak sesuai pada mereka adalah disebabkan oleh desakan keluarga, tiada berminat, bukan pilihannya yang utama. Justeru itu pencapaian tinggi dalam mata pelajaran yang relevan ketika memohon kursus yang ditawarkan dahulu bukanlah faktor utama mereka boleh serasi dengan kursus yang ditawarkan.

Merujuk kepada Bab 4, Jadual 4.1.7 Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Kursus menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut kursus. Bilangan pelajar dari setiap kursus bagi kajian ini adalah hampir sama iaitu antara 29 hingga 72 (1% hingga 4%) kecuali kursus SCK-Sains (Komputer) seramai 149 orang (7%), manakala SER-Kej (Elektrik-Robotik) seramai 20 orang (1%) dan kursus SHA-Pengurusan (Perakaunan) hanya 14 orang (1%) yang merupakan populasi sebenar (Lampiran 2)].

5.2 Perbincangan Keputusan Kajian Bahagian B

Bahagian ini menyentuh perbincangan tentang pola Personaliti Pelajar-Pelajar dalam setiap jenis kursus Pengajian Sarjana Muda di UTM berasaskan Kod Tiga-Huruf atau Tripologi Holland (KTH-EOF).

Dapatan hasil kajian adalah bagi menjawab persoalan-persoalan berikut:

- i) Apakah pola personaliti pelajar-pelajar dalam 60 jenis kursus Pengajian Sarjana Muda di UTM berasaskan Kod Tiga Huruf Tripologi Holland?
- ii) Apakah pola persekitaran (EAT) pelajar-pelajar dalam 60 jenis kursus Pengajian Sarjana Muda di UTM berasaskan Kod Tiga Huruf?
- iii) Apakah tahap darjah keserasian (kongruen) pola-pola personaliti-persekitaran (EAT) di kalangan pelajar-pelajar UTM mengikut kursus masing-masing?
- iv) Keputusan analisis ujian-t bagi melihat perbandingan tahap kongruen personaliti-persekitaran (EAT) dan EOF dari segi jantina bagi setiap kursus.

5.2.1: Pola Personaliti Setiap Kursus Mengikut Fakulti

5.2.1.1: Pola Personaliti Setiap Kursus Di Fakulti Alam Bina

Berdasarkan Bab 4, Jadual 4.2.1.1 dan *The Educational Opportunities Finder* (EOF) Holland (1973, 1985) . Hasil dapatan menunjukkan empat daripada lima kursus di fakulti Alam Bina iaitu SSB, SBQ, SBS dan SBW mempunyai jenis personaliti sosial (S) sementara kursus SBL mempunyai dominasi sosial sebagai kod keduanya.

Berdasarkan Jadual 4.2.1.1 dalam Bab 4 dan *The Educational Opportunities Finder* (EOF) Holland (1973, 1985) bahawa hasil dapatan menunjukkan bahawa pola personaliti yang didapati bagi pelajar-pelajar kursus SM Alam Bina (Bangunan) dengan KTH (SEI) lebih mirip ke personaliti sosial, enterprising dan investigatif berbanding dengan profil personaliti investigatif, artistik dan enterprising (IAE) pada KTH-EOF. Manakala kursus SM Alam Bina (Senibina Landskap) adalah lebih mirip kepada personaliti Artistik, sosial dan enterprising (ASE) berbanding dengan profil personaliti artistik, investigatif dan realistik (AIR) pada KTH-EOF. Bagi kursus SM Alam Bina (Ukur Bahan) adalah lebih mirip kepada personaliti sosial, konvensional dan investigatif (SCI) berbanding dengan profil personaliti investigatif, enterprising dan realistik (IER) pada KTH-EOF. Bagi kursus SM Alam Bina (senibina) adalah

lebih mirip kepada personaliti sosial, artistik dan enterprising (SAE) berbanding dengan profil personaliti investigatif, artistik dan enterprising (IAE) pada KTH-EOF. Bagi kursus SM Alam Bina (Perancangan Bandar dan Wilayah) adalah lebih mirip kepada personaliti sosial, investigatif dan konvensional (SIC) berbanding dengan profil personaliti enterprising, investigatif dan sosial (EIS) pada KTH-EOF.

Justeru itu kemungkinan besar keserasian kursus dengan personaliti pelajar alam bina mempunyai padanan yang lemah.

5.2.1.2: Pola Personaliti Setiap Kursus Di Fakulti Kejuruteraan Awam

Merujuk kepada Bab 4, Jadual 4.2.1.2 menunjukkan pola personaliti (kod tiga huruf – KTH-UTM) mengikut kursus-kursus di fakulti Awam. Dapatan di dalam jadual di atas menunjukkan kursus SAS dan SAW mempunyai pola kod tiga huruf yang sama iaitu SIE dimana kedua-duanya mempunyai jenis personaliti sosial (S) manakala kursus SAP mempunyai jenis personaliti realistik (R) dan sosial (S) sebagai jenis personaliti kedua.

Berdasarkan Jadual 4.2.1.2 dalam Bab 4 dan *The Educational Opportunities Finder* (EOF) Holland (1973, 1985) bahawa hasil dapatan menunjukkan bahawa pola personaliti yang didapati bagi pelajar-pelajar kursus SM Kejuruteraan Awam (Pengurusan Pembinaan) dengan KTH (RSI) lebih mirip ke bahagian realistik dan sosial berbanding dengan profil personaliti investigatif dan artistik pada KTH-EOF. Manakala kursus SM Kejuruteraan Awam (Alam Sekitar) dan kursus SM Kejuruteraan (Awam) kedua-duanya dengan profil sosial dan investigatif berbanding dengan profil investigatif dan realistik pada KTH-EOF. Justeru itu kemungkinan besar keselarasan kursus dengan personaliti pelajar Kejuruteraan Awam adalah hampir tidak padan.

5.2.1.3: Pola Personaliti Setiap Kursus Di Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Merujuk kepada Bab 4, Jadual 4.2.1.3 menunjukkan pola personaliti (kod tiga huruf - KTH) mengikut kursus-kursus di fakulti Kejuruteraan Elektrik.

Lima daripada lapan kursus dari fakulti Elektrik mempunyai kod awalan atau jenis personaliti investigatif (I) dan kod awalan ini berpadanan dengan kod awalan EOF (Educational Opportunities Finder). Dua kursus iaitu SCC dan SER mempunyai jenis personaliti sosial (S) sementara kursus SEM mempunyai jenis personaliti realistik (R).

Berdasarkan Jadual 4.2.1.4 dan *The Educational Opportunities Finder* (EOF) Holland (1973, 1985) bahawa hasil kajian menunjukkan bahawa pola personaliti yang didapati bagi pelajar-pelajar kursus SM Kejuruteraan Elektrik (Komputer) dengan kod 3-huruf (SCE) adalah lebih mirip kepada personaliti sosial, konvensional dan enterprising berbanding dengan profil personaliti realistik, investigatif dan sosial (RIS) pada KTH-EOF. Bagi kursus Kejuruteraan Elektrik (Komputer) dengan kod 3-huruf (ISR) adalah lebih mirip kepada personaliti investigatif, sosial, dan realistik berbanding dengan ciri-ciri personaliti realistik, investigatif dan sosial (RIS) pada KTH-EOF. Bagi kursus Kejuruteraan Elektrik (Elektrik) dengan kod 3-huruf (ISR) adalah lebih mirip kepada personaliti, investigatif, sosial dan realistik berbanding dengan profil personaliti investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Bagi kursus Kejuruteraan Elektrik (Elektrik Kawalan dan Instrumentasi) dengan profil kod 3-huruf (IRS) adalah lebih mirip pada personaliti investigatif, realistik dan sosial berbanding dengan profil personaliti investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Bagi kursus Kejuruteraan Elektrik (Elektrik-Elektronik) dengan kod 3-huruf (IRC) ia lebih mirip pada personaliti investigatif, realistik dan konvensional berbanding dengan profil personaliti investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Bagi kursus Kejuruteraan Elektrik (Elektrik-Mekatronik) dengan kod 3-huruf (RIS) ia lebih mirip pada personaliti realistik, investigatif dan sosial berbanding dengan profil personaliti investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Bagi kursus Kejuruteraan Elektrik (Elektrik-Robotik) dengan kod 3-huruf (SAE) adalah lebih mirip kepada personaliti sosial, artistik dan enterprising berbanding dengan profil personaliti investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Bagi kursus Kejuruteraan Elektrik (Elektrik-Komunikasi) dengan kod 3-huruf (ISR) adalah lebih mirip pada profil personaliti investigatif, sosial dan realistik berbanding dengan profil personaliti investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF.

5.2.1.4: Pola Personaliti Setiap Kursus Di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Merujuk kepada Bab 4, Jadual 4.2.1.4 menunjukkan pola personaliti (kod tiga huruf - KTH) mengikut kursus-kursus di fakulti Kejuruteraan Mekanikal. Hasil dapatan menunjukkan kursus-kursus berikut iaitu SMB, SMK, SMM dan SMV mempunyai jenis personaliti realistik (R) manakala kursus SMI mempunyai jenis personaliti konvensional (C) dan realistik (R) bagi jenis personaliti kedua. Dapatan yang sama menunjukkan responden dari kursus SMP dan SMT mempunyai jenis personaliti sosial (S) dan responden kursus SRI mempunyai jenis personaliti artistik (A).

Berdasarkan Jadual 4.2.1.4 dan *The Educational Opportunities Finder* (EOF) Holland (1973, 1985) bahawa hasil kajian menunjukkan bahawa pola personaliti yang didapati bagi pelajar-pelajar kursus SM Kejuruteraan Mekanikal (Bahan) dengan kod 3-huruf (RIS) adalah lebih mirip pada personaliti realistik, investigatif dan sosial iaitu secukupnya dengan personaliti realistik, investigatif dan enterprising (RIE) pada KTH-EOF. Bagi kursus Kejuruteraan Mekanikal (Industri) dengan kod 3-huruf (CRE) adalah lebih mirip pada personaliti konvensional dan realistik berbanding dengan ciri-ciri personaliti realistik, investigatif dan enterprising (RIE) pada KTH-EOF. Bagi kursus Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi-Marin) dengan kod 3-huruf (RIS) ia lebih mirip pada personaliti realistik, investigatif dan sosial dan hampir secukupnya dengan profil personaliti realistik, investigatif dan enterprising pada KTH-EOF. Bagi kursus Kejuruteraan Mekanikal (Mekanikal) dengan profil kod 3-huruf (RSC) adalah lebih mirip pada personaliti realistik dan sosial berbanding dengan profil personaliti realistik, investigatif dan enterprising (RIE) pada KTH-EOF. Bagi kursus Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) dengan kod 3-huruf (SCE) ia lebih mirip pada personaliti sosial dan konvensional dan tidak beberapa secukupnya dengan profil personaliti realistik, investigatif dan enterprising (RIE) pada KTH-EOF. Bagi kursus Kejuruteraan Mekanikal (Aerounatik) dengan kod 3-huruf (SEC) ia lebih mirip pada personaliti sosial dan enterprising dan ia tidak secukupnya dengan profil personaliti investigatif dan realistik pada KTH-EOF. Bagi kursus Kejuruteraan Mekanikal (Automatif) dengan kod 3-huruf (REI) ia adalah hampir secukupnya dengan personaliti

realistik, investigatif dan enterprising (RIE) pada KTH-EOF. Bagi kursus Kejuruteraan Mekanikal (Rekabentuk Industri) dengan kod 3-huruf (ASC) adalah lebih mirip pada profil personaliti artistik dan sosial yang kurang secukupnya dengan profil personaliti realistik dan investigatif (RIE) pada KTH-EOF.

5.2.1.5: Pola Personaliti Setiap Kursus Di Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli

Merujuk kepada Bab 4, Jadual 4.2.1.5 dan *The Educational Opportunities Finder* (EOF) menunjukkan pola personaliti mengikut kursus-kursus di fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli, hasil dapatan menunjukkan kelima-lima kursus bagi fakulti di atas mempunyai jenis personaliti investigatif (I) dan kurang mempunyai persamaan dengan jenis personaliti EOF.

Hasil dapatan menunjukkan bahawa pola personaliti yang didapati bagi pelajar-pelajar kursus SM Kejuruteraan (Kimia-Biproses) dengan kod 3-huruf (ISC) adalah lebih mirip pada personaliti investigatif, sosial dan konvensional dan tidak beberapa secukupnya dengan profil personaliti investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Bagi kursus SM Kejuruteraan (Kimia-Gas) dengan kod 3-huruf (ISE) adalah lebih mirip pada personaliti investigatif, sosial dan enterprising dan hampir secukupnya dengan profil personaliti investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Bagi kursus SM Kejuruteraan (Kimia) dengan kod 3-huruf (ISC) adalah lebih mirip kepada personaliti investigatif, sosial dan konvensional dan sedikit secukupnya dengan profil personaliti investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Bagi kursus SM Kejuruteraan Kimia (Petroleum) dengan kod 3-huruf (ISR) adalah lebih mirip kepada personaliti investigatif, sosial dan realistik dan sedikit secukupnya dengan profil personaliti investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Bagi kursus SM Kejuruteraan Kimia (Kimia-Polimer) dengan kod 3-huruf (ISR) adalah lebih mirip kepada personaliti investigatif, sosial dan realistik dan sedikit secukupnya dengan profil personaliti investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF.

5.2.1.6: Pola Personaliti - Persekitaran (EAT) Setiap Kursus Di Fakulti Kejuruteraan Dan Sains Geoinformasi

Merujuk kepada Bab 4, Jadual 4.2.1.6 menunjukkan pola personaliti (kod tiga huruf - KTH) mengikut kursus-kursus di fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi. Hasil dapatan menunjukkan kursus-kursus berikut iaitu SGG, SGN, SGP dan SGU mempunyai kod awalan atau jenis personaliti jenis sosial (S) sementara kursus SGS mempunyai jenis personaliti konvensional (C) dan sosial (S) bagi jenis personaliti kedua.

Berdasarkan Jadual 4.2.1.6 dan *The Educational Opportunities Finder* (EOF) Holland (1973, 1985) bahawa hasil dapatan menunjukkan bahawa pola personaliti yang didapati bagi pelajar-pelajar kursus SM Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi (Geoinformatik) dengan kod 3-huruf (SAE) adalah lebih mirip kepada personaliti sosial artistik dan enterprising dan tidak secukupnya dengan profil personaliti realistik, investigatif dan artistik (IRA). Bagi SM Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah) dengan kod 3-huruf (SIE) adalah lebih mirip pada personaliti sosial dan investigatif walau pun ia seharusnya akur dengan ciri-ciri personaliti realistik, investigatif, dan enterprising (RIE). Bagi SM Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi (Pengurusan Harta Tanah) dengan kod 3-huruf (SIE) adalah lebih mirip pada personaliti sosial dan investigatif walau pun ia seharusnya akur dengan ciri-ciri personaliti realistik, investigatif, dan enterprising (RIE). Bagi SM Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi (Remote Sensing) dengan kod 3-huruf (CSE) adalah lebih mirip pada personaliti konvensional dan sosial walau pun ia seharusnya akur dengan ciri-ciri personaliti realistik, investigatif, dan enterprising (RIE). Bagi SM Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi (Geomatik) dengan kod 3-huruf (SIE) adalah lebih mirip pada personaliti sosial dan investigatif walau pun ia seharusnya akur dengan ciri-ciri personaliti realistik, investigatif, dan enterprising (RIE) pada KTH-EOF.

5.2.1.7: Pola Personaliti Setiap Kursus Di Fakulti Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia

Merujuk kepada Bab 4, Jadual 4.2.1.7 menunjukkan pola personaliti (kod tiga huruf - KTH) mengikut kursus-kursus di fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia. Hasil dapatan menunjukkan jenis personaliti utama bagi kursus-kursus di atas tidak seragam. Walau bagaimanapun kod personaliti sosial (S) dan konvensional (C) merupakan jenis personaliti utama atau kedua bagi keempat-empat kursus tersebut.

Berdasarkan Jadual 4.2.1.7 dan *The Educational Opportunities Finder* (EOF) Holland (1973, 1985) bahawa hasil kajian menunjukkan bahawa pola personaliti yang didapati bagi pelajar-pelajar kursus SM Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (Pengurusan Perakaunan) dengan kod 3-huruf (SCE) adalah lebih mirip kepada personaliti sosial, konvensional, dan enterprising berbanding dengan profil personaliti konvensional, enterprising dan investigatif (CEI) pada KTH-EOF. Bagi SM Pengurusan Teknologi (Pemasaran) dengan kod 3-huruf (CSE) adalah lebih mirip kepada personaliti konvensional, sosial dan enterprising berbanding dengan profil personaliti sosial, enterprising dan konvensional, (SEC) pada KTH-EOF. Bagi SM Sains (Pembangunan Sumber Manusia) dengan kod 3-huruf (ISA) adalah lebih mirip kepada personaliti investigatif, sosial dan artistik berbanding dengan profil personaliti sosial, enterprising dan konvensional (SEC) pada KTH-EOF. Bagi SM Pengurusan (Teknologi) dengan kod 3-huruf (CSE) adalah lebih mirip kepada personaliti konvensional, sosial dan enterprising berbanding dengan profil personaliti sosial, enterprising dan konvensional (SEC) pada KTH-EOF. Rumusannya profil KTH-UTM berbanding dengan KTH-EOF mempunyai padanan yang lemah.

5.2.1.8: Pola Personaliti Setiap Kursus Di Fakulti Sains Komputer Dan Sistem Maklumat

Merujuk kepada Bab 4, Jadual 4.2.1.8 menunjukkan pola personaliti (kod tiga huruf - KTH) bagi kursus SCK di fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat ialah sosial (S) sementara jenis personaliti kedua ialah investigatif (I).

Berdasarkan Jadual 4.2.1.8 dan *The Educational Opportunities Finder* (EOF) Holland (1973, 1985) bahawa hasil kajian menunjukkan bahawa pola personaliti yang didapati bagi pelajar-pelajar kursus SM Sains Komputer dan Sistem Maklumat dengan kod 3-huruf (SIE) adalah lebih mirip pada personaliti sosial, investigatif dan enterprising berbanding dengan profil personaliti investigatif, enterprising dan sosial (SEC) pada KTH-EOF. Rumusannya profil KTH-UTM berbanding dengan KTH-EOF mempunyai padanan yang lemah.

5.2.1.9: Pola Personaliti Setiap Kursus Di Fakulti Sains

Merujuk kepada, Jadual 4.2.1.9 menunjukkan pola personaliti (kod tiga huruf - KTH) mengikut kursus-kursus di fakulti Sains. Hasil dapatan menunjukkan kursus-kursus dari fakulti Sains kecuali kursus SSM mempunyai jenis personaliti investigatif (I) sementara kod personaliti kedua ialah sosial (S) dan realistik (R) bagi kursus SSH. Jenis personaliti yang utama bagi kursus SSM ialah sosial (S) diikuti dengan investigatif (I).

Berdasarkan Jadual 4.2.1.9 dan *The Educational Opportunities Finder* (EOF) Holland (1973, 1985) bahawa hasil kajian menunjukkan bahawa bagi kursus SM Sains (Biologi Industri) dengan kod 3-huruf (ISA) adalah lebih mirip kepada personaliti investigatif, sosial dan artistik berbanding dengan profil personaliti investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Bagi SM Sains (Kimia Industri) dengan kod 3-huruf (ISE) adalah lebih mirip kepada personaliti investigatif, sosial dan enterprising berbanding dengan profil personaliti investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Bagi SM Sains (Fizik Bahan) dengan kod 3-huruf (ISR) adalah lebih mirip kepada personaliti investigatif, sosial dan realistik berbanding dengan profil personaliti investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Bagi SM Sains (Fizik Industri) dengan kod 3-huruf (ISC) adalah lebih mirip kepada personaliti investigatif, sosial dan konvensional berbanding dengan profil personaliti investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Bagi

SM Sains (Fizik Kesihatan) dengan kod 3-huruf (IRE) personaliti investigatif, realistik dan enterprising berbanding dengan profil personaliti investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Bagi SM Sains (Matematik Industri) pola personaliti yang didapati bagi pelajar ialah sosial, investigatif dan enterprising (SIE) berbanding dengan profil personaliti investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Rumusannya profil KTH-UTM adalah hampir tidak padan berbanding dengan KTH-EOF.

5.2.1.10: Pola Personaliti Setiap Kursus Di Fakulti Pendidikan

Merujuk kepada Bab 4, Jadual 4.2.1.10 menunjukkan pola personaliti (kod tiga huruf - KTH) mengikut kursus-kursus di fakulti Pendidikan. Hasil dapatan menunjukkan jenis personaliti utama bagi kursus-kursus di bawah fakulti Pendidikan tidak seragam. Walau bagaimanapun kod personaliti sosial (S) merupakan jenis personaliti utama atau kedua bagi kesemua kursus di atas. Jenis-jenis personaliti dapatan pengkaji adalah hampir sama dengan kod tiga huruf EOF kecuali susunan kod tiga hurufnya berbeza.

Berdasarkan Jadual 4.2.10 dan *Educational Opportunities Finder* (EOF) Holland (1973, 1985) bahawa hasil kajian menunjukkan bahawa pola personaliti yang didapati bagi pelajar-pelajar kursus SM Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam)) dengan kod 3-huruf (RSE) adalah lebih mirip kepada personaliti realistik, sosial dan enterprising berbanding dengan profil personaliti sosial, artistik dan enterprising (SAE) pada KTH-EOF. Bagi SM Sains serta Pendidikan (Kimia) dengan kod 3-huruf (RIA) adalah lebih mirip kepada personaliti realistik, sosial dan artistik berbanding dengan profil personaliti sosial, investigatif dan realistik (SIR) pada KTH-EOF. Bagi SM Sains serta Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik) dengan kod 3-huruf (RSE) adalah lebih mirip kepada personaliti realistik, sosial dan enterprising berbanding dengan profil personaliti sosial, artistik dan enterprising (SAE) pada KTH-EOF. Bagi SM Sains serta Pendidikan (Fizik) dengan kod 3-huruf (ISA) adalah lebih mirip kepada personaliti investigatif, sosial dan artistik berbanding dengan profil personaliti sosial, investigatif dan realistik (SIR) pada KTH-EOF. Bagi SM Sains serta Pendidikan (Biologi) dengan kod 3-huruf (SCI)

adalah lebih mirip kepada personaliti sosial, konvensional dan investigatif berbanding dengan profil personaliti sosial, investigatif dan artistik (SIA) pada KTH-EOF. Bagi SM Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) dengan kod 3-huruf (SIA) adalah lebih mirip kepada personaliti sosial, investigatif dan artistik berbanding dengan profil personaliti sosial, artistik dan enterprising (SAE) pada KTH-EOF. Bagi SM Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) dengan kod 3-huruf (SCI) adalah lebih mirip kepada personaliti sosial, konvensional dan investigatif berbanding dengan profil personaliti sosial, enterprising dan artistik (SEA) pada KTH-EOF. Bagi SM Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Mekanikal) dengan kod 3-huruf (RSE) adalah lebih mirip kepada personaliti realistik, sosial dan enterprising berbanding dengan profil personaliti sosial, artistik dan enterprising (SAE) pada KTH-EOF. Bagi SM Sains dan Komputer serta Pendidikan (Kimia) dengan kod 3-huruf (ISC) adalah lebih mirip kepada personaliti investigatif, sosial dan konvensional berbanding dengan profil personaliti sosial, investigatif dan realistik (SIR) pada KTH-EOF. Bagi SM Sains serta Pendidikan (TESL) dengan kod 3-huruf (SAI) adalah lebih mirip kepada personaliti sosial, artistik dan investigatif berbanding dengan profil personaliti sosial, artistik dan enterprising (SAE) pada KTH-EOF. Bagi SM Sains serta Pendidikan (Matematik) dengan kod 3-huruf (SRE) adalah lebih mirip kepada personaliti sosial, realistik, dan enterprising berbanding dengan profil personaliti sosial, artistik dan enterprising (SAE) pada KTH-EOF. Bagi SM Sains serta Pendidikan (Sains) dengan kod 3-huruf (SCR) adalah lebih mirip kepada personaliti sosial, konvensional dan realistik berbanding dengan profil personaliti sosial, artistik dan enterprising (SAE) pada KTH-EOF. Bagi SM Sains dan Komputer serta Pendidikan (Fizik) dengan kod 3-huruf (SAI) adalah lebih mirip kepada personaliti sosial, artistik dan investigatif berbanding dengan profil personaliti sosial, investigatif dan realistik (SIR) pada KTH-EOF. Bagi SM Sains serta Pendidikan (Sains Sukan) dengan kod 3-huruf (SEA) adalah lebih mirip kepada personaliti sosial, enterprising dan artistik berbanding dengan profil personaliti investigatif, artistik dan enterprising (IAE) pada KTH-EOF. Bagi SM Sains dan Komputer serta Pendidikan (Matematik) dengan kod 3-huruf (CSI) adalah lebih mirip kepada personaliti konvensional, sosial dan investigatif berbanding dengan profil personaliti sosial, artistik dan enterprising (SAE) pada KTH-EOF. Rumusnya profil KTH-UTM berbanding dengan KTH-EOF adalah hampir padan .

5.2.2 : Pola Persekitaran Setiap Kursus Mengikut Fakulti

5.2.2.1: Pola Persekitaran Setiap Kursus Fakulti Alam Bina

Berdasarkan Bab 4, Jadual 4.2.2.1 menunjukkan Pola Persekitaran (kod tiga huruf - KTH) mengikut kursus-kursus di fakulti Alam Bina. Hasil dapatan menunjukkan empat daripada lima kursus di fakulti Alam Bina iaitu SSB, SBQ, SBS dan SBW mempunyai jenis persekitaran sosial (S) dan artistik (A) sebagai jenis persekitaran kedua sementara kursus SBL mempunyai dominasi sosial (S) sebagai kod keduanya.

Berdasarkan Jadual 4.2.2.1 dalam Bab 4 dan *The Educational Opportunities Finder* (EOF) Holland (1973, 1985) bahawa hasil dapatan menunjukkan bahawa pola personaliti yang didapati bagi pelajar-pelajar kursus SM Alam Bina (Bangunan) dengan kod 3-huruf (SAI) lebih mirip ke persekitaran sosial, artistik dan investigatif berbanding dengan profil persekitaran investigatif, artistik dan enterprising (IAE) pada KTH-EOF. Manakala kursus SM Alam Bina (Senibina Landskap) adalah lebih mirip kepada persekitaran Artistik, sosial dan enterprising (ASE) berbanding dengan profil persekitaran artistik, investigatif dan realistik (AIR) pada KTH-EOF. Bagi kursus SM Alam Bina (Ukur Bahan) adalah lebih mirip kepada persekitaran sosial, artistik dan enterprising (SAE) berbanding dengan profil persekitaran investigatif, enterprising dan realistik (IER) pada KTH-EOF. Bagi kursus SM Alam Bina (senibina) adalah lebih mirip kepada persekitaran sosial, artistik dan konvensional (SAC) berbanding dengan profil persekitaran investigatif, artistik dan enterprising (IAE) pada KTH-EOF. Bagi kursus SM Alam Bina (Perancangan Bandar dan Wilayah) adalah lebih mirip kepada persekitaran sosial, artistik dan konvensional (SAC) berbanding dengan profil persekitaran enterprising, investigatif dan sosial (EIS) pada KTH-EOF. Rumusnya profil persekitaran KTH-EAT berbanding dengan profil persekitaran KTH-EOF mempunyai padanan yang lemah

5.2.2.2: Pola Persekitaran Setiap Kursus Di Fakulti Kejuruteraan Awam

Merujuk kepada Bab 4, Jadual 4.2.2.2 menunjukkan Pola Persekitaran (kod tiga huruf - KTH) mengikut kursus-kursus di fakulti Awam. Dapatan di dalam jadual di atas menunjukkan kursus SAS dan SAW mempunyai pola kod huruf yang pertama dan kedua yang sama iaitu SI dimana kedua-duanya mempunyai jenis persekitaran sosial (S) yang utama dan jenis persekitaran investigatif (I) yang kedua manakala kursus SAP mempunyai jenis persekitaran realistik (R) yang utama dan sosial (S) sebagai jenis persekitaran kedua.

Berdasarkan Jadual 4.2.2.2 dalam Bab 4 dan *The Educational Opportunities Finder* (EOF) Holland (1973, 1985) bahawa hasil dapatan menunjukkan bahawa pola persekitaran yang didapati bagi pelajar-pelajar kursus SM Kejuruteraan Awam (Pengurusan Pembinaan) dengan kod 3-huruf (RSI) lebih mirip ke bahagian realistik dan sosial berbanding dengan profil persekitaran investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Bagi kursus SM Kejuruteraan Awam (Alam Sekitar) adalah lebih mirip kepada profil persekitaran sosial, investigatif dan artistik (SIA) berbanding dengan profil persekitaran investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Manakala bagi kursus SM Kejuruteraan (Awam) adalah lebih mirip kepada profil persekitaran sosial, investigatif dan konvensional (SIC) berbanding dengan profil persekitaran investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Rumusannya profil persekitaran KTH-EAT berbanding dengan profil persekitaran KTH-EOF mempunyai padanan yang lemah.

5.2.2.3: Pola Persekitaran Setiap Kursus Di Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Merujuk kepada Bab 4, Jadual 4.2.2.3 menunjukkan Pola Persekitaran (kod tiga huruf - KTH) mengikut kursus-kursus di fakulti Kejuruteraan Elektrik. Empat daripada lapan kursus dari fakulti Elektrik mempunyai kod awalan atau jenis persekitaran investigatif (I) dan kod awalan ini berpadanan dengan kod awalan EOF (Educational Opportunities Finder). Dua kursus iaitu SCC dan SER mempunyai jenis

persekitaran sosial (S) sementara kursus SEL dan SEM mempunyai jenis persekitaran realistik (R).

Berdasarkan Jadual 4.2.1.4 dan *The Educational Opportunities Finder* (EOF) Holland (1973, 1985) bahawa hasil kajian menunjukkan bahawa pola persekitaran yang didapati bagi pelajar-pelajar kursus SM Kejuruteraan Elektrik (Komputer) dengan kod 3-huruf (SCI) adalah lebih mirip kepada persekitaran sosial, konvensional dan investigatif berbanding dengan profil persekitaran realistik, investigatif dan sosial (RIS) pada KTH-EOF. Bagi kursus Kejuruteraan Elektrik (Komputer) dengan kod 3-huruf (ISR) adalah lebih mirip kepada persekitaran investigatif, sosial, dan realistik berbanding dengan ciri-ciri persekitaran realistik, investigatif dan sosial (RIS) pada KTH-EOF. Bagi kursus Kejuruteraan Elektrik (Elektrik) dengan kod 3-huruf (ISR) adalah lebih mirip kepada persekitaran investigatif, sosial dan realistik berbanding dengan profil personaliti investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Bagi kursus Kejuruteraan Elektrik (Elektrik Kawalan dan Instrumentasi) dengan profil kod 3-huruf (IRS) adalah lebih mirip pada persekitaran investigatif, realistik dan sosial berbanding dengan profil persekitaran investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Bagi kursus Kejuruteraan Elektrik (Elektrik-Elektronik) dengan kod 3-huruf (RSI) ia lebih mirip pada personaliti realistik, sosial dan investigatif berbanding dengan profil persekitaran investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Bagi kursus Kejuruteraan Elektrik (Elektrik-Mekatronik) dengan kod 3-huruf (RSI) ia lebih mirip pada persekitaran realistik, sosial dan investigatif berbanding dengan profil persekitaran investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Bagi kursus Kejuruteraan Elektrik (Elektrik-Robotik) dengan kod 3-huruf (SIA) adalah lebih mirip kepada personaliti sosial, investigatif dan artistik berbanding dengan profil personaliti investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Bagi kursus Kejuruteraan Elektrik (Elektrik-Komunikasi) dengan kod 3-huruf (ISC) adalah lebih mirip pada profil personaliti investigatif, sosial dan konvensional berbanding dengan profil personaliti investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Rumusannya profil persekitaran KTH-EAT berbanding dengan KTH-EOF mempunyai padanan yang lemah.

5.2.2.4: Pola Persekitaran Setiap Kursus Di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Merujuk kepada Bab 4, Jadual 4.2.2.4 menunjukkan Pola Persekitaran (kod tiga huruf - KTH) mengikut kursus-kursus di fakulti Kejuruteraan Mekanikal. Hasil dapatan menunjukkan kursus-kursus berikut iaitu SMB, SMK, SMM dan SMV mempunyai jenis persekitaran realistik (R) manakala kursus SMI mempunyai jenis persekitaran konvensional (C). Dapatan yang sama menunjukkan responden dari kursus SMP dan SMT mempunyai jenis persekitaran sosial (S) dan responden dari kursus SRI mempunyai jenis persekitaran artistik (A) dan kod persekitaran realistik (R) sebagai kod kedua.

Berdasarkan Jadual 4.2.2.4 dan *The Educational Opportunities Finder (EOF)* Holland (1973, 1985) bahawa hasil kajian menunjukkan bahawa pola persekitaran yang didapati bagi pelajar-pelajar kursus SM Kejuruteraan Mekanikal (Bahan) dengan kod 3-huruf (RIC) adalah lebih mirip pada persekitaran realistik, investigatif dan konvensional berbanding dengan persekitaran realistik, investigatif dan enterprising (RIE) pada KTH-EOF. Bagi kursus Kejuruteraan Mekanikal (Industri) dengan kod 3-huruf (CSE) adalah lebih mirip pada persekitaran konvensional, sosial dan enterprising berbanding dengan profil persekitaran realistik, investigatif dan enterprising (RIE) pada KTH-EOF. Bagi kursus Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi-Marin) dengan kod 3-huruf (RSE) ia lebih mirip pada persekitaran realistik, sosial dan investigatif berbanding dengan profil persekitaran realistik, investigatif dan enterprising (RIE) pada KTH-EOF. Bagi kursus Kejuruteraan Mekanikal (Mekanikal) dengan profil kod 3-huruf (RIS) adalah lebih mirip pada persekitaran realistik, investigatif dan sosial berbanding dengan profil personaliti realistik, investigatif dan enterprising (RIE) pada KTH-EOF. Bagi kursus Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) dengan kod 3-huruf (SCA) ia lebih mirip pada persekitaran sosial, konvensional dan artistik berbanding dengan profil persekitaran realistik, investigatif dan enterprising (RIE) pada KTH-EOF. Bagi kursus Kejuruteraan Mekanikal (Aerounatik) dengan kod 3-huruf (SIC) ia lebih mirip pada persekitaran sosial, investigatif dan konvensional berbanding dengan profil persekitaran investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Bagi kursus Kejuruteraan Mekanikal (Automatif) dengan kod 3-huruf (RSI) ia adalah hampir secukupnya dengan persekitaran realistik, enterprising dan investigatif (REI) pada KTH-EOF. Bagi kursus Kejuruteraan Mekanikal (Rekabentuk

Industri) dengan kod 3-huruf (ARI) adalah lebih mirip pada profil persekitaran artistik, realistik dan investigatif berbanding dengan profil persekitaran realistik, investigatif dan enterprising (RIE) pada KTH-EOF. Rumusnya profil persekitaran KTH-EAT berbanding dengan KTH-EOF mempunyai padanan yang lemah.

5.2.2.5: Pola Persekitaran Setiap Kursus Di Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli

Merujuk kepada Bab 4, Jadual 4.2.2.5 menunjukkan Pola Persekitaran (kod tiga huruf - KTH) mengikut kursus-kursus di fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli. Dapatan menunjukkan kelima-lima kursus bagi fakulti di atas mempunyai jenis persekitaran investigatif (I) dan mempunyai persamaan dengan jenis persekitaran EOF.

Hasil dapatan menunjukkan bahawa pola persekitaran yang didapati bagi pelajar-pelajar kursus SM Kejuruteraan (Kimia-Biproses) dengan kod 3-huruf (ISC) adalah lebih mirip pada persekitaran investigatif, sosial dan konvensional berbanding dengan profil persekitaran investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Bagi kursus SM Kejuruteraan (Kimia-Gas) dengan kod 3-huruf (IRC) adalah lebih mirip pada persekitaran investigatif, realistik dan konvensional berbanding dengan profil persekitaran investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Bagi kursus SM Kejuruteraan (Kimia) dengan kod 3-huruf (ISC) adalah lebih mirip kepada persekitaran investigatif, sosial dan konvensional dan sedikit secukupnya dengan profil persekitaran investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Bagi kursus SM Kejuruteraan Kimia (Petroleum) dengan kod 3-huruf (IS) adalah lebih mirip kepada persekitaran investigatif dan sosial adalah sedikit secukupnya dengan profil persekitaran investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Bagi kursus SM Kejuruteraan Kimia (Kimia-Polimer) dengan kod 3-huruf (ICR) adalah lebih mirip kepada persekitaran investigatif, konvensional dan realistik dan sedikit secukupnya dengan profil persekitaran investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Rumusnya profil persekitaran KTH-EAT mempunyai persamaan persekitaran investigatif dengan KTH-EOF.

5.2.2.6: Pola Personaliti - Persekitaran (EAT) Setiap Kursus Di Fakulti Kejuruteraan Dan Sains Geoinformasi

Merujuk kepada Bab 4, Jadual 4.2.2.6 menunjukkan pola persekitaran (kod tiga huruf - KTH) mengikut kursus-kursus di fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi. Hasil dapatan menunjukkan kursus-kursus berikut iaitu SGG, SGN, SGP dan SGU mempunyai kod awalan atau jenis persekitaran jenis sosial (S) sementara kursus SGS mempunyai jenis persekitaran konvensional (C) dan sosial (S) bagi jenis persekitaran mempunyai persamaan kedua.

Berdasarkan Jadual 4.2.2.6 dan *The Educational Opportunities Finder* (EOF) Holland (1973, 1985) bahawa hasil dapatan menunjukkan bahawa pola persekitaran yang didapati bagi pelajar-pelajar kursus SM Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi (Geoinformatik) dengan kod 3-huruf (SAE) adalah lebih mirip kepada persekitaran sosial artistik dan enterprising berbanding dengan profil persekitaran realistik, investigatif dan enterprising (RIE) pada KTH-EOF. Bagi SM Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah) dengan kod 3-huruf (SAR) adalah lebih mirip pada persekitaran sosial, artistik dan realistik berbanding dengan ciri-ciri persekitaran realistik, investigatif, dan enterprising (RIE). Bagi SM Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi (Pengurusan Harta Tanah) dengan kod 3-huruf (SCE) adalah lebih mirip pada persekitaran sosial, konvensional dan enterprising berbanding dengan ciri-ciri persekitaran realistik, investigatif, dan enterprising (RIE). Bagi SM Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi (Remote Sensing) dengan kod 3-huruf (CSA) adalah lebih mirip pada persekitaran konvensional, sosial dan artistik berbanding dengan ciri-ciri persekitaran realistik, investigatif, dan enterprising (RIE). Bagi SM Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi (Geomatik) dengan kod 3-huruf (SIE) adalah lebih mirip pada persekitaran sosial, investigatif dan enterprising berbanding dengan ciri-ciri persekitaran realistik, investigatif, dan enterprising (RIE) pada KTH-EOF. Rumusnya profil persekitaran KTH-EAT adalah mempunyai padanan yang lemah dengan profil persekitaran KTH-EOF.

5.2.2.7: Pola Personaliti Setiap Kursus Di Fakulti Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia

Merujuk kepada Bab 4, Jadual 4.2.2.7 menunjukkan Pola Persekitaran (kod tiga huruf - KTH) mengikut kursus-kursus di fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia. Hasil dapatan menunjukkan jenis persekitaran utama bagi kursus-kursus di atas tidak seragam. Walau bagaimanapun kod persekitaran sosial (S) dan konvensional (C) merupakan jenis persekitaran utama atau kedua bagi keempat-empat kursus tersebut.

Berdasarkan Jadual 4.2.2.7 dan *The Educational Opportunities Finder* (EOF) Holland (1973, 1985) bahawa hasil kajian menunjukkan bahawa pola persekitaran yang didapati bagi pelajar-pelajar kursus SM Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (Pengurusan Perakaunan) dengan kod 3-huruf (SAI) adalah lebih mirip kepada persekitaran sosial, artistik, dan investigatif berbanding dengan profil persekitaran konvensional, enterprising dan investigatif (CEI) pada KTH-EOF. Bagi SM Pengurusan Teknologi (Pemasaran) dengan kod 3-huruf (CSA) adalah lebih mirip kepada persekitaran konvensional, sosial dan artistik berbanding dengan profil persekitaran sosial, enterprising dan konvensional (SEC) pada KTH-EOF. Bagi SM Sains (Pembangunan Sumber Manusia) dengan kod 3-huruf (ISA) adalah lebih mirip kepada persekitaran investigatif, sosial dan artistik berbanding dengan profil personaliti sosial, enterprising dan konvensional (SEC) pada KTH-EOF. Bagi SM Pengurusan (Teknologi) dengan kod 3-huruf (CSE) adalah lebih mirip kepada persekitaran konvensional, sosial dan enterprising berbanding dengan profil persekitaran sosial, enterprising dan konvensional (SEC) pada KTH-EOF. Rumusannya profil KTH-EAT berbanding dengan KTH-EOF mempunyai padanan yang lemah.

5.2.2.8: Pola Persekitaran Setiap Kursus Di Fakulti Sains Komputer Dan Sistem Maklumat

Jadual 4.2.2.8 menunjukkan Pola Persekitaran (kod tiga huruf - KTH) bagi kursus SCK di fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat ialah sosial (S) sementara jenis persekitaran kedua ialah konvensional (C).

Berdasarkan Jadual 4.2.2.8 dan *The Educational Opportunities Finder* (EOF) Holland (1973, 1985) bahawa hasil kajian menunjukkan bahawa pola personaliti yang didapati bagi pelajar-pelajar kursus SM Sains Komputer dan Sistem Maklumat dengan kod 3-huruf (SCI) adalah lebih mirip pada personaliti sosial, konvensional dan investigatif berbanding dengan profil personaliti investigatif, konvensional dan sosial (ICS) pada KTH-EOF. Rumusannya profil KTH-EAT berbanding dengan KTH-EOF mempunyai padanan yang lemah.

5.2.2.9: Pola Personaliti Setiap Kursus Di Fakulti Sains

Merujuk kepada Bab 4, Jadual 4.2.2.9 menunjukkan Pola Persekitaran (kod tiga huruf - KTH) mengikut kursus-kursus di fakulti Sains. Hasil dapatan menunjukkan kursus-kursus dari fakulti Sains kecuali kursus SSM mempunyai jenis persekitaran investigatif (I) sementara kod persekitaran kedua ialah sosial (S) dan realistik (R). Jenis persekitaran yang utama bagi kursus SSM ialah sosial (S) diikuti dengan konvensional (C).

Berdasarkan Jadual 4.2.2.9 dan *The Educational Opportunities Finder* (EOF) Holland (1973, 1985) bahawa hasil kajian menunjukkan bahawa bagi kursus SM Sains (Biologi Industri) dengan kod 3-huruf (ISC) adalah lebih mirip kepada persekitaran investigatif, sosial dan konvensional berbanding dengan profil persekitaran investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Bagi SM Sains (Kimia Industri) dengan kod 3-huruf (ISR) adalah lebih mirip kepada persekitaran investigatif, sosial dan realistik berbanding dengan profil persekitaran investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Bagi SM Sains (Fizik Bahan) dengan kod 3-huruf (ISA) adalah lebih mirip kepada persekitaran investigatif,

sosial dan artistik berbanding dengan profil personaliti investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Bagi SM Sains (Fizik Industri) dengan kod 3-huruf (IRS) adalah lebih mirip kepada persekitaran investigatif, realistik dan sosial berbanding dengan profil persekitaran investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Bagi SM Sains (Fizik Kesihatan) dengan kod 3-huruf (ISE) persekitaran investigatif, sosial dan enterprising berbanding dengan profil persekitaran investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Bagi SM Sains (Matematik Industri) dengan kod 3-huruf (SCE) pola persekitaran yang didapati bagi pelajar ialah sosial, konvensional dan enterprising berbanding dengan profil persekitaran investigatif, realistik dan enterprising (IRE) pada KTH-EOF. Rumusannya profil KTH-EAT mempunyai padanan yang lemah dengan KTH-EOF.

5.2.2.10: Pola Persekitaran Setiap Kursus Di Fakulti Pendidikan

Merujuk kepada Bab 4, Jadual 4.2.2.10 menunjukkan Pola Persekitaran (kod tiga huruf - KTH) mengikut kursus-kursus di fakulti Pendidikan. Hasil dapatan menunjukkan jenis persekitaran utama bagi kursus-kursus di fakulti Pendidikan tidak seragam. Walau bagaimanapun kod persekitaran sosial (S) merupakan jenis persekitaran utama atau kedua bagi hampir kesemua kursus di atas kecuali jenis persekitaran realistik (R) bagi kursus SPA, SPC dan SPJ dan jenis konvensional bagi kursus SPT. Jenis-jenis persekitaran dapatan pengkaji adalah hampir sama dengan kod tiga huruf EOF kecuali susunan kod tiga hurufnya berbeza.

Berdasarkan Jadual 4.2.10 dan *Educational Opportunities Finder* (EOF) Holland (1973, 1985) bahawa hasil kajian menunjukkan bahawa pola persekitaran yang didapati bagi pelajar-pelajar kursus SM Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam)) dengan kod 3-huruf (RIC) adalah lebih mirip kepada persekitaran realistik, investigatif dan konvensional berbanding dengan profil persekitaran sosial, artistik dan enterprising (SAE) pada KTH-EOF. Bagi SM Sains serta Pendidikan (Kimia) dengan kod 3-huruf (RIS) adalah lebih mirip kepada persekitaran realistik, investigatif dan sosial berbanding dengan profil persekitaran sosial, investigatif dan realistik (SIR) pada KTH-EOF. Bagi SM Sains serta Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik) dengan kod 3-huruf (RSA) adalah lebih mirip

(Kimia-Bioproses), SKG - SM Kej (Kimia-Gas), SKK - SM Kej (Kimia), SKP - SM Kej (Petroleum), SHT - SM Pengurusan (Teknologi), SSC - SM Sains (Kimia Industri), SSD - SM Sains (Fizik Bahan), SPK - SM Sains dan Komputer serta Pendidikan (Kimia) dan SPL - SM Sains serta Pendidikan (TESL). Kesesuaian ini mungkin disebabkan sebahagian besar daripada pelajar-pelajar merupakan pelajar-pelajar yang sangat berminat dan bijak memilih kerjaya bersesuaian dengan personaliti mereka. Di samping itu mereka mempunyai cita-cita dan wawasan untuk mendalami bidang yang diceburi sehingga mencapai tahap kepakaran sejajar dengan tuntutan dan kehendak masyarakat industri (Mohd. Nor Ismail, 1985). Dengan itu sudah tentu mereka akan memberikan perkhidmatan yang bermutu tinggi apabila mereka keluar nanti.

Tahap kongruen personaliti-persekitaran berdasarkan Educational Opportunities Finder oleh Holland (KEOF) di antara 60 jenis kursus di UTM iaitu dapatan menunjukkan hanya 5 kursus mempunyai keserasian hampir padan. Kursus-kursus tersebut ialah SSF - SM Sains (Fizik Industri), SPF - SM Sains serta Pendidikan (Fizik), SKP - SM Kej (Petroleum), SPK - SM Sains dan Komputer serta Pendidikan (Kimia) dan SPL - SM Sains serta Pendidikan (TESL). Oleh yang demikian dirasakan amat perlu melihat semula kedudukan para pelajar yang memasuki institut pengajian tinggi (IPT) khususnya dalam jurusan sains dan teknologi sama ada mereka ini mempunyai kekuatan akademik dan *aptitude* pada bidang yang dipohon, yang seharusnya meyakinkan pihak institut pengajian tinggi (IPT).

Selain daripada itu kajian ini juga menyokong secara langsung teori Holland dan beberapa kajian yang lain tentang pemilihan kerjaya. Individu yang mempunyai personaliti yang sama atau seakan-akan sama sudah tentu akan memilih jenis kursus, latihan, persekitaran atau pekerjaan yang seakan-akan sama dengan personaliti mereka juga. Dengan itu ia akan mendatangkan kepuasan dalam dunia pekerjaan kelak. Implikasi kajian ini dengan jelas menunjukkan bahawa seseorang itu perlu merancang kerjayanya dengan teliti supaya dapat membuat pemilihan yang tepat dan sesuai dengan personaliti dan persekitarannya ke arah komitmen yang tinggi terhadap pekerjaan pada masa akan datang.

Kajian turut membuktikan walaupun teori Tipologi Kerjaya Holland (1973, 1978, 1985) dicipta di barat dengan pemikiran barat namun masyarakat Malaysia menyokong saranan teori tentang fitrah semula jadi manusia. Teori ini dapat digunakan dalam budaya dan masyarakat Malaysia dalam aspek pemilihan dan

pembangunan kerjaya. Mengikut respon dari pelajar-pelajar dalam kajian ini, pemilihan bidang pengajian adalah ciri-ciri minat dan galakan kebolehan yang sedia ada padanya. Pelajar yang sihat dan stabil dari segi psikologi adalah pelajar yang dapat memilih persekitaran atau pengkhususan pengajian yang selaras dengan personalitinya .

Menyedari hakikat ini maka bertambahlah penting perancangan kerjaya dalam hidup sebagai seorang pelajar. Maka sudah sampai masanya institusi-institusi pengajian tinggi (IPT) untuk memikirkan dengan serius betapa pentingnya untuk mendapatkan individu-individu yang benar-benar layak dan sesuai untuk bekerja atau pun belajar ke tahap kepakaran dalam bidang pengkhususan masing-masing. Seterusnya pihak-pihak IPT yang berkenaan pula akan cuba mengeluarkan graduan-graduan yang benar-benar berkualiti iaitu pakar dalam bidang masing-masing. Justeru mereka akan memberi sumbangan yang besar ertinya dalam pembangunan negara maju pada masa akan datang.

Berdasarkan situasi semasa, jelaslah kesedaran tentang pentingnya kesesuaian personaliti dengan persekitaran perlu disemai dan dipupuk lebih-lebih lagi dimulakan dari bangku sekolah. Jelaslah proses pemilihan kerjaya adalah suatu perkara yang penting dan kritikal kepada para pelajar dalam situasi yang tidak menentu hari ini. Dengan itu pendidikan kerjaya dan sistem maklumat adalah memainkan peranan yang penting untuk membantu para pelajar merancang kerjaya masa depannya dengan teliti dan teratur. Walaupun membuat pemilihan dan keputusan kerjaya bukan sesuatu yang mudah, para pelajar perlu dididik bagaimana hendak mengintegrasikan maklumat berkenaan diri dengan maklumat pekerjaan (Sidek Mohd Noah, 2000). Para pelajar di institusi pengajian tinggi sewajarnya diberikan bimbingan oleh para kaunselor yang bertaualiah dan berpengalaman tinggi agar individu pelajar itu menepati pilihan kerjayanya bersesuaian dengan orientasi dirinya.

Sistem pemilihan kerjaya yang lebih menyeluruh dan syumul perlu diberikan perhatian serius kerana ia memainkan peranan penting dalam menentukan kepuasan psikologi, motivasi pencapaian dan pembentukan peribadi dalam satu “vicious circle” khususnya di kalangan para pelajar di institusi pengajian tinggi. Keselarasan kerjaya adalah faktor yang melibatkan komitmen, daya usaha kreatif, mutu kerja dan sikap

keselamatan bekerja dalam memberikan lebih munafaat kepada individu, organisasi, masyarakat dan negara.

Penghasilan pemetaan 'College Major' ala Malaysia untuk kaunselor-kaunselor

tempatan adalah sama-sama penting. Memandangkan bahawa kesesuaian sesuatu bidang pengajian dan pekerjaan itu penting berorientasikan diri pelajar dengan persekitarannya dalam konteks mempertingkatkan mutu pengajian, maka diharapkan kajian ini berguna bagi menimbulkan kesedaran tentang kepentingan membuat keputusan dalam pemilihan kerjaya di kalangan para pelajar.

Umumnya, aspek keselarasan kerjaya yang melibatkan pola-pola personaliti-persekitaran dan hubungannya dengan motivasi pencapaian dan pencapaian akademik perlu juga diberi perhatian yang serius sama ada dalam penyelidikan atau aplikasinya dalam sistem pendidikan negara.

Justeru itu, kajian ini mempunyai rasional yang tegas sebagai satu cadangan dan panduan untuk pihak universiti menekankan kepentingan kesesuaian pola-pola personaliti dan persekitaran dalam penempatan pelajar-pelajar dan mengaitkan dengan motivasi pencapaian, pencapaian akademik, gaya pembelajaran dan konsep sendiri. Justeru terdapat faktor lain yang penting yang saling mempengaruhi kejayaan seperti maklumat diri yang jelas, konsep sendiri dan minat kerjaya yang diperolehi daripada ujian personaliti membentuk arah dengan matlamat yang jelas. Pembentukan arah hidup dan matlamat yang jelas pada individu, seterusnya akan membantu menyelesaikan masalah yang dinyatakan oleh Sharp dan Marva (1989, dalam Amir Awang, 1983) bahawa kategori pemasalahan terbesar yang sering dikemukakan adalah pemilihan kerjaya.

Berdasarkan implikasi-implikasi yang dibincangkan satu sistem pemilihan bidang pengajian yang sistematik wajar diadakan untuk mengatasi masalah kesilapan memilih kerjaya dan budaya negatif. Dengan ini diyakini bahawa satu cara hidup yang inovatif, kreatif dan berdikari dalam penentuan dan pemilihan kerjaya pelajar-

pelajar Malaysia harus wujud untuk menangani beberapa masalah pengangguran, budaya pergantungan, dan sikap negatif untuk generasi masa akan datang.

7.0 Kelemahan-Kelemahan Kajian

7.1 Instrumen kajian kekurangan item-item terkini . Maklumat dari responden melalui soal selidik dengan menggunakan teknik kertas dan pensil sahaja tanpa temu bual dengan beberapa responden untuk menyokong dapatan kajian.

7.2 Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian perlu diambil kira sekiranya ada apa-apa pindaan atau modifikasi dilakukan dalam penambahan, pengurangan atau pembetulan item-item soal selidik

7.3 Pengkaji dan para pembantu kajian mengalami kesukaran dalam mengawal situasi ketika mengumpul semua sampel kajian sebanyak 2,062 orang responden dalam satu masa dan tempat. Kesukaran juga terdapat dalam urusan mengedar soal selidik dan mendapatkannya kembali selepas mendapat tindak balas daripada responden.

7.4 Faktor masa, perbelanjaan kajian dan sumbangan tenaga haruslah diambil kira bagi memenuhi objektif kajian.

8.0 Cadangan-Cadangan

Meneliti keseluruhan kajian ini pengkaji ingin memajukan beberapa cadangan seperti berikut :

8.1 Satu sistem ujian personaliti-persekitaran yang menyeluruh dan selaras dari tahap sekolah rendah, menengah dan institut pengajian tinggi perlu dibentuk dan diselaraskan dengan perkembangan terkini dari aspek pengajian dan pekerjaan.

- 8.2 Penghasilan pemetaan 'College Major' ala Malaysia untuk kaunselor-kaunselor tempatan adalah perlu sama-sama memikirkan semula. Memandangkan bahawa kesesuaian sesuatu bidang pengajian dan pekerjaan itu penting berorientasikan diri pelajar dengan persekitarannya dalam konteks mempertingkatkan mutu pengajian, maka diharapkan kajian ini berguna bagi menimbulkan kesedaran tentang kepentingan membuat keputusan dalam pemilihan kerjaya di kalangan para pelajar.
- 8.3 Inventori SDS-Form Easy versi Amla (1985) sebagai bahan penggunaan semasa ketika menjalankan proses kaunseling kerjaya diperbarui dengan item-item baru di dalamnya agar selaras dengan perubahan semasa, budaya teknologi informasi (IT), teknologi dan cita rasa baru pelajar dalam dunia yang cepat berubah.
- 8.4 Pihak institusi pengajian tinggi harus mengkaji satu kaedah / prosedur yang sistematik dalam proses menyaring, menapis, memilih dan menempatkan pelajar-pelajar ke bidang pengajian masing-masing berdasarkan teori perkembangan kerjaya agar dapat menampilkan pelajar yang berminat dan berkualiti.
- 8.5 Satu sistem bantuan atau pemulihan dalam program khas jaya diri untuk meningkatkan motivasi pencapaian di kalangan pelajar-pelajar yang bermasalah akademik dan amali.

Di samping itu dicadangkan beberapa bentuk kajian susulan yang lebih baik yang dapat dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lain untuk majukan lagi bidang ini. Antaranya ialah :

- 8.6 Mengumpul semula instrumen kajian yang terkini untuk melihat hubungan antara keselarasan kerjaya dengan pembolehubah lain.

- 8.7 Kajian lanjutan dengan sampel yang lebih besar bagi setiap program / kursus diadakan oleh setiap fakulti dan kemudiannya diselaraskan oleh pihak unit pembangunan dan sumber pelajar universiti.
- 8.8 Agar kajian lanjutan diusahakan bukan sahaja daripada sudut keselarasan kerjaya tetapi juga dari sudut perkembangan IQ dan EQ, hubungan rakan sebaya, hubungan dengan pensyarah dan ahli pengajian. penglibatan dalam aktiviti luar dan ko-kurikulum. Fokus kajian ialah pada motivasi pencapaian dan gaya pembelajaran di institut pengajian tinggi (IPT) secara keseluruhan.
- 8.9 Pendekatan kaedah eksperimental digunakan untuk melihat kesan keselarasan kerjaya ke atas motivasi pencapaian, pencapaian akademik, gaya pembelajaran dan pembolehubah lain.

9.0 Kesimpulan dan Penutup

Sebagai kesimpulan kajian yang diusahakan ini telah berjaya mencapai tujuannya dan menjawab persoalan kajian yang telah dikemukakan. Berdasarkan dapatan profil personaliti-persekitaran pelajar yang dikaji menunjukkan terdapatnya keselarasan kerjaya yang menyokong saranan teori Tipologi Kerjaya Holland (1973, 1978, 1985). Beberapa implikasi kajian dan cadangan-cadangan telah dikemukakan oleh pengkaji. Dengan ini kajian ini telah berjaya memperoleh dapatan yang bermakna dan berjaya menjawab kesemua persoalan kajian yang dikemukakan di awal kajian.

Bibliografi

- Abler, R.M. (1985). **Sex differences in computer orientation by Holland type**. Laporan daripada Education Resource Information Center. (ERIC)
- Allport, G.W. (1961). **Personality : A Psychological intreprétation**. London : Constable.
- Allport, G.W. (1961). **Pattern dan Growth in Personality**. New York : Holt, Rinchart and Winston Inc.
- Allport, G., Vernon, P., Lindzey, G. (1970). **The Study of Values: A Scale for Measuring the Dominant Interests in Personality (3rd ed.)**. Boston, MA: Houghton-Mifflin.
- Amla H..M.Salleh (1984). An Ivestigation of the Reliability, Validity, and Translation of Holland's Direted-Search for Utilization by a Malaysian Population. Unpublished Doctoral Dissertation Western, Michigan University.
- (1987). Mengukur minat vokasional penuntut Universiti Kebangsaan Malaysia. Laporan kajian yang tidak diterbitkan. Fakulti Pendidikan, UKM.(Tidak diterbitkan).
- Amir Awang (1975). **A Cross-culturel validation study of the Vocational Preference Inventory and The Work Value Inventory. Thesis Phd. yang tidak diterbitkan**. University of Alberta
- _____ (1983, Disember). **“Memilih Pekerjaan”**. **Dewan Masyarakat**, 21 (12): 4 – 7. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Amla Mohd Salleh (1992). **Relationship between achievement motivation and academic performance of college student: In a developing country.** Psychology Report, 63: 719-722.
- Anastasi, A. (1982). **Psychological testing.** New York : McMillan Pub. Co. Inc.
- Ang Hui Lin (1981). Hubungan di antara minat kerjaya dan personaliti dari segi bangsa dan jantina berdasarkan teori Holland. **Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan:** Bangi Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anida Tumiran (2000). Hubungan darjah kongruen pesonaliti-persekitaran dengan kepuasan kerja : tinjauan di kalangan guru-guru kimpalan dan fabrikasi logam, penyejukan dan penyaman udara, automatif dan lukisan kejuruteraan. **Kertas Ilmiah Sarjana Muda.** Universiti Teknologi Malaysia.
- Atan Long (1968). **Psikologi pendidikan.** Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atan Long. (1982). **Psikologi pendidikan.** Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Pustaka.
- Abdul Hanid (1991). Pemilihan Kerjaya : Satu kajian di Kalangan Pelajar-Pelajar Program Bachelor Pendidikan Pengajaran Bahasa Inggeris dan Sains Rumahtangga Universiti Pertanian Malaysia. Kertas Projek Bac. **Bimbingan Kaunseling yang tidak diterbitkan.** Serdang : Universiti Pertanian Malaysia.

- Aziz Yatim (1991). *Pemilihan Kerjaya di Kalangan Pelajar*
Program Bac. Kejuruteraan Awam Universiti Pertanian Malaysia.
Kertas projek yang tidak diterbitkan. Serdang : Universiti Pertanian
Malaysia.
- Atkinson, J.W., & Norman T.F. 1966. **A theory of achievement
motivation.** New York: Winston.
- Azli Abdul Ani. 1991. Keselarasan pemilihan kerjaya di kalangan
pelajar-pelajar tahun pertama bachelar pendidikan, Universiti Pertanian
Malaysia. **Penulisan ilmiah yang tidak diterbitkan.**, UPM.
- Beck, R.C. (1983). **Motivation theories and principles.** New Jersey:
Prentice-Hall, Inc.
- Best, J.W., & Kahn, J.V. 1993. **Research in education.** Boston: Allyn &
Bacon.
- Brown, D., & Brooks, L. 1991. **Career choice and development.** San
Francisco: Jossey-Bass.
- Brown, S., & Gore, P., Jr. (1994). An evaluation of interest congruence
indices: Distribution characteristics and measurement properties.
Journal of Vocational Behavior, 45, 310-327.
- Boon Pong ying & Ragbir Kaur. 1998 Psikologi I (Semester 1). Penerbit Fajar
Bakti Sdn. Bhd. Shah Alam.
- _____ . 1998 Psikologi II (Semester 2). Penerbit Fajar
Bakti Sdn. Bhd. Shah Alam.

Crites, J.O. (1969). Vocational psychology: **The study of vocational behavioral and development**. London: Mc Graw Hill Book.

_____ (1981). **Career counseling: Models, methods and material**. New York: Mc Graw Hill.

_____ (1989). Vocational Psychology: **The Study of Vocational Behavior & Development**. London: Mc Graw Hill Book Company.

Caplow, T. (1954). **The Sociology of Work**. New York: Mc Graw Hill.

Chong Swee Geok (1982). Validity Study of Vocational Preference Inventory Among Adult Worker in Penang. **Tesis Master yang tidak diterbitkan**. Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia.

Dasimah Jalun (1986). Kesedaran kerjaya pelajar-pelajar tingkatan dua di sebuah sekolah menengah : Satu kajian kes. **Latihan Ilmiah Diploma Psikologi**. UKM.

Fabry, J.J. (1976). **An investigation of Holland's Vocational Theory across and within selected occupational groups**. Disertasi yang tidak diterbitkan. University of Kansas.

Fuller, B. E., Holland, J.L., & Johnston, J.A. (1999). The relation of profile elevation in the Self-Directed Search to personality variables. **Journal of Career Assessment**, 7, 111-123.

Fouad., N.A., & Moore, E.J. 1994. Career in cultural context. **Career Development Quaterly**, 43: 96-103.

- Goldman, L. 1971. **Using test in counseling**. New York: Appleton Century Crofts.
- Geoffrey, K. (1985). **Congruence, Locus of control, and reading of English College Students**. Laporan daripada Education Resource Information Center (ERIC).
- Habibah Elias, L. (1971). Perhubungan antara motivasi pencapaian dengan pencapaian murid-murid di dalam kelas ujian penilaian darjah lima di Negeri Selangor. **Kajian ilmiah yang tidak diterbitkan**, UPM.
- Habibah Md. So'ad, 1991. Minat kerjaya dan Hubungannya Dengan Kepuasan Kerja: Satu kajian Kes Di UKM. Latihan Ilmiah (Tidak Diterbitkan) Jabatan Psikologi, UKM.
- Hamid Halit (^ 1998). Keselarasan kerjaya pelajar-pelajar program Diploma pengurusan perniagaan ITM cawangan Terengganu berdasarkan teori Holland. **Projek Ilmiah**, UTM.
- Happock, R. 1967. **Occupational information**. New York: McGraw-Hill.
- Hilmi Yusof (1988). Hubungan Pemilihan Kerjaya Dengan Personaliti Berdasarkan Teori Holland. **Kertas Projek Bac. Pendidikan Bimbingan Kaunseling**. Serdang: UPM.
- Holland, J.L. (1966). **The Psychology of vocational Choice: A Theory of Personality Types and Model Environments**. Waltham, MA: Blaisdell.
- Holland John, L. et al. (1970). **A Psychological Classification**. Baltimore: John Hopkins University.

- Holland John, L. (1973). **Making Vocational Choice- Theory of Careers**. New Jersey: Englewood Cliff Prentice Hall Inc.
- Holland, J.L., & Holland, J.E. (1977). Distribution and personalities within occupations and fields of study. **Vocational Guidance Quarterly**, March 226-231.
- Holland, J.L. (1977a). **The occupations finder**. Palo Alto, CA, Consulting Psychologist Press.
- Holland, J.L. (1978). Manual for the vocational preference inventory. Palo Alto: **Consulting Psychologists Press, Inc.**
- Holland, J.L.(1985). **Professional Manual: Self-Directed Search**. Odessa, FL: Psychological Assessment Resources.
- Holland, J. (1997). **Making vocational choices**. A theory of vocational personalities and work environments. (3rd ed.) Odessa, FL: Psychological Assessment Resources, Inc.
- Holland, J., Powell, A., & Fritzsche, B. (1994). The Self-Directed Search: **Professional user's guide**. Odessa, FL: PAR
- Holland, J., Fritzsche, B., & Powell, A. (1994). The Self-Directed Search: **Technical manual**. Odessa, FL:PAR.
- Hollander, M.A., & Parker, H.J. (1969). An occupational stereotypes and needs. Their relationship to vocational choice. **Vocational Guidance Quarterly**, 18, 91-98.
- Kamariah bt Mohd. Saad (2000). Hubungan kepuasan kerja dengan Darjah kongruen personaliti-persekitaran : satu tinjauan di kalangan

Guru-guru kejuteraan awam, kejuteraan elektrik, kejuruteraan jentera dan kemahiran hidup. **Kertas projek Sarjana Muda**. UTM.

Lloyd, A.P. dan Aminah Hj. Hashim (1987). **Bimbingan dan kaunseling di Malaysia**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lum Ooi Lee (1985). Kajian terhadap Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pilihan Kerjaya di Kalangan Murid-Murid Sekolah Menengah. Kertas Projek Bac. **Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling yang tidak diterbitkan**. Serdang: Universiti Pertanian Malaysia.

Mahmud Yunus (1979). **Tafsir Quran Karim**. Singapore: Chai Chee.

Mohamad Aziz Shah (2000). Keselarasan kerjaya dan hubungannya dengan motivasi pencapaian dan pencapaian akademik di kalangan pelajar institut bina usahawan. **Tesis Sarjana**, Universiti Putra Malaysia.

Mohd Nor Ismail (1985). Masalah penyesuaian di kalangan remaja. **Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan**. Serdang: Universiti Pertanian Malaysia.

Muhammad Hatta Shaharom (1989). **Psikologi keluarga: Ke arah rumahtangga bahagia**. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Muhd Mansor Abdullah (1986). **Kaunseling: Teori, proses dan kaedah**. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Muhd. Mansur Abdullah & Siti Nordinar Mohd. Tamin. (1989). **Kaunseling kerjaya teori dan amalan**. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Mohd Ramli Yahya (1985). Ciri-Ciri Personaliti dan Minat Kerjaya di Kalangan Siswa-Siswa Tahun Pertama di Universiti Pertanian Malaysia. **Kertas Projek Bac. Pendidikan Bim. Dan Kaunseling**. Serdang : Universiti Pertanian Malaysia.
- Mohd. Parid (1986). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya di Sekolah Menengah Luar Bandar. **Kertas Projek Bac. Pendidikan Bimbingan Kaunseling**. Serdang: Universiti Pertanian Malaysia.
- Mohd Ali Jaamat. (1999). Keberkesanan modul motivasi terhadap peningkatan motivasi pencapaian pelajar di beberapa buah sekolah Daerah Jelevu, Negeri Sembilan. **Kajian ilmiah yang tidak diterbitkan**, UPM.
- Maslow, A. (1970). **Motivation and personality**. New York, Harper and Row.
- Mohd. Majid Konting. (1990). **Kaedah penyelidikan pendidikan**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Shamlan Zabaai. (1991). Kesesuaian kerjaya: Satu kajian di kalangan pelajar-pelajar diploma dan bacelor kejuruteraan pertanian di Universiti Pertanian Malaysian berdasarkan Teori Holland. **Kajian ilmiah**, UPM.
- Mohd Yahya Mohamed Ariffin. (2000). **50 Kerjaya Pilihan**. Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Murray, E. 1972. Student perception of self-actualizing and non self-actualizing teachers. *Journal of Teacher Education*.23: 283-387.

- Ng Chan Heng (1987). Jenis-jenis personaliti dan pemilihan kerjaya: Satu kajian Teori Holland. **Latihan ilmiah**. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norlela Mohd Nor. 1992. Keselarasan pemilihan kerjaya di kalangan pelajar-pelajar tahun pertama bachelo pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia. **Kajian ilmiah**, UPM.
- Narwati Mohd. Jab. 1982. Pemilihan Kerjaya Di Kalangan Pelajar-pelajar Dilihat Dari Aspek Masa dan Faktor-faktor Yang Mempengaruhinya. Satu kajian Kes. Latihan Ilmiah (Tidak Diterbitkan). Jabatan Psikologi UKM.
- Ooi Gim Ewe (1987). Kesesuaian kerjaya: Satu kajian di kalangan guru-guru pelatih di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Bandar Tun Razak, Selangor. **Latihan ilmiah**. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman Mohamed (1977). Personality characteristics an occupational inclinations of Malaysian students of Ohio University. **Thesis M. Ed.** University of Ohio.
- _____ (1988). Personaliti Characteristic and Occupation Indication of Malaysian Students of Ohio University. **Tesis Master**. Ohio: University Ohio.
- Osipow H.H. 1983. Theories of Career Development (3rd Ed.). Prentice-Hall, Inc. Englewood Clifts. N.J.
- Parsons, F (1909). **Choosing a vocation**. Boston: Houghton Mifflin.
- Parsons, F. dan Crites, J.O. (1969). **Vocational Psychology**. The study of vocational behavioral and development. London: McGraw Hill Book.

- Pietrofesa, Leonard dan Giroux (1975). **Career Development: Theory and Research**. New York: Grune and Stratton.
- Rafaei Abdul Rahman (1984). **Kaunseling dan Kerjaya**. Kuala Lumpur: Cheras Penerbitan Pendita.
- Ramli Ismail (1986). Masalah Pemilihan Kerjaya di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Kelantan. **Kertas Projek Bac. Pendidikan Bimbingan Kaunseling**. Serdang: Universiti Pertanian Malaysia.
- Raphael dan Karen, G. (1986). Subjective Occupational Structure and Holland's Theoretical Hexagonal. **Paper presented at the Annual Conventional of the Educational Research Association**. Februari 7-9, 1985.
- Ruslan Mohammad. (1993). Kajian terhadap hubungan di antara keselarasan personaliti dengan kepuasan kerja di kalangan pegawai tadbir jabatan perkhidmatan awam, Lembah Kelang. **Latihan ilmiah**, UPM.
- Rachman, DS.et. al. 1981. A Factor-Analytic Study of the Construct Validity of Holland's Self-Directed Search Test. *Educational and Psychological Measurement*, 41, 425-437
- Sidek Mohd Noah (Februari,1988). Ujian sebagai alat motivasi. **Kertas yang dibentangkan di Seminar Motivasi Pelajar 5** Februari – 7 Februari di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- _____ (1996). Hubungan darjah keselarasan personality dan persekitaran : satu kajian di kalangan pelajar universiti berasaskan teori keselarasan individu-persekitaran Holland. **Tesis Sarjana Muda**. Universiti Kebangsaan Malaysia.

_____ (1998). **Pengujian dalam psikologi dan kaunseling**. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor.

Siegel, A.F. (1988). **Statistic and data analysis: An introduction**. New York: John Wiley and Sons.

Super, D.E. (1957). **The Psychology of careers**. New York: Harper.

_____ (1958). Vocational Development: The Proses of Compromise or Synthesis *Journal of Counseling Psychology* Vol. 3, No.4, 249-253.

Tuckman, B.W. (1978). *Conducting educational research*. New York: Harcourt Brace Jovanovich Inc.

Teuku Iskandar (1984). **Kamus Dewan**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tamilvalavan Arumugam. (1996). Hubungan antara motivasi pencapaian dengan pencapaian akademik pelajar Matrikulasi, Universiti Putra Malaysia. **Kajian ilmiah**, UPM.

Tolbert, E.L. (1980). **Caunseling for career development**. Boston: Houghton Mifflin.

_____ (1984). Holland's Theory Stabiliti of the Vocational Interest. Shaffer and Interest. **Journal of Vocational Behaviour** December 1982, Vol. 21 (3).

- Ugat Wan @ Jalong Wan. 1996. Hubungan antara dimensi-dimensi personaliti dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar-pelajar matrikulasi semester tiga, Universiti Putra Malaysia. **Kajian ilmiah**, UPM.
- Wiggins, James.D. (1980). Holland's theory and retired teachers. **Vocational Guidance Quarterly**, 3, 226-242.
- _____ (1982). Holland's Theory and Retired. *Journal of Vocational guidance Quarterly*. March 1982, Vol. 30 (3). 23-242.
- _____ (1984). Personality-environment factors related to job satisfaction of school counselors. **Vocational Guidance Quarterly**, 33: 69-197.
- Williamson, E.G. (1964). **An historical perspective of the vocational guidance movement**. *Personal and Guidance Journal*, 42, 854-885.
- William and Gerald (1973). **Students Perception of Occupational Congruency**. Baltimore: John Hopkin University.
- Zunker, V.G. (1981). **Career counseling**. California: Brooks and Cole Publishing Co.,.
- Zakarian Zainuddin (1988). Hubungan Antara Pemilihan Kerjaya di Bidang Artistik dengan Personaliti Artistik. **Kertas Projek Bac. Pendidikan Bimbingan Kaunseling**. Serdang: Universiti Pertanian Malaysia.

Zahbah Lep. 1999. Profil personaliti dan hubungannya dengan pencapaian akademik murid-murid sekolah menengah luar bandar daerah Muar, Johor. **Kajian ilmiah** UPM.

SENARAI LAMPIRAN

SURAT	NO. LAMPIRAN	TAJUK	MUKA
	LAMPIRAN 1	- Instrumen Kajian (Soal Selidik SDS-E versi Amla)	
	LAMPIRAN 2	- Perangkaan Pelajar UTM (2003/2004)	
	LAMPIRAN 3	- The Occupational Finder (Holland 1973)	
	LAMPIRAN 4	- Kaedah Pemilihan Sampel dari Populasi (Krejcie & Morgan, 1970)	
	LAMPIRAN 5	- Indeks Keselarasan	

TABLE FOR DETERMINING NEEDED SIZES OF A RANDOMLY CHOSEN SAMPLE FROM A GIVEN FINITE POPULATION OF N CASES SUCH THAT THE SAMPLE PROPORTION P WILL BE WITHIN ± 0.5 OF THE POPULATION PROPORTION P WITH 95 PERCENT LEVEL OF CONFIDENCE

N	S	N	S	N	S
10	10	220	140	1200	291
15	14	230	144	1300	297
20	19	240	148	1400	302
25	24	250	152	1500	306
30	28	260	155	1600	310
35	32	270	159	1700	313
40	36	280	162	1800	317
45	40	290	165	1900	320
50	44	300	169	2000	322
55	48	320	175	2200	327
60	52	340	181	2400	331
65	56	360	186	2600	335
70	59	380	191	2800	338
75	63	400	196	3000	341
80	66	420	201	3500	346
85	70	440	205	4000	351
90	73	460	210	4500	354
95	76	480	214	5000	357
100	80	500	217	6000	361
110	86	550	226	7000	364
120]	92	600	234	8000	367
130	97	650	242	9000	368
140	103	700	248	10000	370
150	108	750	254	15000	375
160	113	800	260	20000	377
170	118	850	265	30000	379
180	123	900	269	40000	380
190	127	950	274	50000	381
200	132	1000	278	75000	382
210	136	1100	285	100000	384

Note : N is population size ; S is sample size

Resource :

Krejcie, R.V. and Morgan, D.W. Determining Sample Size for Research. Educational and Psychological Measurement. 1973, 30, 607 - 610

INDEKS KESELARASAN

- 8 = Huruf-huruf dan susunan bagi kedua kod berpadanan dengan tepat.
(CRS – CRS)
- 7 = Huruf-huruf primer berpadanan tetapi huruf-huruf sekunder dan tertiar bagi
suatu kod terbalik dalam kod yang lain. (CRS – CRS).
atau
hanya huruf-huruf primer dan sekunder berpadanan secara tersusun.
(CRS – CRE)
- 6 = Kesemua huruf kedua-dua kod berpadanan tetapi huruf-huruf primer adalah
tidak sama.
(CRS – RSC) ; (CRS – SRC) ; (CRS – RSC) ; (CRS – SCR)
- 5 = Huruf-huruf primer berpadanan tetapi huruf-huruf sekunder atau tertiar bagi
suatu kod berpadanan hanya dengan huruf tertiar kod lain.
(CRS – CES) ; (CRS – CER) ; (CRS – CER).
- 4 = Huruf-huruf primer dan sekunder atau tertiar bagi suatu kod berpadanan
dengan mana-mana dua huruf kod yang lain, dalam apa sahaja susunan. (SRS – ECS) ; (CRS – ECR) ; (CRS – ECR)
atau
huruf primer suatu kod berpandukan dengan huruf primer kod yang lain. (CRS – CSI) ; (CRS – CEI)
- 3 = Huruf-huruf sekunder dan tertiar bagi suatu kod didapati dalam kod yang lain
dalam apa sahaja susunan. (CRS – ERS) ; (CRS – ERS)
- 2 = Huruf primer bagi suatu kod berpadanan dengan huruf sekunder kod yang
lain. (CRS – ECI)
atau
huruf sekunder bagi suatu kod berpadanan dengan huruf sekunder atau tertiar
dalam kod yang lain. (CRS – ERI) ; (CRS – EIR)
- 1 = Huruf-huruf tertiar bagi kedua-dua kod adalah berpadanan.
- 0 = Tiada huruf-huruf yang berpadanan dalam kedua-dua kod. (CRS – AIE)
-

LAMPIRAN 1

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**SOAL SELIDIK KAJIAN POLA PERSONALITI-PERSEKITARAN (P-E Fit)
DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR UTM**

Pelajar-pelajar yang dikasihi,

Sukacita dimaklumkan bahawa anda dipilih sebagai responden bagi kajian ini. Soal selidik ini bukan ujian kecerdasan, maka tiada jawapan yang betul atau salah. Anda diminta menjawab dengan jujur dan tepat semua soalan kerana keikhlasan anda dalam memberi maklumat adalah penentu keberkesanan kajian ini. Segala butir-butir dan maklumat yang diberikan adalah dirahsiakan dan digunakan khusus untuk kajian ini sahaja. Di atas kerjasama anda semua, terlebih dahulu diucapkan jutaan terima kasih.

Soal selidik ini mngandungi dua bahagian iaitu:

- i) Bahagian A – Butir-butir Diri Responden
- ii) Bahagian B – Self-Directed Search-Form Easy (Versi Amla)

SELAMAT MENJAWAB

UNIT PERKHIDMATAN SOKONGAN PELJAR**Tahun 2003/2004****BAHAGIAN A****BUTIR-BUTIR PERIBADI**

Sila tandakan (✓) dalam ruang jawapan anda. Bagi soalan yang memerlukan jawapan bertulis, sila nyatakannya pada ruang yang disediakan.

1. Jantina :
 - i. Lelaki ()
 - ii. Perempuan ()
2. Umur : _____ tahun
3. Tahun Pengajian : _____ (1, 2, 3, 4)
4. Bangsa :
 - i. Melayu ()
 - ii. Cina ()
 - iii. India ()
 - iv. Lain-lain (nyatakan) _____ ()
5. Kursus : _____ (cth: SPA, SPJ)
6. Kesesuaian kursus pengajian ditawarkan
 - i. Sesuai ()
 - ii. Tidak sesuai ()

Jika jawab i, sila rujuk soalan nombor 7.
Jika jawab ii, sila rujuk soalan nombor 8.
7. Sila nyatakan sebab-sebab anda rasa kursus yang ditawarkan sesuai dengan diri anda

8. Sila nyatakan sebab-sebab anda rasa kursus yang ditawarkan tidak sesuai dengan diri anda

BAHAGIAN B

Sila jawab semua kenyataan yang disediakan di bawah. Tandakan (✓) dalam ruangan 'YA' atau 'TIDAK' pada perkara-perkara yang anda suka atau tidak suka buat atau yang anda rasa suka atau tidak suka melakukannya.

KESUKAAN

	(R)	TIDAK	TIDAK
1.	Mbaiki alat-alat elektrik	1.	
2.	Bekerja dalam makmal	2.	
3.	Membuat benda-benda dari kayu	3.	
4.	Memandu trak atau traktor	4.	
5.	Mengikuti kursus latihan mekanik	5.	
6.	Menggunakan alat-alat kerja logam atau mesin	6.	
7.	Mengubahsuai enjin kereta atau motorsikal	7.	
8.	Mengikuti kursus seni perusahaan	8.	
9.	Mengikuti kursus kerja kayu	9.	
10.	Mengikuti kursus automekanik	10.	

	(I)	YA	TIDAK
1.	Membaca buku-buku atau majalah sains	1.	
2.	Bekerja dalam makmal	2.	
3.	Membuat kerja projek sains	3.	
4.	Membina model roket	4.	
5.	Bekerja menggunakan alat-alat kimia	5.	
6.	Membaca subjek-subjek tertentu	6.	
7.	Mengikuti kursus fizik	7.	
8.	Mengikuti kursus kimia	8.	
9.	Mengikuti kursus geometri	9.	
10.	Mengikuti kursus biologi	10.	

	(A)	YA	TIDAK
1.	Melakar, melukis atau mewarna	1.	
2.	Menonton lakonan/drama	2.	
3.	Merekabentuk perabot atau bangunan	3.	
4.	Bermain dalam kumpulan muzik atau orkestra	4.	

5.	Berlatih menggunakan alat muzik	5.		
6.	Menghadiri pertunjukkan pentas atau muzik	6.		
7.	Mencipta potret atau foto	7.		
8.	Membaca buku-buku lakonan	8.		
9.	Membaca atau menulis sajak	9.		
10.	Mengikuti kursus senilukis	10.		

(S)

		YA	TIDAK
1.	Menulis surat pada kawan	1.	
2.	Menghadiri perjumpaan-perjumpaan agama	2.	
3.	Menganggotai kelab sosial	3.	
4.	Menolong orang yang mempunyai masalah peribadi	4.	
5.	Menjaga kanak-kanak	5.	
6.	Menghadiri majlis-majlis	6.	
7.	Menari	7.	
8.	Menghadiri mesyuarat atau persidangan	8.	
9.	Menghadiri acara sukan	9.	
10.	Memulakan persahabatan	10.	

(E)

		YA	TIDAK
1.	Mempengaruhi orang lain	1.	
2.	Berbincang mengenai politik	2.	
3.	Mengurus perniagaan sendiri	3.	
4.	Menghadiri persidangan-persidangan	4.	
5.	Memberi ceramah	5.	
6.	Menjadi pemimpin sebarang kumpulan	6.	
7.	Menyelia kerja-kerja orang lain	7.	
8.	Menemui orang-orang penting	8.	
9.	Mengetuai kumpulan dalam mencapai satu-satu matlamat	9.	
10.	Mengambil bahagian dalam kempen politik	10.	

(C)

		YA	TIDAK
1.	Menaip bahan-bahan bertulis atau surat-surat	1.	
2.	Mengira angka-angka dalam urusan perniagaan atau menyimpan kira-kira	2.	
3.	Menggunakan mesin perniagaan	3.	

4. Menyimpan rekod-rekod perbelanjaan perniagaan	4.		
5. Mengikuti kursus menaip	5.		
6. Mengikuti kursus perniagaan	6.		
7. Mengikuti kursus simpan-kira	7.		
8. Mengikuti kursus matematik perdagangan	8.		
9. Menyimpan surat-surat, laporan-laporan dan rekod-rekod dalam fail	9.		
10. Menulis surat-surat perniagaan	10.		

Tandakan (✓) dalam ruangan 'YA' pada aktiviti-aktiviti yang anda tahu atau rasa boleh mempelajarinya ATAU ruang 'TIDAK' pada aktiviti-aktiviti yang anda tidak buat atau anda rasa tidak boleh mempelajarinya.

KECEKAPAN

	(R)	YA	TIDAK
	Saya tahu atau mahu belajar cara:		
1.	Menggunakan metervolt	1.	
2.	Melaras karburator	2.	
3.	Menggunakan alat-alat elektrik logam di bengkel seperti drill elektrik	3.	
4.	Memperbaharui perabot atau barang-barang dari kayu	4.	
5.	Membaca blueprints	5.	
6.	Membaiki kerosakan elektrik yang mudah	6.	
7.	Membaiki perabot-perabot	7.	
8.	Membuat lukisan mekanik	8.	
9.	Membaiki kerosakan radio atau tv yang mudah	9.	
10.	Membaiki kerosakan paip air yang mudah	10.	

	(I)	YA	TIDAK
	Saya tahu atau mahu belajar cara:		
1.	Memahami fungsi tube hampa-gas	1.	
2.	Menamakan tiga jenis makanan yang mempunyai kandungan protein yang tinggi	2.	
3.	Memahami halflife dalam unsur radio-aktif	3.	
4.	Menggunakan jadual logaritma	4.	
5.	Menggunakan pengukur boleh-ubah untuk mendarab dan membahagi	5.	

6. **Menggunakan mikroskop**
7. **Mengecam tiga gugusan bintang-bintang**
8. **Menerangkan fungsi-fungsi sel darah putih**
9. **Mentafsir formula kimia yang mudah**
10. Memahami kenapa satelit buatan manusia tidak jatuh ke bumi

6.		
7.		
8.		
9.		
10.		

(A)

YA

TIDAK

Saya tahu atau mahu belajar cara:

1. **Menyanyi dalam kumpulan koir**
2. Melakukan persembahan muzik berseorangan
3. **Berlakon dalam sebuah lakonan**
4. **Memahami gerak-geri moden atau ballet**
5. **Melukis gambar manusia sehingga dapat dikenali**
6. **Mencipta lukisan atau ukiran**
7. **Membuat barang-barang dari tembikar**
8. **Mencipta pakaian, poster atau perabot**
9. **Menulis cerita-cerita atau sajak dengan baik**
10. **Membaca sambil menterjemah**

1.		
2.		
3.		
4.		
5.		
6.		
7.		
8.		
9.		
10.		

(S)

YA

TIDAK

Saya tahu atau mahu belajar cara:

1. **Menerangkan sesuatu dengan jelas**
2. **Boleh bekerjasama atau bekerja dengan orang lain**
3. **Melayan tetamu dengan baik**
4. **Mengajar kanak-kanak**
5. **Merancang hiburan untuk majlis-majlis**
6. **Menolong orang yang dalam kesusahan atau kesedihan**
7. Menjadi pembantu sukarela di hospital, klinik atau di rumah orang-orang tua
8. **Merancang aktiviti-aktiviti amal untuk sekolah**
9. **Meramal personaliti dengan baik**
10. Melayan orang yang lebih tua dari saya dengan baik

1.		
2.		
3.		
4.		
5.		
6.		
7.		
8.		
9.		
10.		

(E)

YA

TIDAK

Saya tahu atau mahu belajar cara:

1. **Menyelia kerja-kerja orang lain**
2. **Membuat orang lain bekerja mengikut cara saya**
3. **Mempunyai semangat dan daya tenaga yang tinggi**
4. **Menjadi jurujual yang pandai**

1.		
2.		
3.		
4.		

5.	Mewakili kumpulan mengemukakan cadangan-cadangan atau aduan kepada pihak berkuasa	5.		
6.	Memenangi hadiah untuk kerja-kerja sebagai jurujual atau pemimpin	6.		
7.	Mengelola kelab, pertubuhan atau kumpulan	7.		
8.	Memulakan perniagaan sendiri	8.		
9.	Menjadi pemimpin yang berjaya	9.		
10.	Menjadi pendebat yang baik	10.		

(C)

Saya tahu atau mahu belajar cara:

		YA	TIDAK
1.	Mengendalikan mesin salin atau mesin campur	1.	
2.	Menulis trengkas	2.	
3.	Menyimpan surat-surat atau bahan-bahan bertulis dalam fail	3.	
4.	Memegang jawatan dalam pejabat	4.	
5.	Menggunakan mesin taip	5.	
6.	Membuat banyak kerja-kerja bertulis dalam masa yang singkat	6.	
7.	Menggunakan mesin kira	7.	
8.	Menggunakan alat pemerosesan data yang mudah seperti keypunch	8.	
9.	Menyimpan rekod-rekod bayaran atau jualan dengan rapi	9.	
10.	Boleh kendalikan kredit dan debit	10.	

Tandakan (✓) dalam ruangan 'YA' pada pekerjaan-pekerjaan yang anda berminat atau 'TIDAK' pada pekerjaan-pekerjaan yang anda tidak suka atau tidak berminat.

PEKERJAAN

(R)

		YA	TIDAK
1.	Mekanik kapal terbang	1.	
2.	Operator jana-elektrik	2.	
3.	Juruukur	3.	
4.	Merinyu binaan	4.	
5.	Operator radio	5.	
6.	Atendan kedai minyak	6.	
7.	Penggunting pokok	7.	
8.	Pereka alat perkakas	8.	
9.	Pengukir foto	9.	
10.	Juru elektrik	10.	

		(I)	YA	TIDAK
1.	Ahli kajicuaca			
2.	Ahli zoologi			
3.	Ahli kimia			
4.	Ahli kajilidik sains bebas			
5.	Penulis rencana sains			
6.	Penyunting jurnal sains			
7.	Ahli kajibumi			
8.	Pembantu ahli kajilidik sains			
9.	Ahli fizik			
10.	Ahli kajibintang			

		(A)	YA	TIDAK
1.	Penyair			
2.	Ahli muzik			
3.	Pengarang			
4.	Penulis bebas			
5.	Penyusun muzik			
6.	Peniaga seni lukis			
7.	Pelatih drama			
8.	Pengubah lagu			
9.	Pengarah pentas			
10.	Penulis lakonan			

		(S)	YA	TIDAK
1.	Pendakwah			
2.	Pakar jenayah kanak-kanak			
3.	Kaunselor perkahwinan			
4.	Guru sains sosial			
5.	Psikologis perubatan			
6.	Pegawai kebajikan masyarakat			
7.	Penolong pegawai pendidikan daerah			
8.	Kaunselor (penuntut)			
9.	Penyiasat kes sakit jiwa			

10. **Kaunselor bimbingan pekerjaan**

10.

(E)

1. **Jurujual saham dan bon**
2. **Penerbit televisyen**
3. **Pengurus hotel**
4. **Pegawai eksekutif**
5. **Pengurus restoran**
6. **Juruacara**
7. **Jurujual berkereta**
8. **Jurujual harta/rumah**
9. **Pakar perunding-perhubungan**
10. **Pengurus kempen politik**

	YA	TIDAK
1.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

(C)

1. **Penyimpan kira-kira**
2. **Pakar kawalan kualiti**
3. **Penyemak belanjawan**
4. **Perangkawan**
5. **Kerani bank**
6. **Penilai harga**
7. **Kerani gaji**
8. **Penganalisa kewangan**
9. **Pemeriksaan kira-kira bank**
10. **Akauntan cukai**

	YA	TIDAK
1.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

TERIMA KASIH